


**PERDANA
MENTERI
YANG
KELIMA**

S. H. ALATTAS



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

بِسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

أَقْرَبَ

BACA, BACALAH DENGAN NAMA TUHAN
YANG MENJADIKAN KAMU

**PERDANA
MENTERI
YANG
KELIMA**

Syed Hussein Alattas

M
351.0031309595
ALA



**النجوم سنديرين برحد
AlNujum Sdn. Bhd.**

16C LORONG MEDAN TUANKU SATU,
MEDAN TUANKU, OFF JLN. TUANKU ABD. RAHMAN,
K. LUMPUR. TELEFON: 918651

372608
APB

23 AUG 1985
Perpustakaan Negara
Malaysia

DAFTAR ISI

1. MUKADIMAH	7
2. MUKADIMAH SATU	19
3. DAULAT TUANKU	25
4. KING OF KINGS (RAJA SEGALA RAJA)	32
5. SIAPA SELEPAS MAHATHIR	37
6. PERDANA MENTERI YANG KELIMA	45
7. BILA NASIB SEDANG BAIK	53
8. NAK PI MANA NI CHE DAT ?	58
9. PERTANDA YANG TIDAK BAIK	63
10. TANDA-TANDA KEMENANGAN	69
11. JAMBATAN INDONESIA MALAYSIA	76
12. GERHANA POLITIK MUSA	83
13. SHAHRIR MENUJU KE KEMUNCAK	92
14. TAHUN BERTUAH	98
15. BAKAL NAIB PRESIDEN UMNO	106
16. KETUA WANITA 1984	110
17. WANITA PILIHAN WANITA	117
18. PEMAIN SILAP MATA	126
19. MAHATHIR OH MAHATHIR	133
20. PEMUDA HARAPAN BANGSA	146
21. TEPUK DADA TANYA SELERA	151
22. KATA PENUTUP	163
23. INDEX	166

CETAKAN PERTAMA APRIL 1984.

\$10.00

© HAKCIPTA S.H. ALATTAS 1984

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang, dalam apa juga bentuk pun dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari Al Nujum Enterprise.

Dicetak oleh:

Loyal Press Sdn. Bhd.
273 & 275, Jalan Perkasa Satu,
Taman Maluri, Cheras,
Kuala Lumpur.

ISTIMEWA
UNTUK
CUCU KESAYANGANKU
PUTRI RABIATUL ADAWIAH
YANG DILAHIRKAN PADA HARI
NUZUL QURAN TAHUN HIJRAH 1403

MUKADIMAH

Dengan nama Allah yang amat Pemurah lagi amat Pengasihani. Segala puji bagi Allah selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi Besar Muhammad S.A.W. serta kaum keluarga dan sekalian sahabatnya.

Tidak ada manusia yang sempurna, sebab itulah mereka yang beriman sentiasa mencari kesempurnaan hidup. Ramai manusia yang mempunyai akal fikiran mempunyai kuasa. Namun begitu berapa ramai di antara mereka yang berakal itu dapat menguasai akal fikiran mereka sendiri? Dapat menentukan hidup mereka berpandukan akal?

Semakin banyak manusia menggunakan akal fikiran untuk mencari kekayaan dunia saja tanpa ibadat kepada Allah semakin tipis Iman mereka, semakin kuat nafsu mereka, semakin merbahaya hidup mereka. Kiranya ada pemimpin begini dalam negara kita, rakyat sentiasa berada dalam jurang bahaya. Pemimpin yang hanya gila kebendaan dan kuasa akan jadi seperti Firaun. Dan makin bertambah banyak harta, serta kuasa dan puji puja dari rakyat bertambah banyak pulalah keinginan dan kesalahan serta dosa yang akan mereka buat.

Masalah Pemimpin adalah masalah kita. Masalah negara juga adalah masalah kita kerana cintakan bangsa dan negara itu separuh dari iman dan kitalah rakyat yang bertanggungjawab untuk mengubah nasib bangsa kita. Siapa lagi kalau bukan kita.

Sebagai seorang penulis peramal, saya mahu membuktikan bahawa takdir yang telah ditentukan oleh Allah dapat mengatasi kebijaksanaan manusia. Ramai manusia yang cerdik menjadi lumpuh dan bodoh bila nasib mereka tiba-tiba saja menjadi buruk, tiba-tiba saja mereka ditimpa malang. Mereka melakukan berbagai kesalahan dan kesilapan yang boleh merugikan mereka. Mereka mulalah buat perangai yang menimbulkan kebencian orang ramai dan akan bertambah buruklah nasib mereka.

Pemimpin politik sepatutnya menyedari peranan takdir dan tuah dalam hidup mereka semasa mereka sedang berkuasa kerana kuasa itu cuma satu barang pinjaman yang tidak dapat menolong kita di waktu malang dan kuasa tidak pernah kekal di tangan manusia dari sejak terciptanya alam ini.

Mari kita merenung nasib bekas Perdana Menteri kita Tun Hussein Onn. Orangnyanya cerdik, terpelajar, anak pemimpin besar pula, di ketika nasibnya baik, dia naik dan mendapat pujian yang melangit. Kalau kita selidik, kenaikannya disebabkan orang lain. Dia menumpang tuah orang mati. Siapa pun tidak pernah terfikir yang dia boleh jadi Perdana Menteri dan sesiapa pun tidak dapat menahannya dari menjadi Perdana Menteri.

Dan bila dia mula jatuh siapa pun tidak dapat dan mahu menolongnya. Mereka membiarkan Si Luncai terjun

dengan labu-labunya. Dan siapakah yang menyebabkan kejatuhannya? Orang dari parti DAP, P.S.R.M atau orang-orang PAS? Hussein Onn jatuh ditikam dari dalam selimut. Siapa pun tidak menangis sedih kerana kehilangannya sebagai seorang Pemimpin. Kalau ada pun orang Melayu yang menunjukkan sedih adalah orang yang kerugian dari segi kebendaan. Hussein Onn bukan pemimpin Melayu, dia cuma pemimpin UMNO.

PAS berpisah dari Barisan Nasional menampakkan ketegasan Hussein Onn. Itu kata orang. Kata Hussein Onn dia tidak main politik. Datuk Harun dipenjarakan kerana dia mahu menangkap ikan besar. Nampaknya satu saja ikan besar yang jadi makanannya. Tapi sampai sekarang Harun tetap merupakan lambang dan sekaligus pejuang UMNO sebagai parti yang memperjuangkan hak Melayu.

Siapa pun tidak pernah terfikir yang Mahathir boleh jadi Perdana Menteri. Dia telah dipecat dari UMNO bersama Musa, tapi kerana nasibnya baik, Datuk Harun bawa dia masuk semula. Tun Razak beri dia jawatan Menteri dalam Kerajaan. Orang segan dan takutkan Tun Razak. Cakap-cakap orang senyap begitu saja, inilah politik namanya. Datuk Harun ditangkap dan dipenjara tapi sekarang dia sudah berada di gelanggang. Apa peliknya kalau Datuk Harun boleh jadi Perdana Menteri. Bukan susah sangat jadi Perdana Menteri. Ada saja peluang dan nasib jadilah Perdana Menteri. Macam Tunku dulu pun begitu juga. Bukan dia minta, nasib dia sudah tersurat jadilah. Dua saja perkataan dari Allah, Harun kau jadi Perdana Menteri maka jadilah Harun Perdana Menteri yang kelima.

Menunggu nasib yang baik sama seperti menunggu maut. Kebanyakan manusia tidak tahu bila nasibnya

boleh jadi baik seperti mana dia tidak tahu bila dia akan menemui maut. Sebab itu manusia disuruh tiap-tiap hari mesti membuat kebajikan, kebaikan dan berdoa kepada Allah supaya dilindungi dari bala dan malapetaka. Lebih-lebih lagi dalam politik di mana para pemimpin berebut harta rakyat dan hendak kekalkan kuasa sampai mati.

Tidak ada manusia yang mahu rugi, betul. Semua orang nak untung. Tidak ada insan suka membuat kesalahan dan kesilapan yang boleh membawa kepada kerugian dan kehancuran. Itu cakap saja. Tapi tiap-tiap hari mereka buat juga kerja-kerja yang menyakitkan hati dan menyusahkan orang ramai. Mulalah orang ramai benci, marah dengan perangai pemimpin, lain yang dicakap, lain pula yang dibuat. Cakap tak serupa bikin. Macam manalah nasib nak jadi baik kalau hati perut tidak baik, tidak betul. Kalau nasib baik pun susah hendak selamat.

Ada orang yang tidak percaya, tuah dapat menolong menentukan kejayaannya. Kata mereka tuah saja tanpa kesungguhan dan ketekunan bekerja tidak akan membawanya ke tangga kejayaan. Itu memang tidak salah, nasi dalam pinggan pun kalau tidak makan mana boleh kenyang. Kita tidak boleh berpeluk tubuh dan menyerahkan diri kepada Tuhan dan takdir saja. Manusia mesti berusaha untuk memperbaiki kehidupan mereka. Menyerahkan diri bulat-bulat pada takdir dan ramalan adalah satu kesalahan yang besar. Jangan mengaku kalah sebelum kita dikalahkan dan jangan bersorak-sorak gembira selagi kemenangan belum tercapai. Nampaknya hari ini ada pemimpin yang terlalu gembira dan ghairah kerana sokongan muka yang mereka dapat.

“Tuhan tidak akan mengubah kehidupan sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri”. Itu Firman Tuhan.

Tuah dan nasib adalah untuk orang-orang perseorangan bukan untuk satu kaum seluruhnya. Nasib pemimpin yang baik tidak bererti nasib rakyat pun turut baik juga. Yang dapat menumpang tuah nasib pemimpin hanyalah kaum keluarga dan kunci-kuncunya saja. Contohnya dari hasil beberapa projek besar-besar, siapakah yang dapat merasa komisennya? Rakyat masih macam itu juga, yang malang terus dilanda malang. Subsidi kepada kaum tani, nelayan, peladang dan buruh ditarik balik.

Manusia tidak boleh meminta kepada Tuhan supaya menenangkan lautan yang bergelombang semasa dia berada di tengah lautan tapi dia boleh meminta kepada Allah supaya menenangkan fikirannya, kerana gelombang serta taufan di laut sudah dijadikan begitu rupa, yang penting ketenangan dirinya. Seandainya dia tenang dia akan dapat menyelamatkan nyawanya. Samalah seperti keadaan yang sedang bercelaru dalam UMNO, ahli-ahlinya tidak boleh minta pada Tuhan suruh selamatkan pemimpin, suruh selamatkan parti UMNO yang sedang berkocak, bergelombang. Mintalah Tuhan tenangkan diri sendiri, tenangkan fikiran, dapat mengenal antara intan dan kaca, dapat memilih yang mana satu pemimpin yang mana satu yang dipimpn biarpun mereka itu Menteri ada jawatan tinggi dalam parti UMNO parti Melayu. Kita mahukan pemimpin Melayu yang bukan pada pakaian dan suaranya saja suara Melayu. Kita mahukan budi bicaranya, perbuatan dan perjuangannya yang Melayu. Melayu Islam yang boleh membawa rahmat untuk semua umat Islam terutama umat Melayu. Inilah nasib yang kita mesti ubah dan tentukan. Tugas manusia bukan sekadar menjaga diri serta keluarga saja tapi mereka juga menjaga seluruh dunia termasuk gunung-ganang, bukit-bukau, lautan, tapi pemimpin hari ini nampaknya sekadar men-

jaga keluarganya saja. Mereka terlupa yang mereka adalah wakil Allah ke dunia, sebagai wakil Tuhan mereka mesti berjiwa besar. Pemimpin UMNO jangan sekadar memikirkan regu dan group mereka dalam UMNO saja kerana UMNO parti untuk semua orang Melayu.

Selagi setiap pemimpin UMNO sedar yang diri mereka hamba Allah, UMNO dan orang Melayu tidak perlu bimbang perebutan kuasa yang sedang berlaku di dalam UMNO hari ini. Memang sudah menjadi kebiasaan anak cucu Adam bermula dari Habil dan Kabil berbunuhan sesama sendiri kerana adanya perasaan tamak hasad dan dengki.

Tidak semestinya orang yang berkuasa dan menabur banyak wang pasti menang dan tidak semestinya orang yang tanpa wang tidak berupaya mesti kalah. Dalam perkara begini Allah saja yang boleh dan berhak membuat penentuan. Allah memihak kepada yang benar dan bila timbul kebenaran yang batil akan gugur dengan sendirinya.

Rakyat tidak boleh dan tidak sepatutnya menyerahkan nasib mereka bulat-bulat pada pemimpin mereka. Rakyat mesti bertanya dan berfikir, menyiasat untuk mengetahui apa yang akan terjadi kalau pemimpin yang mereka harapkan ini membiarkan mereka tertiarap.

Ada ahli-ahli UMNO yang berpendapat "Biarkan Si Luncai terjun dengan labu-labunya ... biarkan ... biarkan."

Mereka tidak terfikir apa yang akan terjadi pada para pemimpin yang akan bertanding merebut jawatan.

Pemimpin tidak rugi, pemimpin mereka ramai yang macam Luncai. Ramai di antara pemimpin yang sudah menjadi kaya raya. Pemimpin dan penyokong nampaknya tidak memikirkan apa akan jadi pada negara sekiranya ketua-ketua mereka kalah atau menang, yang rugi orang yang jadi alat juga orang Melayu. Kalau begini keadaannya patutkah kita berserah bulat-bulat pada Takdir? Apakah kita lupa Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri?

Tulisan saya dalam bab ini sekadar ingin menceritakan perbezaan antara nasib, tuah dan takdir supaya pembaca tahu yang mana satu takdir yang ditentukan oleh Allah, dan yang mana satu dinamakan nasib atau malang yang tak berbau. Tuhan tidak boleh disalahkan bila terjadi sesuatu kemalangan serta malapetaka ke atas diri seseorang misalnya tiba-tiba dilanggar kereta, jatuh dari pokok, mati lemas di laut, rumah terbakar dan lain-lain keburukan disebabkan oleh bencana alam yang tidak disangka-sangkakan.

Sekiranya kita fikir Allah hendak mencuba kita dengan memberi anak yang cacat, atau mengambil nyawa tempat kita bergantung, itu satu pendapat yang tidak betul. Untuk apa Tuhan mencuba kita? Allah menyuruh kita berbanyak sabar kerana Allah Maha Mengetahui dunia ini penuh dengan pancaroba. Malang tidak mengira sesiapa. Dunia ini cuma tempat lalu, dan tidak ada yang kekal.

Pemimpin yang akan jatuh, yang sudah jatuh bukan dengan kehendak Tuhan tetapi adalah kerana kesalahan mereka sendiri. Mereka lalai, riak, takbur, zalim dan lupa tanggungjawab yang diamanahkan. Kejatuhan mereka

adalah kerana dosa-dosa mereka yang diketahui atau tidak oleh rakyat negara ini.

Manusia tidak dapat lari dari maut walau sesaat sekali pun. Kalau sudah sampai ajal pasti mati. Itu suratan Azali yang tidak dapat dielakkan. Tapi mengenai jodoh kita boleh berikhtiar. Setiap manusia yang diciptakan tentu ada rezeki dan jodoh baginya. Yang sedikit boleh jadi banyak, yang mewah boleh berkurangan. Manusia boleh memanjang dan memendekkan jodoh, boleh terus membujang atau kawin lebih dari satu.

Allah yang Maha Besar, Allah yang Maha Kuasa akan memperkenankan doa yang disertai dengan usaha yang bersungguh-sungguh. Permintaan yang jahat diusahakan oleh iblis dan syaitan. Allah berhak mengata "Kun fayakun" maka jadilah segala kehendakNya. Sebab itu kita disuruh berikhtiar dan berdoa supaya dapat memilih pemimpin yang baik dan menurunkan pemimpin yang kejam dan zalim.

Pemimpin sekarang sudah pandai pergi kepada Bomoh yang menggunakan syaitan dan iblis untuk menjamin mereka dapat tempat atau mengekalkan kerusi mereka. Perkara macam ini tidak sepatutnya berlaku pada mereka yang beriman. Mereka jumpa bomoh ini kerana permintaan mereka di depan Kaabah tidak dikabulkan dengan serta merta. Allah tidak perkenankan permintaan mereka yang jahat. Jadi mereka pergilah buat baik dengan syaitan pula.

Dan akhir-akhir ini kunci-kunci yang tidak beriman, tidak takut-takut menggunakan segala macam kekerasan dan kekejaman untuk mengekalkan kuasa yang

ada pada Boss-Boss mereka tanpa memikirkan Agama, Bangsa dan Tanah air. Seolah-olah mereka hidup untuk hari ini saja, untuk diri dan keluarga sendiri saja, tidak cukup harta rakyat difaraidkan. Kuasa Raja dan harta Raja pun mereka mahu sapu untuk dibagi-bagikan sesama sendiri.

Kalau kita kaji dari pada pencalunan yang diberikan kepada Datuk Harun seolah-olah pucuk pimpinan UMNO yang baru tidak mahukan kehadiran Datuk Harun di dalam UMNO. Apa untungnya parti bila Harun sudah disingkirkan? Adakah tokoh-tokoh veteran seperti Harun yang berani menegur Mahathir?

Mahathir percaya pada bidalan-bidalan Melayu. Hutang budi dibayar budi, hutang emas dibayar emas. Mahathir sudah membayar budi Datuk Harun. Apa lagi yang dituntut dari Mahathir? Dia sudah tidak terhutang budi pada Harun. Sekarang dia boleh cakap "lu siapa gua siapa".

Apakah UMNO sudah berpuas hati dengan keluarnya Datuk Harun dari penjara? Apakah UMNO sudah dapat apa yang mereka kehendakkan, sesudah Datuk Harun diampun dan dibebaskan? Datuk Harun tidak berdosa pada Umat Melayu. Dia dipenjara bukan sebagai pengkhianat atau penipu bangsa Melayu. Dia dikurung kerana dia Harimau Melayu? Perlu apa kebebasan bagi seorang pejuang Melayu kalau kebebasan itu hanya untuk dirinya saja. Apa bezanya semasa Datuk Harun dipenjara dulu dengan sekarang? Tubuhnya saja dikeluarkan sedangkan kebebasannya dipenjarakan. Fitnah dan aniaya di luar penjara lebih dahsyat lagi.

Kita kasihkan Datuk Harun kerana cinta kasihnya pada orang Melayu. Dialah satu-satunya Harimau Melayu sebab itu kita mahu dia, berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan Dr. Mahathir dan. Datuk Musa Pengikut Datuk Harun tidak rela Datuk Harun jadi melukut di tepi gantang? Apakah politik Datuk Harun tidak lagi boleh diterima oleh ahli-ahli UMNO sekarang?

Inilah satu persoalan yang mesti difikirkan dan dikaji sedalam-dalamnya. Kenapa satu bahagian saja yang mencadangkan Datuk Harun sebagai Naib Presiden? Kalau begitu tidak salah apa yang saya kata Politik Melayu Politik Cepat Lupa. Mereka lupa perang Jepun, orang Melayu sudah lupa peristiwa komunis dalam UMNO. Apa akan jadi pada bangsa Melayu dengan adanya Pemimpin yang cepat lupa?

Bukan susah sangat hendak menjahanamkan bangsa Melayu. Berikan kepada Pemudanya seorang satu kerusi politik yang baik, Ahli EXCO, Timbalan Menteri, Menteri-menteri cukuplah, pasti mereka lalai. Macam Toyol diberi Kacang Hijau akan menjadi lalai dan leka.

Memberikan nikmat dan kemewahan kepada Pemimpin muda alamat Pemuda tidak boleh diharap oleh bangsa lagi. Tengok apa jadi pada Anwar Ibrahim, Ketua Pemuda yang sudah diberi kerusi Menteri. Sejarah telah membuktikan. Apa jadi pada Haji Suhaimi dan kejatuhannya bermula sejak jadi Yang Berhormat Menteri?

Sebab itu Datuk Harun tidak mahu Ketua Pemuda menjadi Menteri. Hari ini bukan saja Ketua Pemuda dan Timbalannya, hampir semua Ketua-Ketua Ahli EXCO pun semua diberikan kerusi yang baik-baik. Bila Pemuda

mulutnya sudah tidak boleh bersuara lagi apakah yang akan terjadi pada anak cucu nanti? Sebab itu saya yakin dan percaya Datuk Harun akan menang sebagai Timbalan Presiden kerana kepada saya selain dari Allah, tali yang akan dipinjamkan pada Harun ini sajalah tempat Ahli UMNO dan mereka yang cintakan bangsa dan agamanya dapat bergantung.

Dari itu janganlah bila bintang mereka sedang bersinar, mereka berbuat sesuka hati kerana kadangkala tengah panas terik, turun hujan lebat dan ribut taufan yang tidak disangka-sangka.

Saya mengakhiri mukadimah ini dengan ucapan Saidina Abu Bakar Asiddik r.a. semasa beliau diangkat sebagai Khalifah yang pertama. *Aku bukanlah orang yang terbaik di antara kamu, taatilah aku selagi aku taat kepada Allah dan Rasul ...* . Ucapan yang sama ini juga telah diikrarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Iskandar, Yang DiPertuan Agung Yang Ke delapan, dalam khutbah Jumaatnya semasa baru-baru Baginda diangkat menjadi Sultan Johor.



Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ
BAPA KEMERDEKAAN DAN BAPA MALAYSIA

MUKADIMAH SATU

Di dalam coffee house di Sabang Hotel, Jakarta, saya bertemu dengan seorang pengarang yang terkenal dari Malaysia. Saya tidak tahu bahawa Sabang Hotel ini merupakan Hotel pilihannya bila dia berada di Jakarta. Kami tidak terkejut bertemu di Indonesia, kerana kami mempunyai hobi yang sama iaitu suka melancong keluar negeri untuk mencari bahan dan pengalaman, yang mengejutkan saya ialah ucapan tahniah darinya.

“Tahniah, you penulis politik yang paling berani di Malaysia. Saya baru habis membaca buku you yang terbaru: Hendak jadi macam Mokhtar Lubis ke?” Saya senyum dan berfikir, cakap Pengarang selalunya ada dua makna. Tentang perkataan berani itu saya tidak hairan, lebih dulu lagi sudah tahu, bila dia bandingkan saya dengan Mokhtar Lubis. Apakah dia ramalkan yang saya akan keluar masuk penjara macam Mokhtar Lubis?

“Saya bukan Yahudi” singkat saja jawapan saya.

“Apa maksud you?”

“Ramai orang tidak sanggup mengatakan sesuatu kebenaran. Mereka menyembunyikan kebenaran kerana kebendaan, kemewahan dan keistimewaan di dunia. Mereka tidak memikirkan akhirat. Saya orang Islam. Saya mahukan

dunia dan akhirat. Kalau mahukan dunia sahaja, nak buat apa? Hidup bukan lama sangat, lagipun nafsu dunia ini sampai mati pun tidak boleh puas.”

“Apalah you ni Habib, saya ucapkan tahniah kepada you, you berkutbah pulak dah.” Dia memotong cakap saya kerana saya tahu dia bukan suka sangat cakap pasal agama, dia takut, lebih-lebih lagi kalau kita kutuk Yahudi.

“Kalau tidak suka kutbah saya tak apa. Harap you ada masa baca Quran, surah Albakarah.”

“Suruh baca Quran pulak, kita menulis cari makan.”

“Tulis buku cari makan tidak salah. Sese kali Firman Tuhan dan Hadith Nabi kena pakai. Kita orang Islam. Kalau tidak boleh tulis pasal agama, selit-selitkan ajaran Allah yang kita tahu.” Saya menyampaikan amanah.

“Sudahlah Habib, Ana datang Jakarta ini hendak enjoy. Dengar cerita Pak Habib hilang hendak enjoy pergi ziarah Wali Keramat pulak.”

Habis bercakap, dia minta diri dan berlalu. Dia adalah seorang pengarang yang baik, sayangnya tidak mempunyai asas agama. Mudah-mudahan Allah berikan taufik dan hidayah kepadanya. Saya berdoa dan berfikir sendiri-an.

Penulis mesti berani. Saya menulis apa yang benar. Sekiranya penulisan saya dianggap sebagai perbuatan yang berani itu adalah satu kewajipan. Penulis mesti sanggup menyatakan yang benar, walau pahit sekali pun, kerana

itu adalah ajaran Nabi kita Muhamad S.A.W. Kalau takut masuk penjara, takut diancam dan terancam hidup, lebih baik jangan menulis.

Di samping pujian yang saya terima kerana keberanian saya menyatakan yang benar ada juga penulis yang menuduh saya suka melaga-lagakan pemimpin. Pemimpin mana boleh dilaga-lagakan. Mereka bukan lembu. Lembu, kambing bolehlah dilaga-lagakan. Tapi sekiranya ada pemimpin hari ini yang mahu berlaga sesama sendiri, mahu merebut kerusi, bukan saya yang lagakan. Saya sekadar menceritakan kenapa dan bagaimana ini semua boleh berlaku dan apa akhirnya.

Saya dan ramai lagi orang yang tahu ada editor akhbar yang secara terang-terang melaga-laga dan mengeksploit serta memutar belitkan ucapan pemimpin. Ada orang-orang besar di belakang mereka yang ikut sama. Surat khabar puji satu pihak, orang yang mereka angkat dan puji itu tidak ubah macam Nabi macam malaikat tidak ada salah silap sama sekali.

Orang yang cuba bertanding dengan kuda-kuda pilihan mereka dikritik, dikedam habis-habisan, langsung tidak diberi muka dalam surat khabar. Hari-hari berita dan muka orang-orang itu saja, naik jemu, naik jelak dan meluat orang yang tahu politik ini. Orang ramai tahu benar akan bahaya permainan akhbar-akhbar yang cuba memecah-belahkan bangsa Melayu, namun mereka terpaksa diam, kerana mereka tidak tahu hendak buat apa. Mereka masih berjiwa mentimun dan percaya kepada peribahasa Melayu "Antara timun dan durian, tergolek luka, digolek apa tah lagi."

Ini negara kita, siapa lagi kalau tidak kita yang mesti bangun dan menegakkan kebenaran. Kalau kita gugur dalam perjuangan menegakkan kebenaran dan keadilan, untuk memberi kesedaran kepada bangsa kita, kita akan gugur sebagai bunga bangsa. Inilah pendapat dan amalan saya.

Kalau ada pemimpin yang mahu berlaga sesama sendiri merebut jawatan, pemimpin yang gila kuasa, yang sanggup menjahanamkan pemimpin lain dengan fitnah dan bermacam cara yang lain, kenapa saya pula yang disalahkan?

Semua orang tahu akhbar-akhbar hari ini menggunakan kesempatan dalam musim pemimpin merebut jawatan. Penulis-penulis kaki kipas dan ampu berisilah sekarang. Penulis yang tidak mahu mengampu digelar penulis nyamuk, anti kerajaan, anti nasional. Kalau dalam UMNO dulu ada komunis, apakah tidak mungkin dalam akhbar-akhbar Melayu sekarang ada para 'opportunists', kalau pun bukan komunis? Orang yang bekas komunis berkuasa di dalam akhbar. Orang kampung tahu. Tahu sahaja, boleh buat apa?

Mengenai kritik saya terhadap para pemimpin, saya harap buku-buku saya dapat dijadikan sebagai cermin, supaya mereka dapat melihat muka mereka. Dan kalau muka mereka comot dan kotor, janganlah cermin pula yang hendak dipecahkan. Cermin sekadar menunjukkan bayangan gambaran wajah mereka saja.



**YANG DIPERTUAN AGUNG YANG KELAPAN,
SERI PADUKA BAGINDA ALMUTAWAKIL ALALLAH SULTAN
MAHMOOD ISKANDAR AL-HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL**



MENTERI Pelajaran, Datuk Musa Hitam (kanan) berbual dengan Sultan Johor (berbaju bintik) semasa beliau mengunjungi istana Sultan di Johor. Dipetik dari buku *Siapa Selepas Musa 1981*.

DAULAT TUANKU

Sedang saya duduk minum di 'Merlin Tower Coffee House' Johor Bahru, seorang kawan lama yang cukup mesra menerkam ke meja saya. Dia ini bekas guru saya. Sekarang dia jadi orang politik, dengar khabar dia orang Musa. Dan dia juga ialah orang Istana. Kononnya sejak dia berbaik-baik dengan Almutawakil, Musa sudah tidak berapa percaya dengan dia lagi.

"Hai! Arab ente mahu lari dekat mana sekarang? Almutawakil sudah jadi Agung."

"Ana balik Johorlah."

"Oh pandai ente ya, Agung pindah ke Kuala Lumpur ente balik semula ke Johor Bahru."

"Hendak hidup, pandai-pandailah main sembunyi."

“Ente sudah lanyak anak raja, ente sudah seranah sama Sultan. Ente ingat ente boleh sembunyi ke?” Lepas habis cakap dia sambung lagi.

“Eh Arab, engkau ni apa nak jadi? Hendak cari makan jual buku, jual sajarah, tidak cukup ampu, lanyak orang politik. Raja pulak kau libatkan.” Che Gu ini mulut dia memang macam itu. Kalau hendak bercakap dia bukan peduli orang.

“Alah engkau ni Che Gu, Kalau Raja boleh terlibat dalam politik apa salahnya aku libatkan dia sama dalam buku aku. Adanya cerita Almutawakil dalam buku aku, dia jadi lebih popular.”

“Popular kepala hotak engkau Arab, itu bukan cara kasi publisiti sama Raja tahu. Itu hendak busukkan nama Raja sendiri. Bodoh punya Arab, dulu bapak suruh sekolah, cabut main parit. Sekolah tak macam mana jadi penulis buku pulak.”

“Aku bukan nak busukkan nama Sultan. Aku cuma hendak kasi ingat, kerana aku tahu ada golongan yang betul-betul hendak buang Sultan dan keluarga mereka. Kalau aku tidak tulis orang lain pun akan tulis juga nanti.”

“Kalau kau tidak tulis siapa pun tidak berani tulis.”

“Itu Adib Adam Menteri Penerangan yang suka menangis tu, engkau tak tengok di T.V. Cerita Melayu yang membuat orang Melayu benci raja dimainkannya dan surat-surat khabar sekarang ini terang-terang cuba menghina Agung kita yang baru. Kenapa kau tidak buat apa-apa?”

“Tunggulah masanya, orang yang menderhaka dan menghina raja mesti tidak selamat dan engkau ingat-ingat sikit. Nasib baik engkau ni rakyat Johor dan ada kerakyatan kalau tidak pasti Almutawakil halau balik negeri.”

“Aku tahu Sultan tidak marahkan aku, engkau saja yang buat fitnah. Orang macam engkau inilah yang mati masuk neraka dulu. Sejak bila engkau jadi batu api Sultan ni?”

“Aku sayangkan raja aku dan aku sayangkan kau Syed sebab itu aku berani marahkan engkau. Negeri ini aku punya engkau sedarkan diri sedikit, engkau ini kaum mendatang.”

“Macamlah engkau ini Melayu sangat? Raja engkau raja aku juga, aku tegur Sultan kerana Sultan kasi aku lesen besar untuk tegur dia.”

“Sudah! jangan cuba nak jual nama Sultan.”

“Perkara betul, dalam kutbah Jumaatnya dia minta ditegur kalau dia silap. Engkau bila pernah pergi sembahyang Jumaat. Mana engkau hendak tahu amanat dan pesan raja. Nama saja orang Sultan.”

“Sudahlah. Cakap dengan engkau ni Arab, siapa pun tidak boleh menang. Ada saja jawab engkau, patutlah engkau boleh jadi penulis politik.”

Habis cakap pasal politik kami berbual kisah lain pula. Lepas itu kami beredar dari situ, terjumpa pulak seorang kawan yang bertanya kenapa gambar Almutawakil saya pilih untuk hiasan muka depan buku saya yang terbaru.

Gambar Duli Yang Maha Mulia Almutawakil Alallah Sultan Iskandar Alhaj, Sultan Johor yang sekarang telah diistiharkan menjadi Yang DiPertuan Agung Malaysia yang ke 8 sebagai hiasan muka depan buku saya ada banyak sebabnya.

Pertama Sultan Iskandar adalah Sultan saya. Saya bangga dengan sikap dan keberaniannya. Siapa lagi kalau tidak anak Johor yang mesti memberikan penghormatan kepada Rajanya sendiri? Dulu pun saya juga rakyat Johor yang pertama menyokong perlantikannya sebagai raja. Baca buku saya *Siapa Selepas Musa*.

Semua orang cakap Sultan Johor garang. Baguslah ada raja yang garang. Pemimpin yang hendak buat kerja tidak betul kena fikir dua tiga kali. Saya tahu ramai menteri-menteri yang takut kena sepak. Takut kerana mereka bersalah. Berani kerana benar. Saya tak takut pun, kerana saya tahu saya tidak bersalah. Sultan pun manusia macam saya juga. Bapak dia Sultan, emak dia keturunan raja, dia anak sulung pula dia jadi rajalah, betul tak? Kalau bapa saya Sultan saya boleh jadi raja juga. Misalnya kalau saya anak Raja Perlis. Satu hari nanti saya boleh jadi D.Y.M.M. Sultan Syed Hussein Alattas. Apa boleh buat bapa saya bukan raja, saya cuma jadi Yang Mulia Tuan Syed Hussein Alattas sajalah. Alhamdulillah syukur tidak jadi raja pun boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan raja. Kena pada tempat-tempatnya saya berhak menasihati raja. Kami bersaudara. Kami Umat Islam yang berTuhan-kan Allah bernabikan Muhammad. Percaya pada Quran sebagai kitab kami dan percaya kepada hari Kiamat. Selain dari tugas saya sebagai seorang penulis.

Sultan Iskandar bukan sebarang raja. Dia raja yang ber-ilmu. Begitu punya garang pun Tuanku masih boleh ditegur,

Baginda tidak marah pada saya. Sebab dia tahu agama dan dia percaya orang Islam itu bersaudara. Sebab itulah Baginda boleh jadi Agung.

Baginda boleh menerima teguran yang ikhlas. Almutawakil adalah seorang sultan yang gentleman. Walau pun dia garang dia ada prinsip. Mana ada orang yang ada prinsip yang tidak garang? Orang yang tidak garang yang lembik macam pondan adalah orang yang tak ada prinsip. *'Only noodles bend*, yang tidak boleh berdiri tegak itu lalang..

Siapa kata Musa tidak garang. Halim Mahmood, Pengarang *Watan* ditangkap, dimasukkan jail kerana mengkritiknya. Siapa lebih garang antara Musa dan Sultan Johor? Tanya kakitangan pejabat Datuk Musa macam mana perangnya sewaktu di pejabat?

Itu dia belum jadi raja lagi. Siapa berani tegur dia, dia tangkap, dia masukkan dalam penjara. Kalau dia kena kritik macam Sultan Johor pasti saya sudah lama duduk dalam penjara lebih lama dari Halim Mahmood. Alasannya dia saja yang tahu. Sama ada rakyat percaya atau tidak dia tidak peduli. Dengan adanya kuasa ISA bukan susah sangat tangkap dan bubuh orang dalam tahanan.

Saya tidak takut. Saya tidak gentar kalau sudah suratan takdir kerana menulis saya akan ditahan dalam penjara. Saya rela, tapi kalau belum tersurat, Musa belum boleh tangkap saya simpan dalam tahanan. Tuhan tidak akan rela saya merengkok ke dalam tahanan kerana menulis yang benar.

Sultan Johor Almutawakil lurus dan ikhlas orangnya. Baginda adalah seorang raja. Raja, mana pandai main

politik? Kalau pandai pun tidak boleh terlibat dengan politik secara terus menerus, secara terbuka. Dari itu adalah tidak adil sebagai rakyat yang mengaku cintakan raja, kita membiarkan raja kita dieksploit oleh orang politik.

Mereka tidak benarkan raja-raja berpolitik, tapi mereka boleh menggunakan raja untuk muslihat dan putar belit politik mereka. Siapa yang tidak tahu ada diantara pemimpin UMNO yang menggunakan raja-raja yang tidak berdosa untuk mendapat kuasa atau mengekalkan kuasa. Cuba kita kaji mengenai isu perlembagaan. Raja-raja dipermainkan. Mempermainkan raja-raja bererti mempermainkan umat Melayu, bukan begitu? Raja itu kan lambang orang Melayu.

Sekali pun ada orang mendakwa bahawa Raja-raja akan dikukuhkan lagi kedudukannya, tetapi kita sudahpun melihat bahawa Perdana Menteri lebih berkuasa. Sebagai satu contoh, dalam krisis Perlembagaan Perdana Menteri boleh mengarahkan akhbar dan RTM, tetapi raja-raja tidak dapat mengarahkan akhbar-akhbar dan RTM.

Perdana Menteri dan komradnya boleh mengeluarkan apa-apa penjelasan mengapa pindaan perlembagaan itu harus dibuat, tetapi Raja-raja tidak mempunyai banyak peluang untuk menjelaskan mengapa Rang Undang-undang itu perlu dikaji lagi sebelum ditandatangani. Sebelum pindaan itu disahkan sudah memperlihatkan kekuatan Ketua Kerajaan.

Patutkah saya sebagai orang Melayu yang sudah mendapat rahmat dan nikmat dari raja-raja yang menjadi payung kepada kita selama ini berpeluk tubuh, bersembunyi dan berdiam diri. Adat Melayu, orang berbudi kita berbahasa. Dengan mengekalkan adat, bahasa, budaya dan raja, barulah kekal Melayu di dunia. Daulat Tuanku.



S.H.ALATTAS sedang berbincang sesuatu dengan DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung ke 7 Sultan Ahmad Shah, disebelahnya Datuk Sulaiman Daud, Menteri Pelajaran Malaysia, sewaktu malam puisi tanahair anjuran Teater Elit pada 23 Ogos 1983, dibelakang ialah Datuk Hassan Ahmad Pengarah Dewan Bahasa, dan Datuk Aziz Antara.

KING OF KINGS (RAJA SEGALA RAJA)

Akhirnya dengan kehendak Allah Duli Yang Maha Mulia Almutawakil Alallah Sultan Iskandar AlHaj D.K. Sultan Johor telah dilantik sebagai Yang Di Pertuan Agung Yang Ke 8, dalam sejarah kesultanan Johor moden (Almutawakil) merupakan pemerintah yang keempat.

Keistimewaan yang ada pada Baginda, cara pakaiannya, gaya dia bercakap, cara hidupnya lain dari raja yang lain. *To me it is his Majesty's right to be uncommon.* Almutawakil yang berjiwa Melayu sentiasa ambil berat masalah Melayu. Sifat terus terang dan keberaniannya, jarang terjumpa pada raja sekarang. Baginda berani mengubah pemikiran rakyat. Berapa ramai raja yang berani hidup seperti nya dizaman moden ini? Barulah orang Melayu naik tocang sikit. Sukar untuk menemui seorang Sultan yang suka bercakap pasal agama kepada rakyat. Inikan satu practise yang baik, jadi setiap rakyat yang nak berjumpa terpaksa tahu mengenai agama.

Kepercayaan dan takwanya kepada Allah membanggakan kita. Silap salahnya, kita nak buat macam mana? Baginda manusia biasa juga. Lautan mana yang tidak bergelombang, bumi mana yang tidak ditimpa dek hujan. Apa kita hendak buat Sultan macam ni yang jadi raja kita. Melainkan kita sanggup jadi macam Mahathir. Tarik semua kuasa dari Baginda?

Perdana Menteri sendiri pun bukan betul sangat. Ada kerja-kerja yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang pemimpin Islam, dia buat juga. Sedangkan dia sentiasa bercakap pasal Islam. Kebanyakan menteri tidak mengamalkan Kepimpinan Melalui Teladan. Macamana Mahathir hendak betulkan raja-raja. Ada menterinya yang macam penyamun, perompak harta rakyat, kepunyaan orang Melayu. Mereka berbahagi sesama keluarga dan sahabat mereka.

Raja hendak tanah, hendak bijih, hendak itu dan ini minta dengan Menteri. Menteri kasi. Menteri luluskan permintaan raja dan kerabat mereka. Cuba Menteri dan Ahli EXCO tidak boleh luluskan, raja mana berani minta.

Mahathir pernah marahkan menterinya yang telah menipu dan merompak harta orang UMNO dan rakyat tapi kerana tidak ada bukti yang boleh dibawa ke mahkamah, Menteri tersebut terlepas begitu saja dan masih juga jadi Menteri. Menteri-menteri besar dan Ketua-ketua menteri hidup macam raja juga. Raja dan kerabatnya dapat sikit. Menteri dan orang menteri dapat banyak. Cuba tengok rumah bekas menteri, menteri besar yang ada di Kuala Lumpur. Macam Istana Hinggap, wang dapat dari mana? Harapkan gaji bolehkah hidup macam tu?

Bersih, sapu Bersih. Cekap memang Cekap. Amanah sesama sendiri. "Honesty among the crooks." Memanglah kaki kebas sama kaki sapu mestilah amanah. Rakyat berharap, apabila raja yang paling kontroversial di Malaysia, sudah menjadi Agung, rakyat terutama umat Melayu dapat bernaung dengan Baginda. Biar dunia tahu Malaysia bukan saja mempunyai seorang Perdana Menteri yang kontroversial tetapi Agungnya lebih berani dan lebih kontroversial. Berkerjasamalah antara Agung dengan Perdana Menteri untuk mengubah nasib Melayu yang telah menyerahkan hidup mereka kepada UMNO, yang menjadi tulang belakang kerajaan yang memerintah.

Selama ini dunia memikirkan semua orang Melayu penakut. Apa kata tuan itulah kata pengikut. Sekarang dengan adanya Sultan Iskandar tahulah dunia. Jangan Jepun ingat mereka saja bangsa yang berani, Amerika dan Yahudi saja berani. Malaysia akan menjadi satu Negara yang disegani dunia kerana sikap rajanya yang berani. *Go to hell with what the world is going to say.* Bukan kuasa-kuasa besar yang beri kita makan. Tulislah apa yang mereka suka mengenai Agung Sultan Iskandar. Itu satu *Blessing in disguise*. Cerita yang tersebar di luar negeri itu pun orang Melayu yang tidak suka pada Agung yang kirim. Tanya Almutawakil, Baginda tahu. Baginda bukan bodoh, ada kawan di seluruh dunia. Kalau ia pun Datuk Musa Hitam sudah mengajar supaya orang Melayu belajar kurang ajar, biarlah Sultannya sesekali ikut cakap Musa. Biar Musa tahu.

Kita tidak perlu takut dengan sikap Baginda Almutawakil. Sekali air bah sekali pantai berubah. Pasti bila Baginda sudah menduduki tahta Baginda akan menjadi Raja Malaysia yang lain dari yang lain. Adalah tugas dan tanggungjawab kita rakyat Malaysia mencintai dan menghormati

Raja kita. Kitakan ada pribahasa “Raja adil Raja disembah”. Kalau kita percaya Baginda berada disitu dengan kehendak Allah, kita tidak perlu menyimpan perasaan buruk sangka dan Baginda juga tidak perlu buruk sangka pada kita.

Raja-raja sebelum beliau tidak pernah memberi kita semua kebebasan untuk menegur mereka tapi Baginda sebaik saja jadi Sultan Johor dalam kutbahnya telah memberikan kebebasan kepada kita supaya menegur Baginda.

Siapa pun tidak pernah terfikir yang Malaysia boleh mempunyai Perdana Menteri yang bukan dari aliran agama bercakap pasal penyerapan Islam. Musa cakap pasal Islam. Nah sekarang Allah turunkan keatas bahu dan tengkuk mereka. Raja yang bukan saja bercakap pasal Islam tapi berani menyuruh Umat Islam mengamalkan apa yang disuruh dan mencegah dan mengkritik mereka kalau membuat yang mungkar.

Tidak ada manusia yang sempurna melainkan Nabi Besar kita Muhammad S.W.A. yang bersifat ‘maksum’. Selagi manusia dinamakan manusia pasti ada salah silapnya. Setiap yang indah mesti ada cacatnya. Setiap yang buruk mesti ada indahnya. Sifat baru yang berlawanan, yang menjadi masalah kepada orang Melayu ialah bila memuja keterlaluan sangat, menyembah tidak kena pada tempat.

Raja pun manusia juga. Bezanya dengan manusia biasa, ada manusia dikurniakan Allah bakat, para wali ada yang ada keramat, dan pada Raja dan Sultan ada yang Tuhan berikan ‘Daulat’. Inilah keistimewaan Raja yang tidak ada pada manusia biasa. Dan pada pemimpin pula yang boleh membawa rahmat adalah pemimpin yang mewarisi sifat-sifat Nabi. Bila pemimpin tidak taat pada Allah, rakyat yang di-

pimpinnya menghadapi huru-hara seperti Malaysia hari ini.

Syukur Alhamdulillah, Allah telah memberikan Sultan Iskandar seorang regu yang baik. Jangan Mahathir saja ada regu, Agung pun dapat regu juga. Timbalannya adalah Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izuddin Ghafarullahlahu, Sultan Perak.

Ada spekulasi yang tidak baik antara Agung dan Timbalannya disebar oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab sama sekali. Dalam temuramah khas dengan Timbalan Yang DiPertuan Agung oleh Sukardi Abdul Ghani yang disiarkan dalam **Utusan Malaysia**, 27 April 1984, Timbalan Yang DiPertuan Agung sewaktu menjawab bagaimanakah hubungan dengan Yang DiPertuan Agung, menjelaskan "Hubungan kami baik sekali. Tidak ada masalah antara kami berdua. Spekulasi pihak-pihak luar yang meragui hubungan baik kami tidak berasas sama sekali. Misalnya, majalah-majalah asing ada menyentuh masa saya menjadi hakim Mahkamah Tinggi dahulu pernah mendenda Baginda, ketika itu masih menjadi Raja Muda Johor. Ini adalah perkara yang telah berlalu, yang tidak perlu dibangkitkan lagi. Saya ingin tekankan disini, perkara ini tidak berbangkit sama sekali untuk menjejaskan hubungan kami. Yang sudah tu sudahlah. Malah selepas daripada kes itu Baginda pernah menjemput saya ke Istana di Johor Bahru, beberapa kali dan hubungan kami selepas itu bertambah baik. Baginda juga tidak pernah membangkit atau menyoal saya mengenai perkara itu."

Dari kenyataan Timbalan Agung ini jelaslah sifat tidak berdendam Baginda terhadap orang yang telah menghukumnya kerana dia bersalah tapi kalau Baginda tidak salah orang buat aniaya padanya tentulah Baginda marah.

SIAPA SELEPAS MAHATHIR

Sebelum buku saya dihantar kepercetakan, saya bertemu dengan seorang kenalan lama. Dia kawan baik Ku Li, seorang bekas Datuk, Pemimpin UMNO Johor yang berpengaruh. Beliau melihat muka depan buku *Perdana Menteri Yang Kelima* kemudian membaca tulisan di kulit belakang, dahinya berkerut. Dia tidak sabar-sabar lagi bertanya.

“Kenapa pula Datuk Harun yang akan jadi Timbalan Presiden? Bukankah Ku Li yang akan bertanding melawan Musa? Habib bukan tidak tahu nasib dan kedudukan politik Ku Li lebih baik dari Musa” Dia nampaknya hot dengan buku saya.

“Cakap awak tu tak salah, Ku Li boleh mengalahkan Musa. Hendak buat apa menang sorak kampung tergadai nanti ? Apalah gunanya pertandingan kalau yang menang akan jadi arang, yang kalah jadi abu?”

“Apa maksud awak cakap macam tu?”

“Mahathir dan kuncu-kuncunya bermati-matian mahukan Musa. Mereka bukan hendak merebut kerusi tapi se-

macam hendak merebut nyawa dan akan membunuh terus politik Ku Li.”

“Jika takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai. *Politik is the game of the possible kill or be killed.*”

“Garang nampak Datuk”

“Kita ada maruah. Ku Li sudah tiga kali jadi Naib. Dia sudah pernah bertanding Timbalan, kenapa mesti turun balik bertanding dikerusi Naib? Ini tidak boleh jadi. Kalau saya jadi Ku Li, saya mesti lawan Musa, apa nak jadi, jadilah” kata Datuk itu dengan suara yang meninggi. Ini cakap orang yang sudah frust, dia sudah jadi mangsa Musa, Ku Li dijadikan perisai untuk memuaskan nafsunya.

“Apa kono Eh Jang?” saya mengusik.

“Habib kita sedang serius, jangan cuba bergurau.” Muka dia merah padam. Dia betul-betul marah.

“Alah Brother, apa salahnya bergurau sikit, serius sangat nanti kena darah tinggi dan lemah jantung pula. *Steady. Cool brother*, kerana ikutkan hati, kerana ego dan sombonglah you jatuh macam ini. Betul tak?” Dia diam tidak menjawab. Saya teruskan.

“Dulu kalau dengar cakap saya you masih sandang Yang Berhormat. Tuhan marah orang yang bongkak macam you.” Saya bagi terang-terang, dia diam lagi, dia tahu dia bersalah. Saya kalau cakap dengan orang politik saya tidak kasi muka.

“Musa mempunyai pengikut yang ramai. Ku Li mempunyai pengikut yang ramai juga. Kalau Musa ada Panglima Hitam di Kelantan, Ku Li ada Harimau Berantai di Johor. Ditiap-tiap negeri masing-masing ada pengikut yang setia nampaknya, yang sanggup bertarung bermati-matian untuk memberi kemenangan kepada

da hero mereka. Yang akan bermusuhan-musuhan sampai tua nanti siapa ? Yang rugi siapa, fikirkan sikit tentang umat Melayu.”

“Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan, alang-alang berdakwat biar hitam. Kita sudah melangkah, apa kata penyokong kita nanti? Kalau kita berundur mereka akan berpaling tadah.”

Datuk ini bercakap macam cara-orang UMNO hendak lawan PAS. Ini sudah bukan satu pertandingan yang sehat. Marah betul dia dekat Musa dan beriya-nya benar dia mahu Ku Li dapat kerusi Timbalan Presiden. Tentu ada apa-apa. Ini semua bukan cakap orang politik yang berjiwa nasionalis, ini cakap orang politik periok nasi. Berdendam macam ini bukan cara orang Islam. Allah hu Akhbar. Kita bukan nak bunuh Musa. Dia saudara kita. Kita mahu beri keinsafan kepadanya dan ahli politik yang sudah kena pukau dengan Mahathir. Tidak ada niat kita nak jahanamkan politik Musa atau Mahathir. Kita cuma hendak tahu sampai ke mana pandainya 2 M. Saya tidak setuju berebut kerusi sampai hendak bermatian begini.

Pada pendapat saya dan para pemerhati politik yang sayangkan UMNO, yang tahu betapa merbahayanya keadaan politik yang sedang dijalankan oleh Mahathir Musa sekarang. Ku Li dan Datuk Harun mesti bersatu. Macam bersatunya Mahathir Musa dan komrad mereka. Mereka memang mahu menghapuskan Ku Li dengan politik cara halus dan kasar. Ku Li mesti hati. Jadi kalau Ku Li tidak bertanding lawan Musa, Mahathir tidak boleh memusuhi Ku Li, orang Mahathir Musa juga tidak dapat membunuh Ku Li.

Datuk Harun yang akan menewaskan Musa, (InsyaAllah). Ku Li bertanding Naib saja, InsyaAllah dia menang. Sesudah dia menang nanti tentunya, Parti berhak meminta Ku Li menjadi Timbalan Perdana Menteri. Mahathir terpak-

sa berikan pada Ku Li, kerana ramai yang tahu Agung pasti lebih senang pada Ku Li dari Musa. Dan Mahathir tentunya akan menyenangkan hati Agung.

You scratch my back I scratch your back. Sama-sama hendak hidup.

Selain daripada Datuk yang sudah bukan Datuk lagi, bekas Yang Berhormat yang tidak dihormati lagi ini ada juga lain-lain pengikut yang setia yang berpendapat Ku Li mesti lawan sampai habis. Mereka ini jenis manusia suka berlawan. Kerana pertandingan ini pertandingan yang terakhir. Lepas ini tidak akan ada peluang lagi, mereka sanggup buat apa saja untuk menang. Cakap yang macam ini bukan tanda sayangkan Ku Li dan Parti. Ini membunuh Ku Li sampai mati. Macam juga cara Mahathir hendak bunuh Musa. Dia tahu kalau hari-hari dia paksa orang undi Musa, orang pasti tidak akan undi Musa. Sedangkan dia cakap hendak beregu, orang dah marah. Ini pula hari-hari bilang mesti undi, pasti ahli UMNO marah. Kasehan Musa akan jadi macam *Humpty Dumpty*. *Humpty Dumpty sits on the wall, Humpty Dumpty had a great fall.*

Orang-orang yang sayangkan Ku Li bukan semuanya beriman. Orang yang dianggap pemimpin politik yang veteran tidak sebijak yang difikirkan. Umat Muhammad mencontohi Nabinya. Nabi Muhammad kekasih Allah yang diturunkan untuk membawa rahmat bagi sekalian Alam pun sanggup bersembunyi dalam gua. Apalah salahnya kalau berundur setapak untuk maju tiga tapak ke hadapan? Janganlah bongkak sangat, janganlah takbur sangat, tidak baik binasa akhirnya. Siapa pun tidak untung.

Para General dan Panglima Perang yang pernah gagal dalam peperangan, tidak merasa malu berundur kalau terpaksa. Apakah rugi mengaku kalah untuk menang? Tidak bertanding Timbalan Presiden tidak semestinya tidak

boleh jadi Perdana Menteri. Kerana yang sudah jadi Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri belum tahu esok apa yang akan terjadi padanya. Bertenang dan bersabarlah, Tuhan beserta dengan orang yang bersyukur dengan apa yang ada. Ku Li kalah dalam tahun 1981, kerana sikap 'ego' dan 'over confident' orang-orang dikelilingnya termasuk dia sendiri. Cerdik tidak boleh diikuti, bodoh tidak boleh diajar. Inilah jenis orang yang merosakkan Ku Li. Orang yang berfikir mereka semua tahu. Kalau Ku Li rosak sekali lagi bukan kerana Ku Li tidak baik, tapi perangai orang dikelilingnya yang tidak baik nak cari nama dan untung dari Ku Li. Inilah yang Ku Li mesti hati-hati. Dengar cakap mereka boleh, hendak pakai cakap mereka kena fikir dua tiga kali.

Selama tiga penggal Ku Li menjadi Naib Presiden UMNO dan sebelum itu pernah duduk dalam Majlis Kerja Tertinggi, tidak ada pun ahli UMNO yang menimbulkan isu Ku Li anak raja. Isu ini timbul sejak adanya 2 M. Dan ini dijadikan isu untuk menghancurkan politik Ku Li. Benci terhadap orang dari Istana sengaja dibuat untuk menumbangkan, mengusir Ku Li dari memegang sebarang jawatan dalam UMNO. Bila Ku Li sudah tidak ada lagi segala Tambi, mamak dan nana akan memerintah negeri ini.

Mahathir tidak mahu beregu dengan Ku Li ada sebab-sebabnya. Ku Li tidak macam Musa. Apa kata Mahathir semuanya Musa kata "yes" sahaja. Tidak pernah bantah. Musa tahu dia tidak kuat, dia tidak berpengaruh. Musa tunggang tuah Mahathir. Jadi dia mesti selalu kata "yes" supaya boss sayang. Bila boss sayang, dia bolehlah bergantung dan menguatkan kedudukan kerana satu hari nanti dia pulak hendak jadi boss.

Ku Li tidak mahu buat perangai macam Musa. Dia tahu dia kaya, punya pengaruh, dia lebih senior dari Mahathir dan Musa. Dia mempunyai kelebihan dan kepandaian

untuk jadi seorang Perdana Menteri, naik keatas menggunakan kaki sendiri.

Dia lebih pentingkan rakyat dan perpaduan dalam parti sebab itu, walau pun Ku Li tahu Mahathir tidak bera- pa sukakannya, waktu Mahathir terdesak cepat-cepat dia sokong Mahathir. Tidak seperti Musa. Ku Li tidak mahu ada perpecahan dalam parti, Tidak mahu ada kelam ka- but dan haru-biru sebab kalau parti tidak kuat, kerajaan pun tidak kuat sebagaimana nak membangunkan negara dan bangsa. Ku Li memang tahu hal itu sebab Ku Li orang kelulusan ekonomi bukan macam Musa. Pentingkan poli- tik diri semata.

Musa tanpa sokongan Mahathir bila-bila masa saja akan jatuh. Tidak percaya tengoklah sikit hari lagi. Sedang- kan sahabat Rasulullah Saidina Ali Bin Abu Talib yang juga menjadi menantunya pun boleh dibunuh oleh umat Islam sendiri yang cintakan Nabi Muhammad. Inikan pula Musa. Siapa yang kasihkan Mahathir. Orang-orang UMNO sendiri akan membunuh politik Musa bila tiba masanya nanti de- ngan cara yang paling sedih seperti apa yang telah terjadi pada Hussein Onn.

Pada pandangan mata kasar dan dari berita-berita di akhbar, Mahathir dan Musa seperti landasan keretapi ber- sama bersaing rapat tapi tidak sama pada hakikatnya. Apa- kah Sanusi Junid dan lain-lain kesatria Musa benar-benar setia pada Musa. Mereka bertuankan Mahathir atau ber- tuankan Musa? Saya sendiri adalah penyokong kuat kepim- pinan dua 'M' tahun 1981 dahulu. Tahun ini saya berubah kerana jelas dan nyata perubahan dua 'M' tidak mengun- tungkan UMNO dan orang Melayu.

Tahun ini sudah bertambah satu lagi M. Sultan Mahmood Iskandar berada di atas dua M, mengikut kata senda Ingeris *Two is a company Three is a crowd*. Dua M

dulu pasangan yang cukup baik, tiba-tiba bertambah lagi satu M. Agung yang pangkal namanya bermula dengan M. *One has to go*, nampaknya satu M terpaksa berundur.

Sultan Iskandar tidak begitu setuju dengan perangai Musa. Hari jadi Baginda yang lalu Musa pemimpin besar Johor yang jadi Timbalan Perdana Menteri tidak dijemput ke Istana. Apa akan jadi pada Negara bila Timbalan Perdana Menteri tidak sesuai dengan Agungnya? Timbalan Perdana Menteri senang dicari ganti. Pilih saja yang mana satu Tuanku berkenan Mahathir akan berkata "Patik setuju Tuanku" kalau tidak percaya Tuanku cuba.

Apabila huru-hara, katakanlah waktu itu datang ribut. Siapa tahu ribut nak datang. Ribut sekarang ini macam banjir kilat, tiba-tiba saja dia datang. Sejak ada Mahathir jadi Perdana Menteri, cuaca dan Alam di Malaysia ini pun sudah jadi tidak tentu. Itu semua kuasa Allah. Usahkan ribut besar, ribut kecil pun cukup. Kapal itu akan pecah berderai. Kalau tak pecah pun nanti hanyut entah kemana-mana dibawa arus. Masa itu apa gunanya sesal kalau harapan untuk kembali menebus segala dosa yang telah lalu sudah tidak ada lagi. Muzik apa yang hendak dimainkan? Apa gong yang hendak dipalu. Menangislah tapi apa gunanya? Sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tak ada gunanya.



DATO' HAJI HARUN IDRIS
BAKAL TIMBALAN PRESIDEN UMNO 1984.
(INSYAALLAH)

PERDANA MENTERI YANG KELIMA

Saya dipanggil oleh seorang pemimpin parti ke pejabatnya untuk berbual-bual. Dia bertanya kepada saya macam mana saya berani meramalkan Datuk Harun akan menang sebagai Timbalan Presiden, Tengku Razaleigh akan jadi Timbalan Perdana Menteri, sedangkan Datuk Harun bukan seorang Menteri, lagipun nama Datuk Harun sudah rosak, sudah mula tenggelam dan hampir dilupakan begitu saja. Begitu juga dengan nama Ku Li yang sengaja dirosak-rosakkan.

Saya tengok muka pemimpin parti yang menanyakan pertanyaan tersebut. Saya senyum. Dia hairan kenapa saya tengok dia dan senyum.

“Datuk macam mana boleh jadi Menteri?” saya bertanya.

“Saya dipilih oleh Perdana Menteri” jawabnya teragak-gagak.

“Boleh Datuk bagi tahu saya bagaimana cara seseorang boleh jadi Menteri?”

“Dia mesti jadi seorang Wakil Rakyat kawasan Parlimen atau dilantik menjadi seorang Senator dan dilantik oleh Perdana Menteri.”

“Kerja siapa ini semua?”

“Kerja Perdana Menteriilah.”

“Kerja Perdana Menteri seorang saja ke? Tidak, Saya tahu ada orang yang tolong memilhkan, atau menolak senarai nama mereka yang akan jadi Menteri, bukan begitu?”

Dia mengangguk.

“Awak ni Syed, saya panggil awak hendak bertanya, awak pula yang bertanya saya?” Saya senyum lagi, inilah cara Mahathir sebelum orang bertanya, dia tanya benda lain. Dia ubah topik perbualan supaya lain yang orang hendak tanya lain jawapan yang diberikannya.

Changing the battle ground is Mahathir's way Mahathir selalu menang kerana kebijaksanaan mengalihkan suasana. Inilah pelajaran yang telah saya dapat dari Mahathir dan saya sedang mencuba dengan Datuk ini.

“Datuk tahu Mahathir yang bawa Datuk Harun

keluar dari penjara bukan? Kenapa?" Dia diam, dan saya meneruskan.

"Selagi Datuk Harun tidak dilepaskan selama itulah kedudukan Mahathir tidak selamat. Datuk Harun besar gunanya pada Mahathir. Kerana tuah Datuk Harun, Mahathir cepat jadi Perdana Menteri. Dan dengan adanya Datuk Harun sebagai orang ketiga kedudukan Mahathir dalam teori politik 'Break and Rule' selamat sedikit.

"Itu satu tuduhan".

"Tidak, itu pendapat saya, bukan tuduhan. Kasi saya cakap sedikit lagi, boleh?"

"Bercakaplah apa yang awak suka, awak memang pandai bercakap".

"Mahathir gagal merebut kuasa dari Raja-Raja. Perbuatan Mahathir telah mengguriskan perasaan dan hati Raja-raja, walaupun lukanya sudah sembuh tapi parut dan sakitnya masih terasa dalam hati, betul tak?" Dia diam dan saya cakap lagi.

"Dalam parti, selain dari Datuk Senu, Datuk Harun saja yang menunjukkan sikap kurang senang atas tindakan Kerajaan dalam isu pindaan Perlembagaan pimpinan Mahathir yang tidak memberi peluang kepada ahli UM-NO yang mahu menyuarakan hak kebebasan mereka bercakap. Harun tidak memihak kepada Raja-Raja, dia bercakap benar tapi kebenaran cakupnya diputar belitkan oleh akhbar dan akhirnya diketahui orang."

"Awak sudah lari dari topik perbualan" dia mencelah.

“Sorry, awak tahu Datuk Harun mempunyai hubungan yang baik dengan Istana sebagai “Godfather”. Dialah pemimpin yang layak duduk dan mesti duduk sebagai Timbalan Presiden untuk menjalinkan hubungan baik antara Agung yang baru dengan Perdana Menteri dan Parti.”

“You nampak memihak kepada Harun dan Agung yang baru ada apa-apa ke?”

“Bukan memihak kepada Agung yang baru, tapi menceritakan yang benar.”

“Apa yang you fikir benar, benarlah kata you, tapi berapa ramai ahli UMNO yang dapat menerima pendapat you?”

“Kalau pendapat yang benar mereka sudah tidak mahu terima, mereka sendirilah yang membunuh demokrasi.”

Saya terpaksa berhenti setakat itu kerana Datuk pemimpin yang lebih kurang macam robot itu nampaknya sudah mula tersinggung. Saya pernah diajar oleh guru saya, ada dua perkara yang tidak boleh dibincangkan dengan manusia yang tidak berilmu. Satu, perkara agama. Kedua, Politik. Orang yang kurang ilmu di dada bila merasa ideologi dan kepercayaan mereka tercabar boleh hilang akal.

Tiba-tiba saya teringat pesan guru saya, orang yang bersalah, orang yang banyak dosa, takut dengan bayang-bayang mereka sendiri. Orang yang munafik tidak segan-segan menabur sebanyak fitnah dan cuba menakutkan

orang ramai supaya orang ramai melupakan kesalahan mereka dan menjahanamkan orang yang dimusuhinya.

Ramai pemimpin politik hari ini takut Datuk Harun jadi Perdana Menteri bukan kerana Datuk Harun bekas banduan, tapi kerana Datuk Harun tahu rahsia mereka. Mereka tidak mahu kehadiran para veteran pemimpin dalam UMNO hari ini. Mereka mahu robot yang mewakili orang Melayu. Mereka selalu mahu jadikan UMNO parti untuk golongan orang tertentu saja, supaya mereka boleh berbuat sesuka hati.

Bercakap pasal korupsi, mana ada Negara di dunia yang tidak mengamalkan korupsi? Malaysia secara tidak langsung menghalalkan orang tertentu mengamalkan korupsi.

Bercakap tentang korupsi ini, ada satu lagi jenis korupsi yang sedang berkembang sekarang ini. Korupsi itu ialah korupsi intelektual. Ramai para akademik kita, para cerdik pandai kita tidak mahu bercakap. Tidak mahu menyatakan mana satu yang benar dan mana satu yang salah. Ini semua kerana jaga periuk nasi.

Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kastam dan Eksais, Jabatan Polis adalah di antara Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan korupsi. Ini mengikut laporan sebuah akhbar tempatan. Siapa yang tidak tahu, orang kampung dan budak sekolah pun tahu. Walaupun Kerajaan tahu tapi masih belum boleh buat apa-apa kerana sebab-sebab yang tidak diberitahu.

Ikan dalam satu kolam kalau seekor berbau hanyir yang lain sama juga. Sekiranya seorang pemimpin bekas

banduan yang dituduh korupsi ditakdirkan jadi Perdana Menteri apalah yang kita hendak pelikkan sangat. Kerana Kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa yang drastik untuk mengatasi korupsi. Allah pilihlah seorang pemimpin yang sudah disahkan korupsinya untuk memimpin manusia yang korupsi.

“*Good or bad my country, right or wrong my people*” kata Sukarno. Dan Mahathir nampaknya menerima konsep Sukarno dalam hal ini. Sebab itu nampaknya dia sentiasa mempertahankan orang di sekelilingnya walaupun mereka bersalah. Dalam badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan pemimpin-pemimpin UMNO hidup kaya raya dengan kekayaan yang entah dari mana. Ini semua orang tahu.

Seseorang itu tidak bersalah selagi belum terbukti akan kesalahannya. “A man is innocent until he is proven guilty”. Jadi dalam Negara ini semua orang tidak bersalah. Mentang-mentang Negara mengamalkan Demokrasi.

Kenapa Datuk Harun saja yang ditangkap dan dihadapkan ke Mahkamah? Apakah dia saja pemimpin yang korupsi? Semua orang tahu dia tidak mahu berunding dan berpakat. Kalau dia mahu, dia sudah lepas jadi Duta. Yang haram boleh jadi halal, yang salah boleh jadi betul, asal saja jangan cuba merosakkan nama baik dan kedudukan pucuk pimpinan. Asal jangan bercita-cita hendak jadi Perdana Menteri. Matahari yang akan muncul tidak ada kuasa yang dapat menahan dia menutupi cahayanya.

Kalau sudah tersurat hendak jadi Timbalan Presiden, kalau sudah suratan bakal jadi Perdana Menteri, sepuluh

kali masuk jail akan jadi Perdana Menteri juga. Tengoklah contohnya Ghandi, Sukarno dan lain-lain pemimpin dunia. Tidak kira pasal apa dia masuk. Allah Maha Mengetahui. Jangan cuba campur tangan dengan urusan Allah. Manusia yang cuba menyekat kemahuan Allah akan binasa.

Ramai pemimpin UMNO yang takut Sultan Johor jadi Agung. Kehendak Allah, Sultan Perak yang sepatutnya ditabal jadi Agung ke delapan, tiba-tiba mangkat. Sultan Johor juga yang jadi. Ini adalah satu kenyataan tentang kekuasaan Allah. Siapa yang jadi Agung dan siapa yang jadi Perdana Menterinya Allah juga yang memilihnya.



Apo kono eh Jang? Kenapa sembunyi di belakang Dr. Mahathir? Bermesralah dengan raja sendiri, kata orang Johor. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung yang kelapan pun orang Johor juga.

BILA NASIB SEDANG BAIK

Bintang Mahathir cukup terang sekarang macam terangnya bintang Tunku Abdul Rahman sebelum tersebar surat Mahathir yang membuat Tunku jatuh berguguran. Sekarang ini bintang Mahathir sama terangnya seperti bintang Tun Razak sebelum digelapkan oleh 3 (tiga) Abdul.

Kilat-kilau bintang Mahathir ketika ini membimbangkan saya, kerana saya ternampak adanya pertanda-pertanda mendung yang akan membawa malang kepadanya. Mendung yang akan menutup kilat-kilau bintangnya.

Begitu jelas nasib dan bintang bekas-bekas komunis yang telah kembali dalam UMNO nampaknya lebih ber-

sinar dari bintang dan nasib Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Di Macang Kelantan Timbalan Menteri Dalam Negeri telah dikalahkan oleh seorang bekas komunis yang pernah merosakkan politik Tun Razak dan menggugat UMNO dan Negara. Apakah tidak mungkin kemenangan ini memberi semangat kepada komunis dan membawa kemarahan kepada orang yang pernah jadi mangsa Abdullah satu ketika dulu, tapi kerana nasibnya dan nasib Mahathir baik mungkin ramai akan senyap. Bagaimanapun ini satu pertanda yang buruk yang akan merosakkan UMNO.

Bercakap pasal nasib, orang yang bernasib ini macam orang ada duit banyak, kalau bercermat bagus, bila tiba masa hendak membeli sesuatu senang, kerana berduit. Bagaimana kalau dia boros? Ada duit habis dibelanjakan, berhutang sana sini, bila tiba masa hendak beli barang, hendak beli dengan apa?

Kalau kita fikir nasib kita baik, tentu ada orang yang nasibnya lebih baik dari kita. Sama ada lebih banyak atau lebih sedikit tidak jadi soal. Saya tahu Mahathir beranak tahun Tikus, tahun ini nasibnya baik. Sayangnya beliau sudah banyak sangat menggunakan tuah badannya.

Bila kita bercakap mengenai kepercayaan Cina, mengenai bintang dan nasib, kita kena tahu satu peribahasa Cina, "lambat sesaat" yang bererti kalau sudah tersurat akan rugi, jangan mimpi boleh untung, begitulah di sebaliknya. Tahun ini ada pemimpin yang nasibnya lebih baik dari Mahathir. Contohnya Sultan Johor sudah berada lebih tinggi dari Mahathir.

Jangan Musa nak takbur, besar hati dengan pencalunan di sana-sini, majoriti ahli UMNO sokong mereka. Itu mainan akhbar, orang kampung pun tahu psikologitakut, yang digunakan oleh akhbar hari ini supaya rakyat terutama ahli UMNO tahu regu Mahathir Musa pasti menang. Dan mereka yang hendak hidup akan memberikan kemenangan begitu saja kepada Mahathir Musa seperti yang dikehendaki oleh Mahathir. Amanatnya kepada Ahli-Ahli UMNO di sana sini.

Mengikut analisa saya tahun ini ramai perwakilan yang terikut perangai Tikus. Tikus tidak berani melawan terang-terang tapi dalam senyap di belakang mereka jahanamkan hartapunya lawannya. Pemimpin yang mahu selamat cuba-cubalah belajar psikologi Tikus, jangan cuba berjudi dengan nasib, selagi belum kenal diri.

Saya bimbang malang tidak berbau, takut ada pemimpin yang akan jadi mangsa akibat permainan bekas anggota-anggota komunis yang sudah menang duduk sebaris dengan pemimpin UMNO untuk mencuba nasib mereka di peringkat yang lebih tinggi. Siapa tahu kalau pengaruh komunis kuat, Mahathir terpaksa taruk satu lagi Abdullah sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebuah kapal yang besar boleh tenggelam dengan hanya satu lubang yang kecil saja tertebuk di perutnya. Satu tayar kereta boleh pancit dengan sebatang paku karat yang bengkok. Jangan memperkecil-kecilkan huruf Sa! atau Satu. Allah cuma satu dalam dunia ini dan Allah tidak pernah kalah begitu juga manusia yang mendapat pertolongan dari Allah dan para Wali Allah.

Semua nabi dan pemimpin dunia bermula seorang diri saja. Apakah sesudah Datuk Harun mendapat satu pencalunan tidak mungkin bertambah menjadi sepuluh dan seratus? Manusia belajar mengira dari satu. Adanya satu maka adanya seribu.

Nasib Datuk Harun dari dulu hingga sekarang masih baik, tidak ada siapa pemimpin yang boleh menandingi bintangnya. Tun Razak tahu nasib Harun lebih baik dari nasibnya. Dr. Mahathir, Musa, Ku Li pun tahu nasib Harun lebih baik dari mereka. Tetapi kerana manusia ada ego, mereka tidak akan mengaku adanya orang yang nasibnya lebih baik dari mereka. Kalau hari ini Datuk Harun mahu tanding kerusi Presiden lawan Mahathir dia boleh menang. Kehebatan Datuk Harun dari segi kerohanian tidak ada banding. Dia mengatasi semua pemimpin UMNO yang lain. Jiwa dan hatinya adalah Melayu Islam. Harun memikirkan parti dan nasib masa depan UMNO dan orang Melayu. Kalau dia kira bintang dan nasibnya, dulu lagi UMNO sudah hancur sebab itu Mahathir lepaskan Harun dan tidak diapa-apakannya.

Nampaknya ramai yang menjijik dan mentertawakan Datuk Harun bila dia dapat satu pencalunan itupun dari bahagiannya sendiri. Kata orang ramai sudahlah, kalau macam itu jangan mimpi hendak jadi Timbalan Presiden. Hendak jadi Naib Presiden pun susah. Itu cakap mereka yang lalai dan lupa akan kebesaran Allah. Kehendak Allah, dari dalam penjara Datuk Harun boleh menang, inikan pula sudah berada di luar. Datuk Harun adalah nadi dan hati orang Melayu. Dalam UMNO Datuk Harun seorang saja yang mempunyai *sense of loving* dari para pengikutnya. Cinta kasih pengikut Harun, cinta kasih murni kerana Harun Hero Melayu. UMNO adalah badan

politik Melayu, mana ada pemimpin lain yang menjadi pejuang dan harapan orang Melayu selain dari Datuk Harun? Dialah yang sanggup merengkok dalam penjara semata-mata untuk memperjuangkan nasib orang Melayu.

Harun belum berbelanja dengan nasibnya, dia masih banyak menyimpan tuah dan nasibnya. Saya percaya sekiranya tercabar Harun bukan saja sanggup menghabiskan tuah dan nasibnya , bergadai bergolok pun Bapak Pejuang Melayu ini berani melakukannya.

NAK PI MANA NI CHE DAT!

Sejak Mahathir jadi Perdana Menteri hingga hari ini macam-macam benda dia nak buat. Lepas satu satu. Besar-besar belaka bunyinya. Bersih Cekap Amanah. Pandang ke Timur. Kepimpinan melalui Tauladan. Persyarikatan Malaysia. Pengswastaaan. Estet Padi. 70 juta rakyat.

Mula-mula dia percepatkan waktu. Masa itu nampaknya tujuannya baik. Selaraskan waktu Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Secara tak langsung orang terpaksa bangun pagi. Bangun pagi memang bagus. Yang kurang bagusnya terpaksa terkejar-kejar ke pejabat sebab takut kad bertukar warna.

Sejak awal-awal lagi Mahathir bercakap pasal kerja kuat dan rajin. Itu pun bagus. Tapi sedikit demi sedikit,

bila lepas satu, satu pula perkara-perkara baru dikemukakannya yang satu rakyat belum faham dia bawa pula lagi satu, rakyat belum sempat faham lagi dia bawa pula lagi satu, lepas tu satu lagi, tak kira rakyat sempat faham atau tidak — aduh! Nak apa Mahathir sebenarnya ni?

Nak bangsa Melayu jadi bangsa yang besar dan dihormati dunia memang kita suka. Kerja rajin pun bagus, kita setuju. Rancangan demi rancangan untuk mencapai matlamat kemajuan bangsa memang patut dipuji. Orang pun mulalah puji Mahathir. Sana puji sini puji. Mahathir Perdana Menteri yang cerdik, cerdas, inteligent dan dikagumi.

Tapi sedikit demi sedikit rakyat semakin tak sempat nak faham. Cepat sangat. Bila dah begitu rancangan yang baik pun tak boleh jadi baik lagi. Mahathir jangan ingat negeri ini dia yang punya, boleh buat apa suka. Orang lantik dia jadi Perdana Menteri bukan suruh dia bina bangunan mimpi dia sendiri tinggi-tinggi. Orang suruh dia jadi pemimpin. Pandai dan cerdik macam mana pun manusia kalau tak faham akan rakyat banyak dia tak boleh jadi pemimpin. Itu pandai yang tak boleh ditumpang, kata orang tua-tua kita.

Dulu beriya-iyanya suruh rakyat Malaysia pandang ke timur. Jepun Korea masuk dalam negeri tidak sedar, tahu tahu segala bisness besar-besar sapu dek mereka. Sakit tengkok rakyat Malaysia pandang ke timur. Habuk pun tak dapat.

Sesudah itu suruh beralih ke barat pulak, dan entah ke mana-mana lagi. Rakyat asyik toleh kiri, toleh kanan, bertanya, berbisik sesama sendiri, kerana setiap rancangannya penuh rahsia.

“Bersih, Cepak dan Amanah” sedap didengar, seronok dipandang, kerana hampir semua Menteri Mahathir bersih-bersih dan cekap-cekap belaka. Tapi kena tentang Amanah tu susah sikit rakyat percaya. Akhir zaman ini susah hendak cari manusia yang Amanah. Inikan pulak orang politik. Sebab itu perkataan Amanah Mahathir di belakang sekali.

Kepimpinan Melalui Teladan kalau sekiranya ejaan teladan pun tak sempat nak betul, habis orang nak tauladan macam mana? Kepemimpinan Melalui Teladan ini sebenarnya satu kempen menunjukkan yang mereka ini susah diikuti. Bercelaru rakyat. Hendak ikut teladan ke hendak ikut tauladan? Sempadannya kat mana? Macam pandang ke timur juga. Timur Jepun ke Timur di belakang Jepun? Bercelaru otak orang Melayu dikelirukan dek Mahathir dengan segala slogannya.

Mahathir dalam satu temuramah dengan akhbar mengakui yang dia seorang yang hendak cepat dalam semua kerja. Dia kurang senang dengan orang yang slow “bongok”, macam kura-kura. Dia nak cepat dalam segala hal. Mana boleh macam tu Che Dat!. Ini kerja orang ramai. Kata jadi pemimpin 14 juta rakyat. Bukan semua rakyat boleh jalan laju. Ramai yang “slow”. Orang rabun, buta, pekak, sakit kaki, lemah jantung, kudung, kalau hendak jalan laju-laju alamat cari nahas. Nak jalan cepat macam mana!. Penyakit ini Doktor pun tak boleh ubat dengan serta merta.

Kisah Mahathir suka buat kerja cepat-cepat menjadikan ramai pemimpin dan rakyat kelam kabut. Tak boleh berfikir lagi dah. Mesyuarat mesti habis cepat-cepat. Bank pun bagi pinjaman berjuta-juta cepat-cepat. Tak pasal-

pasal habis duit melompat ke Hong Kong. Kalau dicurahkan dalam negeri cepat-cepat bolehlah tahan juga. Inilah akibat nak cepat. Mati kawan kita Jalil pun secara cepat-cepat juga.

Di Malaysia ni pun sekarang masih ramai lagi penarik beca. Kalau nak suruh mereka kaya, kenalah cepat-cepat kayuh. Tapi kalau cepat kayuh banyak pula accident. Nelayan pula kalau nak cepat tarik pukat, jawabnya pukat kosong saja yang naik. Sawah padi di beberapa tempat di Kedah sudah berapa tahun tidak menjadi, kenapa? Semua sebab nak cepatlah. Tuhan Yang Maha Kuasa yang boleh menjadikan sesuatu dengan perkataan Kun Fayakun mengambil waktu untuk menjadikan alam ini. Sudah siap segala isinya, tempat berlindung, makanan, pakaian, baru dijadikan manusia. Itupun seorang saja dulu, lepas itu dijadikan teman hidupnya, beranak dua sekali, bukan sekali beranak dua ribu bayi. Mengandung pun 9 bulan. Buat anak pun kena pelan-pelan. Cepat-cepat tak mahu menjadi. 3 bulan keluar pun tak jadi orang lagi. Darah setongkol yang entah apa rupa. Menambah umat tidak semudah buat roti canai.

Mahathir suka buat yang besar-besar. Mentangmentanglah nama dia Maha, dia ingat dia boleh buat yang besar-besar aje. Tuhan yang Maha Besar, Maha Kuasa, Maha Kaya pun buat juga benda kecil-kecil. Cuba tengok nyamuk, semut api dan kuman serta anak-anak kuman yang kurus kering pun Tuhan yang buat. Benda yang kecil ini lagi bahaya dari yang besar-besar. Dan Tuhan buat juga gajah dan gunung ganang, buat rakit, buat busut. Jadi Mahathir perlu buat benda yang kecil-kecil juga. Siapa kata benda-benda kecil tidak untung. Kalau tidak untung tidak adalah kilang mancis dan jarum. Peluru pistol yang kecil untung, kalau tahu membuatnya.

Mentang-mentang baru balik dari India, nak suruh rakyat beranak sampai 70 juta. Banyak sangat umat pun nak buat apa!. Banyak ke rezeki di Malaysia ni? Kaya sangat ke kerajaan kita ini? Kalau banyak sangat duit pasal subsidi ditarik balik? Ingat sedikit Mahathir! Jangan nanti dah terlampau banyak anak, mereka tak kenal emak bapak. Kalau teringin sangat hendak tambah satu dua bini muda minta saja kebenaran dari Mak Cik Asmah. Suka tidak suka, untuk menunjukkan kepimpinan melalui teladan terpaksalah Mak Cik Asmah relakan. Berkorban apa saja. Kata P. Ramlee.

Kenapa nak rakyat 70 juta? Untuk apa? Tak cukupkah rakyat 14 juta saja? Dah elok-elok semuakah rakyat yang 14 juta ini? Orang angkat jadi Perdana Menteri suruh jaga rakyat yang ada sekarang biar semuanya hidup aman damai, bahagia. Mahathir jangan salah faham. Jangan tak sedar diri. Jangan nak ikut nafsu nak jadi pemimpin kepada rakyat 70 juta. Itu nak cari kepuasan ego diri sendiri, nampaknya. Tak cukup jadi pemimpin 14 juta. Janganlah nak sembunyi belang dengan alasan yang hebat-hebat.


Nak jadi pemimpin besar sangat pergilah ke Amerika Syarikat. Pergi lawan Reagan. Kalau tak pun pergi ke India. Lawan Indira Gandhi. Jadi pemimpin besar kepada rakyat yang besar. Barulah boleh cakap besar.

PERTANDA YANG TIDAK BAIK

Percaya atau tidak pada alamat dan pertanda, ini adalah satu kepercayaan yang menjadi pegangan kepada orang Melayu. Kebanyakan pertanda yang berlaku pada Mahathir sepatutnya jadi bahan renungan kita semua.

Pertanda-pertanda yang tidak baik berlaku, tiga hari sebelum Mahathir jadi Perdana Menteri. Setiausaha politiknya ditangkap kerana jadi pengintip Russia (Agen K.G.B.). Orang kanannya tertangkap sebagai orang Melayu yang sanggup menjual bangsa dan negara tapi Mahathir tidak kesah.

Pejabatnya terbakar menimbulkan satu tandatanya. Panas sangat ke dalam pejabatnya hingga sampai boleh terbakar?



**Y.A.B. DATUK MUSA HITAM,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**

Speaker Dewan Negara Tan Sri Syed Nasir mati dalam bertugas, sikit punya dasyat ke kejadian seperti ini. Rupa-rupanya dalam senyap ahli-ahli Parlimen meluluskan Pindaan Perlembagaan. Nah! tu dia.

Seorang dari menterinya ditangkap kerana didapati bersalah membunuh bekas Speaker Dewan Undangan Negeri. Sah salahnya dihukum gantung sampai mati, tapi kemudiannya tidak dimatikan tetapi diringankan kepada hukuman penjara seumur hidup. Apa makna ini semua?

Slogan Mahathir yang pertama ialah Bersih, Cekap dan Amanah. Buat apa slogan ini kalau semua orang sudah bersih, cekap dan amanah. Ini menunjukkan dalam kerajaan Mahathir banyak sangat orang tidak bersih, tidak cekap dan tidak amanah. Ini juga pertanda-pertanda yang tidak baik. Rakyat mempersendakan-sendakan BCA. Dan bila rakyat mempersendakan dia tukar pula dengan slogan baru "Kepimpinan melalui teladan" nak tauladan apa kalau semuanya tidak bersih, tidak cekap dan tidak amanah?

Siapa yang hendak ikut teladan menterinya yang cakap tak serupa bikin? Pencuri kita tahu kerjanya mencuri, penipu kerjanya menipu. Pencuri tidak memimpin, dia mencuri saja kerjanya. Siapa pun tidak tahu kalau tidak tertangkap. Penipu tidak memimpin, kerjanya menipu, sesekali dapat peluang dia membelit tapi dia tidak menipu sesama penipu, dia tidak belit kawan dia, dia menjalankan putaralamnya dengan orang lain. Tapi hari ini pemimpin ada yang jadi pencuri, ada yang jadi pembunuh. Ini semua buat susah hati pencuri, pembunuh dan penipu. Mereka hendak buat kerja apa lagi?

Menteri kena kata kurang ajar dalam Parlimen menangis terisak-isak. Datuk Wan Mokhtar, Menteri Besar Terengganu kena tuduh dalam Dewan pun menangis juga. Bila orang besar-besar guna menangis sebagai senjata mulalah rasa tidak seronok, kasihan buaya kehilangan modal. Kalau semua menteri macam perempuan, macam agar-agar, macam ampai-ampai laut. Habis pemuda harapan bangsa kita jadi pondan nanti. Kalau dah jadi pondan, apa pun tak boleh buat. Kalau nak buat juga, buatlah. Tapi rakyat tak bertambah.

Selagi bintang Mahathir masih terang dia buatlah apa saja yang dia suka. Orang yang sudah kena sawan Mahathir akan ikut saja. Walaupun mengikutnya susah, tak ikut lagi susah. Mahathir bukan tahu kasihan.

Itulah parahnya kalau para pemimpin dan pegawai tinggi kerajaan ada pekong, ada kurap.

Bagaimana kalau pekong kurap didedahkan, sikit punya malu ke. Siapa kata politik itu tidak kotor. Dahlah kotor berpanau pula.

Sebelum Mahathir jadi Perdana Menteri, semua orang kagum padanya. Lama-lama bila orang selidik dalam-dalam, tak ada apa-apa. Macam orang lain jugak. Itulah juga caranya. Sudah duduk di kerusi sedap, cepat-cepat buat rumah besar, hingga jadi satu isu yang hangat. Itu pun pertanda tidak baik. Rakyat tersedar Mahathir macam hendak duduk kerusi tu sampai mati? Tapi kerana dia tahu hampir setiap pemimpin UMNO ada kelemahannya. Dia gunakan kelemahan dan kesilapan mereka untuk mengekalkan kuasa dan menutup mulut mereka.

Petualang saja yang mengenal petualang. Perbuatan Mahathir menakut-nakutkan mereka yang tidak mahu mengikut cakupnya membuat mereka geram, benci dan menyimpan dendam. Tunggulah masanya. Buat orang jangan lebih sangat.

Tan Sri Osman Saat pernah memberitahu saya amanat Tan Sri Syed Jaafar Albar. Katanya "sama-samalah kita melihat apa akan terjadi kepada UMNO dan negara di bawah pemerintah 2 M". Kata Tunku pula, "Allah akan memanjangkan umurnya untuk melihat apa yang akan terjadi pada Mahathir yang telah menjatuhkannya."

Mahathir naik kerana dia berani, dia menjadi popular kerana keberaniannya. Dia tidak mengalah sebelum berjuang, dan tidak juga mengaku kalah walaupun sudah kalah. Dia masih jadi Perdana Menteri kerana nasibnya baik. Kalau tidak Malaysia sudah mempunyai Perdana Menteri yang baru. Mungkin Tuhan hendak suruh dia insaf jangan degil sangat, jangan bongkak dan merasa diri berkuasa.

Mahathir tidak peduli cakap orang, yang dia dengar cakap dia sendiri, melainkan cakap orang itu boleh membawa untung atau mudarat pada dirinya. Sebagai contoh, orang UMNO tidak mahukan Anwar, tapi dia mahu, demi kepentingan parti katanya, dia terima Anwar, dia naikkan pangkat Anwar, dia buang Suhaimi dari pejabatnya kerana Suhaimi kalah pada Anwar. Bukankah perbuatan Mahathir ini perbuatan seorang opportunist.

Ada persamaan antara Mahathir dengan Musa. Kedua-duanya dibawa masuk sebagai pejuang UMNO

yang berjaya menjadi pemimpin besar. Keduanya manusia penentang arus. Dan tidak suka ikut kebiasaan. Mahathir tidak pernah ikut adat dan kebiasaan. Sanggup bunuh adat dari bunuh anak. Berapa banyak adat Melayu yang sudah dihapuskan sejak beliau jadi Perdana Menteri, digantikan dengan adat Jepun dan lain lagi.

Tun Hussein Onn tidak mahukan Datuk Harun, disebabkan kepentingan parti atau kerusi Perdana Menteri, Mahathir mengusahakan supaya Harun diampunkan. Begitu juga dengan orang bekas Komunis dalam zaman Mahathir Musa. Semua boleh diampunkan. Yang tidak boleh dimaafkan ialah Tun Mustapha dan USNO, kenapa? Kenapa kita pun tak tahu. Biar bagaimana pun ini membuktikan yang Mahathir pun bukan betul sangat. Dia punya lurus Allah saja yang tahu. Nampaknya dia masih mengamalkan politik hendak hidup. Dia buat salah, semua Ahli UMNO tanggung dosa dan dapat kebencian dunia Islam. Padahal dia buat keputusan memecat USNO lepas itu baru berunding. Habis pun berunding dia cakap pada Ahli Majlis Tertinggi, dia tidak boleh buat apa-apa kerana pengumuman sudah dibuat.

Membuang USNO dari Barisan Nasional, satu pertanda yang Mahathir pasti akan jatuh dengan cara yang paling menyedihkan akan hatinya.

TANDA-TANDA KEMENANGAN

Apabila Ku Li jatuh, dia belajar. Dia menerima kejatuhannya dengan tabah. Kalau begitulah kehendak Tuhan, apa boleh buat dia menerima dan dia insaf. Dia merasa kerana dia manusia biasa tapi dia menerima kekecewaan sebagai satu cabaran. Satu peluang yang cukup besar untuk dia belajar.

Bukan mudah mahu duduk di atas menjadi pemimpin besar. Ku Li harus kenal dan tahu pengalaman-pengalaman orang yang jatuh terlebih dahulu. "Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian."

Bukan senang mahu menjadi pemimpin yang berpengalaman. Susah. Nak tahu susahanya, tanya Datuk

Harun. Dia seorang saja pemimpin yang pernah masuk penjara kerana permainan politik. Terimalah dulu kekalahan. Kalau tidak macamana nak belajar erti tabah, sabar, tahan dikata, dikutuk, diseranah, difitnah dan sebagainya.

Kalau Tengku Razaleigh menang pada tahun 1981 dia tak akan boleh jadi seorang pemimpin yang baik. Banyak perkara yang dia belum belajar. Dia mesti kalah dulu, susah dulu, kena layak, kena nyanya macam Mahathir juga. Rasa betapa pedihnya penderitaan rakyat yang hari-hari mengalami hidup dalam kekalahan dan tekanan dari atas. Belajar daripada kekalahan dan belajar di dalam kekalahan setelah itu barulah dia layak menjadi pemimpin rakyat. Baru dia tahu dunia ini bukan syurga.

Tuhan Maha Mengetahui kerana Dialah yang menentukan peredaran masa. Tengku Razaleigh kalah dalam pemilihan 1981, tetapi dia masih dikehendaki oleh orang ramai dan ahli-ahli UMNO. Itu menunjukkan dia menang. Dr. Mahathir sendiri pun masih memerlukan Tengku Razaleigh. Kemenangan Musa itu sebenarnya bukanlah satu kekalahan yang mutlak bagi Tengku Razaleigh. Hanya masa yang belum tiba buat Tengku Razaleigh pada tahun itu.

Mahathir pernah berkata bahawa yang menang pun menang yang kalah pun menang juga sebab itu dia lantik Ku Li jadi Menteri Kewangan semula, di samping kerusi Majlis Tertinggi UMNO. Ada juga saya dengar orang cakap di tahun 1984 ini Perang dan Damai sama maknanya. Perang itu Damai dan Damai itu Perang. Setahu saya perkara macam ini cuma boleh berlaku dalam Negara yang dikuasai oleh polis saja. Bagaimana dengan Malaysia yang

Timbalan Menteri Dalam Negerinya boleh dikalahkan oleh pemimpin bekas komunis?

Ku Li dilahirkan pada 13-4-1937, dari segi bintang, tahun 1984 merupakan tahun yang baik untuknya kerana mengikut kiraan tahun Cina, 1937 ialah tahun Lembu. Orang yang dilahirkan dalam tahun Lembu nasibnya baik dalam tahun Tikus. Kalau macam itu dia tidak perlu takut, asal dia buat kerja dengan baik. Kalau janji hendak untung duduk diam-diam pun untung

Kalau mengikut firasat saya memandang muka Ku Li dibandingkan dengan muka Musa. Muka Ku Li lebih bercahaya. Macam muka Anwar masa mengalahkan Suhaimi dulu, wajahnya bercahaya macam bulan purnama. Orang yang sedang menghadapi malang wajahnya macam bulan purnama di siang hari. Bulat saja tanpa cahaya.

Saya seorang ahli firasat. Tulisan-tulisan dan buku-buku saya yang lepas cukup untuk bercerita tentang kerja-kerja firasat saya. Ini bukan satu kerja mudah. Sekiranya mudah tentulah ramai penulis politik yang membuat ramalan berpandukan nasib menggunakan ilmu firasat. Kalau hendak tahu apa itu firasat bacalah buku *Firasat* yang telah beberapa kali diulang cetak. Buku yang boleh menceritakan watak manusia dengan hanya memandang muka.

Berpandukan tanda-tanda kemenangan di muka Ku Li dan tanda-tanda kekalahan di wajah Musa, (Baca buku saya yang sebelum ini *Tuah Nasib Pemimpin Malaysia*) saya telah sebutkan beberapa tanda tersebut. Kalau belum baca lagi, lebih baik' baca. Kerana buku ini ialah lanjutan daripada buku tersebut. Dengan berpandukan buku

tersebut anda dapat melihat dengan jelas segala ramalan saya dalam buku ini.

Ingat peristiwa yang paling besar berlaku setelah Mahathir jadi Perdana Menteri? Krisis Perlembagaan yang melibatkan kuasa dan kedudukan raja-raja. Peristiwa-peristiwa sepanjang krisis itu telah mendedahkan banyak perkara, khususnya tentang Mahathir, Musa, Ku Li, Datuk Harun, Sultan Johor, Tun Mustapha dan Gaffar Baba — semua cerita mereka ini ada dalam buku bertuah itu.

Tak kiralah apa yang sebenarnya terkandung di dalam isu besar itu. Kompliked, mengelirukan sangat. Rakyat bukan mudah nak faham benda-benda kompliked macam itu. Maksud saya keadaan politik negara kita yang begitu berclaru. Bagi kebanyakan rakyat, krisis itu ialah Mahathir nak lawan Raja. Mudah sikit bunyinya, walaupun maknanya kurang betul kerana kebanyakan ahli-ahli UMNO bukan pandai sangat.

Orang ramai tertanya-tanya, apa pendirian Musa di dalam isu itu. Kenapa Musa diam, tak buat apa-apa kenyataan menyokong Mahathir? Orang tak hairan kalau Ku Li tak buat kenyataan tidak menyokong. Tapi orang hairan kenapa Musa tak buat. Ha! Apa sudah jadi. Ada apa-apa ke antara Musa dengan Mahathir?

Krisis itu satu krisis besar. Mahathir boleh jatuh kalau dia kalah teruk dalam perjuangan itu. Orang ramai yang tertanya-tanya pasal Musa, mula bercakap, berbisik-bisik dulu. Kata mereka, kemana sebenarnya Musa? Kenapa Musa diam saja? Apakah dia sedang perhati siapa yang akan menang? Kalau Mahathir menang dia tidak rugi. Kalau Mahathir kalah, Mahathir rugi, ada peluang baik

bagi dirinya. Mahathir jatuh berdebob, dia boleh ganti Mahathir jadi Perdana Menteri. Sikit punya bagus ke tuduhan macam ini. Banyak cantik hendak fitnahkan Musa. Mana bukti Musa tidak sokong Mahathir?

Tapi sayang Ku Li buat kenyataan sokong Mahathir lebih awal dari Musa. Ku Li anak raja tu sokong Mahathir lawan Raja. Betul ke ni? Sakit kepala hendak jawab. Dari hati atau di mulut saja Ku Li sokong Mahathir? Tanyalah Ku Li sendiri. Yang penting ketika itu Ku Li buat kenyataan akhbar sokong Mahathir lebih dulu dari Musa.

Ku Li faham maksud baik Mahathir. Ku Li tahu tugas dan tanggungjawab bersama yang mesti dipikul oleh pucuk pimpinan parti, kerana kalau gugur Mahathir orang-orang dalam kabinet akan menanggung malu sebab Ku Li sokong Mahathir. Walaupun dia anak Raja, perjuangan Ku Li adalah perjuangan bersama rakyat terbanyak. Ku Li telah belajar untuk menjadi pemimpin rakyat, kerana Ku Li tahu, pemimpin yang berani macam Mahathir saja yang boleh mengajar Raja-Raja dan keluarga mereka. Siapa tahu satu hari nanti Ku Li pulak dapat mengajar Mahathir.

Siapakah sebenarnya yang menang dalam pertarungan itu? Ini menarik. Susah nak cakap siapa menang. Sebab isu itu telah merebak, berjangkit dengan macam-macam isu lain lagi. Ada segi Mahathir menang. Mahathir jadi hero rakyat sepanjang zaman. Mana ada pemimpin Melayu yang mempunyai keberanian macam Mahathir? Sanggup kehilangan kerusi Perdana Menteri, sanggup membelakangkan biro politik, Ahli Majlis Tertinggi dan UMNO dalam mengambil keputusan meminda perlembagaan? Ku Li tidak berani buat keputusan ikut kepalanya

sendiri saja. Ada segi Raja-Raja menang. Pokoknya: Raja-Raja tidak kalah kerana adanya Datuk Senu. Surat dan perjuangan Datuk Senu menyelamatkan kedudukan Raja-Raja yang menjadi lambang orang Melayu. Patut semua Raja dan orang Melayu yang cintakan Raja mereka ucap terima kasih kepada Datuk Senu. Datuk Snow tidak sesesuk yang mereka fikir. Senu telah memanaskan suasana politik hari ini.

Orang-orang Mahathir kata Mahathir yang menang. Itu untuk menyedapkan hatinya saja kerana mereka tahu pemimpin suka pada orang yang bawak 'Halwa telinga'.

Bagi saya: Raja-Raja menang terutamanya apabila Sultan Johor dilantik menjadi Yang DiPertuan Agung kerana ramai ahli politik yang tidak mahu dan takut dengan perlantikannya. Dan yang penting, apabila raja-raja menang, itu tanda Ku Li menang; sebab Ku Li berdarah raja, walaupun jiwanya sudah jiwa rakyat.

Dalam buku *Tuah Nasib Pemimpin Malaysia* saya telah tegur kenapa gambar Musa mesti digantung sebelah gambar Mahathir. Mahathir dan Musa tak peduli dengan teguran saya. Saya pun bukan peduli sangat. Lepas itu apa jadi di negeri asal Musa sendiri. Gambar kedua-duanya telah diturunkan, bila Sultan hendak melawat satu-satu daerah. Bila gambar telah diturunkan di khalayak ramai begitu. Itu satu pertanda yang tidak baik. Sungguh malang nasib mu Musa. Itu tanda Musa akan jatuh. Kerana gambarnya jatuh dia tidak dapat berbuat apa-apa.

Seperti yang saya sebutkan dalam buku bertuah itu, Tengku Razaleigh telah banyak berubah selepas Jun 1981. Musa juga banyak berubah. Tapi perubahan Musa

perubahan yang tidak baik, yang mencari sakit hati dan benci orang. Perubahan Ku Li ialah perubahan yang baik untuk dirinya dan orang mula menaruh minat padanya. Biar pun hampir 90 dari perwakilan telah mencalonkan Musa sebagai Timbalan Presiden dan Ku Li cuma mendapat 10 saja pencalon, itu pun dari Kelantan — kebanyakan kita tidak akan terkejut di hari pemilihan nanti. Hati manusia berubah. Dalam satu jam manusia berubah 16 kali. Ini permainan politik. Perkara yang sama pernah berlaku semasa Suhaimi lawan Anwar. Walaupun ramai yang menyokong Suhaimi tapi yang menang Anwar. Kali ini biar pun ramai yang sedang menyokong Musa tapi yang menang nanti ialah Datuk Harun sebagai Timbalan Presiden dan Ku Li yang jadi Timbalan Perdana Menteri seperti kata sebaris pantun.

Rusa ku tembak, Pelanduk yang kena,
Bila ku lihat, Gajah yang mati.

Ajaib, ganjil sungguh, susah dan payah hendak memikirkan cara saya meramal dan dunia mistik. Semuanya ganjil-ganjil dan pelik-pelik belaka. Jangan cuba hendak bawa teori logik. Dalam perkampungan politik susah hendak bawa cerita yang logik kerana politik satu perkara yang serba mungkin.

JAMBATAN INDONESIA MALAYSIA

Tidak pernah terlintas di hati Yang Berhormat Datuk Rahmat yang satu hari nanti beliau akan menjadi seorang Duta, lebih-lebih lagi menjadi Duta Besar Malaysia ke Republik Indonesia. Tapi siapakah yang lebih layak ketika negara sedang mencari seorang Pak Duta untuk dihantar ke Indonesia sebagai jambatan antara dua negara yang berjiran yang menjadi satu rumpun, mempunyai satu kebudayaan, satu bahasa ini kalau tidak Mohd Rahmat, Menteri yang telah mendapat pendidikan di sebuah Universiti di Jakarta.

Tuah nasib manusia, beruntung di kala rugi, senang dalam kesusahan, bahagia semasa derita. Kalau sudah tersurat mahu menjadi seorang *Ambassador* tidak siapa yang dapat menahan. Penglihatan umum mentafsirkan yang



Y.B. DATUK MOHD. RAHMAT
Duta Besar Malaysia, ke Indonesia.

Tok Mat patuh pada pucuk pimpinan, sebenarnya Tok Mat terjun ke laut dengan labu-labunya. Dialah pemimpin UMNO yang pertama menjadi Duta wakil mutlak DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung dan menjadi menteri.

Saya percaya Mohd Rahmat tidak akan jadi *Ambassador* tanpa jawatan Menteri, kerana Mohd. Rahmat bukan bodoh. Hendak terjun dari kapalterbang tanpa 'payong terjun'. Macam Luncai yang terjun ke laut tanpa labu-labunya tentu dia tidak mahu. Itulah antara syarat yang diminta kepada Mahathir sebelum dia dijadikan Jambatan Emas antara dua negara bersaudara.

Ramai intelek yang mahu jadi Mr. Ambassador. Ramai pegawai tinggi kerajaan yang mengidam dan mengimpikan kerusi seorang Duta, tapi tidak begitu bagi seorang Menteri yang masih muda.

Menteri yang menerima saja jawatan Duta adalah menteri yang taringnya sudah dicabut, menteri yang takut dengan dosa-dosa dan kesalahan yang tidak boleh terampun. Menteri yang sudah dikejar oleh bayang sendiri. Kalau pun mereka ada belang, mereka sudah jadi "Paper Tiger" atau Harimau Sarkas kerana sesudah tamat tempoh perkhidmatan nanti akan kembali ke tanahair, seperti seorang pegawai yang sudah pencen.

Itulah sebabnya Datuk Harun lebih rela merengkok ke dalam penjara dari dijadikan seorang *Ambassador*. Datuk Harun tahu dia tidak bersalah. Dia terjerat kerana permainan politik orang tertentu yang takut pada Nasionalis tulen sepertinya. Sebab itu dia sanggup jadi banduan, kerana kedudukan politiknya lebih terjamin semasa

terkurung dalam penjara sebagai seorang banduan dari menjadi seorang Duta yang hubungannya dengan pengikut-pengikutnya yang setia akan terputus, terlepas seperti melepaskan ikatan sebuah kapal yang terikat di pelabuhan untuk belayar. Kapal itu makin lama makin jauh, lama kelamaan akan hilang dan luput dari penglihatan.

Tok Mat adalah Menteri yang termuda. Semasa dia dilantik jadi menteri hingga hari ini dia masih seorang menteri. Berapa ramai di antara kawan-kawannya menteri yang sudah hilang begitu saja dari dunia politik dan kepimpinan.

Ada orang kata Tok Mat akan jadi Menteri Besar satu hari nanti tidak mustahil. Siapa tahu dia akan jadi Menteri Besar Johor menggantikan Datuk Ajib Ahmad.

Apa akan terjadi kalau Mohd Rahmat yang jadi Menteri Besar Johor? Apakah Musa pun jadi Menteri Besar juga macam keadaan yang sedang diperkatakan oleh orang Johor sekarang?

Pendapat pemerhati politik, Pejabat Menteri Besar Johor dikuasai oleh *remote control* dari Kuala Lumpur. Keputusan yang hendak dibuat oleh Datuk Ajib mesti dapat *consent* dari Kuala Lumpur dulu. Samada betul atau tidak Ajib saja yang boleh menjawabnya. Tanyalah Ajib dan Musa.

Kononnya Mohd Rahmat ditolak dari menjadi Menteri Besar kerana kiranya Mat Rahmat yang jadi Menteri Besar, Johor akan dijualnya macam Adib Adam jadi Ketua Menteri Melaka, berapa banyak tanah

kepunyaan Melayu yang terjual dan tergadai, kepada bukan Melayu. Nasib baik Musa sayangkan Adib. Kalau tidak jangan mimpi boleh jadi Menteri Penerangan.

Siapa tidak tahu kejadian Ko-op Bersatu. Mahathir pun tahu tetapi Adib juga sudah menjadi orangnya dia boleh buat apa? Untunglah Adib sekarang kawan baik Musa yang juga kawan baik Mahathir. Siar cerita-cerita Melayu yang memburukkan Raja di T.V. tiap-tiap minggu tetap selamat.

Antara sebab ramai yang hot pada Musa ialah kalau member ketat yang buat salah, tutup mata sebelah. Inikah yang dinamakan kepimpinan melalui teladan? Inikah yang dinamakan Pemimpin yang bersih, cekap dan amanah? Inikah pemimpin harapan bangsa?

Mohd Rahmat dijatuhkan kerana kononnya dia tidak memberikan apa faedah kepada Datuk Musa, malahan dia boleh menjadi satu *threat* kepada orang di sekeliling Musa, sebab itulah agaknya Musa tidak mahu memberikan kerusi Menteri Penerangan kepadanya.

Satu lagi perkara yang tidak disenangi oleh kuncukuncu Musa ialah Mohd Rahmat mempunyai hubungan yang rapat dengan Tunku Iskandar, Sultan Johor. Nam-paknya hari ini siapa saja yang rapat dengan Istana akan jadi mangsa. Lihat apa terjadi pada Datuk Harun. Jelas benar yang UMNO di bawah pimpinan Mahathir Musa tidak mahu orang-orang yang baik dan sayangkan raja mereka. Sebab itu Sanusi, Adib, Anwar, Rafidah, Abdullah, Rahim Tambi Chik, begitu popular. Rahim Tambi Chik memang tak mahu raja sebab negeri dia tak pernah ada raja.

Antara Musa dan Mohd siapakah yang lebih penting? Siapakah memerlukan siapa untuk terus hidup dan berkuasa dalam UMNO? Antara mereka berdua nasib siapakah yang lebih baik? Pertanyaan di atas ini telah dikemukakan kepada saya oleh seorang pemimpin yang berpengaruh. Saya tidak menjawab soalnya. Saya minta jawapan yang tulus ikhlas darinya. Kalau dia yang disuruh memilih antara Musa dan Mohd siapakah yang dipilihnya?

Datuk ini seorang yang pintar, beliau sudah lama berkecimpung dalam dunia politik. Orang politik kalau mahu selamat mana boleh berterus terang, kalau orang suruh memilih antara langsung dengan duku, pasti dia akan mengatakan dia suka makan duku langsung.

Orang politik yang bijak tidak mesti menjawab dengan terus terang pertanyaan yang dikemukakan kepadanya. Melainkan kalau dia sudah terancam atau tergugat. Orang berpolitik untuk hidup, tidak berani berterus terang, mesti pandai berbohong, sebelum pecah tembong. Akhirnya pemimpin hidung belang orang tahu juga.

Musa dan Mohd. Hari ini Musa mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dari Mohd, kerana nasibnya lebih baik. Dia tidak suka pada raja dan raja tidak suka dia. Ramai di antara Tujuh Satria penyokong kuat Pindaan Perlembagaan ada bersamanya. Musa mempunyai bidang kuasa yang lebih besar dari Mohd bukan kerana dia lebih senior. Musa masuk UMNO enam bulan awal dari Mohd tapi kerana ternyata dia lebih cerdik, lebih cekal dan berani, dia lebih agresif dia lebih cepat sampai di atas. Besok belum tahu lagi, mungkin terjadi macam perlumbaan kura-kura dengan arnab.

Dulu saya tidak menulis mengenai Mohd Rahmat kerana ketika itu Mohd Rahmat adalah Menteri Penerangan, yang menguasai media massa tanahair, tentunya dia tidak memerlukan penulis peramal. Hari ini Adib Adam sebagai Menteri Penerangan, dia cuma beri peluang pada Musa dan kuncu-kuncunya saja. Ku Li, Datuk Harun, Mohd Rahmat biarlah saya yang kasi publisiti. Ini musim pemimpin yang ada senjata besar pengaruh besar kalah. Ini musim Siput boleh mengalahkan Kancil. Kerana Siput lebih ramai dari Kancil. Zaman Kancil tipu Harimau, Buaya, Gajah dan binatang besar sudah berlalu. Tahun Tikus tahun kemenangan kepada orang yang kecil yang cerdik lawan sambil bersembunyi.

GERHANA POLITIK MUSA

Tanda-tanda malang Musa yang pertama ialah gambar yang digantungkan bersama-sama dengan gambar Perdana Menteri nampaknya songsang. Kedua-duanya memandang ke arah yang tidak sama, bukan itu saja gambar Musa nampaknya tidak menarik.

Pemerhati politik bertanya mana pernah berlaku dalam sejarah gambar Timbalan Perdana Menteri digantungkan bersama-sama dengan gambar Perdana Menteri? Melainkan gambar Presiden dan gambar Timbalan Presiden di sebuah Republik.

Kedudukan gambar Musa dan Mahathir di semua pejabat-pejabat kerajaan dan kedai-kedai kopi menunjukkan seolah-olah kedua-dua mereka mempunyai kedudukan dan kuasa yang sama. Benarkah Malaysia ini diperintah oleh Mahathir dan Musa? Jawab Mahathir dalam satu

temuramah dengan saya tempoh hari ialah tidak. Tak perlulah saya panjangkan perkara ini kerana sudah tertulis dalam buku *Tuah Nasib Pemimpin Malaysia* .

Orang ramai bukannya bodoh. Kedudukan Perdana Menteri tentulah lebih tinggi daripada Timbalan Perdana Menteri. Kuasa Perdana Menteri pun tentulah lebih besar daripada kuasa Timbalan Perdana Menteri. Walaupun Mahathir mahu beregu dengan Musa tapi kenapa gambar Musa disamakan dengan gambar Perdana Menteri? Inilah menyebabkan setiap orang bila tengok gambar mereka berdua jadi marah.

Musa orang Johor. Sepatutnya bila dia jadi Timbalan Perdana Menteri, semua orang Johor mesti sayangkan dia, tapi yang terjadi adalah sebaliknya. Belum pernah UMNO negeri Johor menjadi seteruk sekarang. Orang-orang UMNO mula berpecah belah, benci membenci, khianat mengkhianati antara satu sama lain, tekan menekan dan bermacam hal lagi. Dulu Johorlah menjadi kubu kekuatan UMNO. Kubu UMNO Johor sudah hendak meletup. Kalau UMNO Johor pecah, alamat UMNO Malaysia juga akan pecah. Air yang keruh di hulu pasti akan mengeruhkan air di hilir.

Orang-orang Johor bercakap sesama sendiri. Mereka sokong Musa di pemilihan 1981 dulu dengan harapan Musa menjadi payung kepada UMNO Johor. Tun Sardon dan Tun Dr. Ismail membimbing dan mengasuh Musa untuk jadi pemimpin yang baik. Mereka berdua tidak meminta balasan. Cuba kita bertanya berapa ramai pelapis dari Johor yang diasuh dan dididik oleh Musa? Padahal orang-orang Johor telah membuat banyak jasa terhadap perjuangannya.

Saya tahu benar tentang apa yang telah berlaku di Johor sejak Musa menjadi Ketua Perhubungannya. Semua orang tahu. Sultan Johor pun tahu sebab itu agaknya baginda marah dengan Musa. Pada hari jadinya, dia tak panggil pun Musa. Lee Kuan Yew dan seorang Menteri Singapura diberikan gelaran Datuk, bukankah ini memalukan Musa?

Kata kawan saya, yang sebenarnya Sultan Johor nak turunkan gambar Musa saja tapi dia terpaksa turunkan kedua-duanya sekali, sebab Mahathir yang pilih Musa. Biar Mahathir sedar sikit. Sultan Johor tidak marahkan Mahathir, dia sedia berbaik-baik dengan Mahathir kerana Agung dengan Perdana Menteri mestilah berbaik-baik. Kalau tidak apa akan jadi pada Negara.

Inilah yang saya suka dengan Sultan Johor, yang telah dilantik menjadi Agung. Dia gentleman orangnya, apa hendak buat dia berdarah panas orangnya, tapi dia adalah pemimpin Melayu yang disegani. Dalam keadaan sekarang, dengan Mahathir yang mula hendak menunjukkan belang diktatornya, Malaysia memang memerlukan orang seperti Sultan Johor untuk menjadi Agung. Orang tak berani nak kritik Mahathir, kita tengok bagaimana Agung baru ini akan mengkritik Mahathir. Ini baru benar-benar raja. Dan kalau Agung pulak tidak betul saya nanti kritik dia pulak. Negeri ini kita punya. Raja itu Rakyat, Rakyat itu Raja. Perdana Menteri kena jaga-jaga jangan buat apa yang dia suka saja.

Dalam perhimpunan Agung yang lalu, Mahathir dengan terang-terang mengucapkan terima kasih kepada perwakilan yang telah memilih Musa. Ini satu kerja yang tidak betul. Sepatutnya sebagai Perdana Menteri dan

Presiden UMNO, Mahathir tidak boleh berkata begitu dalam ucapan dasarnya di depan para perwakilan kerana itu boleh menggugatinya. Dia cakap juga dia mahu beregu dengan Musa. Mungkin dia telah melihat tanda-tanda Musa sedang menuju ke arah kejatuhan. Sebagai seorang sahabat yang setia Mahathir cuba menyelamatkan Musa seperti dia juga terpaksa cuba menyelamatkan Adib Adam. Itu sifat Mahathir yang luar biasa, berani mati kerana kawan. Akibatnya ramai perwakilan UMNO yang marah. Mereka mempunyai mata dan telinga mereka sendiri. Mereka sendiri telah melihat belang Musa. Kenapakah seorang Presiden UMNO mesti meminta para perwakilan memberikan sokongan kepada orang yang telah terbukti tidak layak disokong lagi? Apakah semata-mata kerana Musa telah menjadi regu Mahathir? Mahathir telah membuat salah besar sekiranya dia fikir, dia boleh menyelamatkan Musa.

Mahathir ni terlalu sangat nak sokong Musa. Dan oleh nafsunya itu, dia membuat salah lagi, baca *Utusan Malaysia*, Jumaat 20 April 1984 terpampang di muka depan, berita seperti berikut:

KEKALKAN PIMPINAN UMNO SEKARANG

ALUR SETAR 19 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu pucuk pimpinan UMNO yang ada sekarang dikekalkan dan perubahan pimpinan cuma diadakan jika calon-calon dalam pemilihan parti bulan depan boleh membawa perubahan lebih berkesan kepada bangsa, agama dan negara.

Perdana Menteri menegaskan pertandingan bagi merebut jawatan-jawatan parti tidak perlu diadakan hanya sekadar pertukaran orang sedangkan bakal-bakal calon tidak banyak perbezaan dengan pemimpin yang ada sekarang.

“Saya tidak halang sesiapa yang ingin mendapatkan jawatan dalam parti tetapi jika umpamanya ada dua orang yang tidak jauh beza antara satu sama lain, maka tidak perlu ada pertandingan,”

tambahnya semasa merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Kubang Pasu di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim dekat sini.

Presiden UMNO itu berkata tidak perlu ada pertandingan jika tidak ada perbezaan terlalu sangat antara pemimpin-pemimpin kerana pemilihan parti bukan untuk dua orang sahaja tetapi bagi kepentingan bangsa, agama dan negara..

“Jika pemimpin menjadi begitu buruk dan patut ditukar, maka pada ketika itu, tandinglah dan jatuhkan cara demokratik orang yang pegang teraju.” kata beliau.

“Pemilihan pemimpin baru boleh diadakan jika inginkan perubahan radikal,” jika pemimpin sudah usang, tidak berguna, menjalankan kegiatan bertentangan dan jika pemimpin itu sekaligus boleh menjadikan cawangan dan bahagian UMNO lebih kuat.”

“Tetapi jika perubahan cuma merupakan pertukaran orang dan tidak ada perubahan besar yang boleh dilaksanakan oleh yang ingin bertanding, tidak perlu ada pemilihan,” tegasnya.

Dalam petikan akhbar di atas Mahathir mengatakan "ada dua orang yang tidak jauh bezanya antara satu sama lain". Siapakah dua orang itu kalau tidak Musa dan Ku Li. Masakan tidak ada beza antara kedua mereka. Musa tidak disenangi oleh Agung. Musa juga punca kekacauan dalam UMNO Johor dan Kelantan juga. Bagaimana dengan Ku Li. UMNO Kelantan yang tak pernah menang dengan senang dikuasai oleh Ku Li. Raja pun senang dengan Ku Li. Kehilangan Ku Li bererti Kelantan akan kembali ke tangan PAS. Ini semua orang tahu.

Inilah yang selalu terjadi kepada pemimpin yang telah menerima terlalu banyak pujian dan sanjungan. Mahathir fikir ucapannya boleh menguasai hati dan perasaan perwakilan. Dia fikir kepimpinannya dapat mengkagumkan rakyat. Saya ingin mengingatkan Mahathir sebelum orang ramai menuduh dia macam Sukarno atau pun Marcos, lebih baiklah dia berhati-hati dan cuba membuka telinga kepada pendapat-pendapat orang lain juga. Sulaiman Masri Pengarang *Dewan Masyarakat* yang telah diberhentikan telahpun terang-terang menyatakan pucuk pimpinan hari ini macam Marcos, ingat sedikit bahaya pena.

Tahun 1981 dulu Musa bolehlah menang kerana waktu itu dia menjadi Menteri Pelajaran. Mudahlah dia mempengaruhi guru-guru kerana hampir 40% daripada perwakilan adalah terdiri daripada guru-guru. Tapi sekarang dia tidak lagi boleh mempengaruhi guru-guru. Guru-guru pun sudah banyak hilang kepercayaan kepadanya, kerana dia gagal menepati janji-janjinya. Sekarang Musa Menteri Dalam Negeri, dia mesti berhati-hati kerana selalunya orang ramai takut dengan Menteri Dalam Negeri. Tan Sri Ghazali Shafie hampir terjunam dulu

masa jadi Menteri Dalam Negerilah. Dan di Macang, Timbalan Menterinya telah kalah terok. Mula-mula Timbalanlah dulu, kemudian dia akan ikut samalah. Masa itu barulah orang ramai bersorak dan bertepuk tangan sambil menyanyi ‘‘Biarkan, biarkan, SiLuncaj terjun dengan labu-labunya.’’ Biarkan.

Tahun 1981 dulu, Musa bujang. Isterinya berada di luar negeri, Jadi orang bujang memang seronok. Pergi ke mana pun tiada yang larang. Kuala Lumpur ini kecil. Kalau tidak, takkan Mahathir beri arahan supaya setiap pertemuan malam yang ada Menteri mesti ditamatkan pada jam 11.30 kerana Mahathir tahu ramai di antara Menterinya yang suka buat kerja tidak senonoh.

Musa orang Mahathir. Ramai orang kata dalam Perhimpunan tahun 1981 dulu, Musa menang kerana orang tahu Mahathir mahukan dia. Semua orang tahu Mahathir mahukan Musa. Dalam perhimpunan yang lepas pun Mahathir memberitahu lagi secara terang-terang. Begitu sekali sayang Mahathir kepada Musa tapi dalam krisis Perlembagaan baru-baru ini, bila Mahathir perlukan Musa, apa yang Musa buat? Kata mereka yang tahu, dia cuba lari menyembunyikan diri. Dekat mana saya tidak tahulah. Kalau pun dia takut kena tempeleng Sultan Johor, sebagai seorang kawan baik, dia tidak sepatutnya membiarkan Mahathir seorang diri. Sepatutnya dialah orang pertama yang mengistiharkan berdiri teguh di belakang Mahathir malah sanggup mati bersama Mahathir.

Dalam wawancara Datuk Musa dengan Dinsman yang disiarkan dalam *Mingguan Bacaria*, dia menyebutkan akan pesanan Almarhum Tun Dr. Ismail dan Tun Razak tentang kejujuran, ikhlas, hati bersih, tabah dan sebagai-

nya. Kononnya dia sentiasa berpegang dengan pesanan-pesanan tersebut. Apakah setelah menjadi orang yang berkuasa, dia telah lupa kepada pesanan-pesanan suci dan mulia itu? Tak payahlah saya menjawab. Perbuatan dan perangnya selama ini dengan sendirinya telah menjawab.

Dalam wawancara itu juga, Datuk Musa menjelaskan falsafah kenapa dia suka ketawa. Dia mencadangkan supaya kita membaca sebuah majalah Inggeris yang ada ruangan supaya orang ketawa. Jadi sekarang saya pula ingin mencadangkan kepada dia teruskan membaca ruangan khas dalam majalah Inggeris itu supaya dia boleh terus ketawa dalam apa jua keadaan sekali pun malang yang datang padanya. Dia sebagai menambah syok lagi, saya tujukan sebuah lagu lama yang bertajuk "Ketawalah lagi" dengan senikatanya lebih kurang begini:

Ha, Ha, ha, hai,
Ha, Ha, ha, hai.
Ketawalah lagi.
Ha, ha, hai, hai,
Ha, ha, ha, hai,
Ketawalah lagi.



DATO' SHAHRIR ABDUL SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

SHAHRIR MENUJU KE KEMUNCAK

Ramai yang tidak tahu bahawa ada persamaan antara Shahrir dan Mahathir. Ramai yang berpendapat kalau tidak Anwar Ibrahim tentu Abdullah Ahmad Badawi orang yang satu hari nanti akan menjadi Timbalan Presiden, seterusnya mempunyai kesempatan untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia yang akan datang. Kerana kedua-duanya adalah pemimpin yang datang dari negeri tidak beraja.

Dr. Mahathir Mohammad lahir pada tahun 20-12-1925. Shahrir Samad lahir pada 22-11-1949. Kedua-duanya lahir ditahun Tikus. Tahun ini adalah tahun yang baik bagi mereka kerana tahun ini tahun Tikus. Mahathir akan menang tidak bertanding kerana semua ahli takut mencalonkan pemimpin lain menandingi Mahathir. Dan Shahrir juga (Insya-Allah) akan mendapat satu kerusi di Majlis Kerja Tertinggi nanti, itu ramalan saya.

Mengikut pendapat politik kedai kopi, peluang bagi Shahrir hendak menang kali ini susah sikit. UMNO Johor sekarang sudah kacau-bilau. Sudah mula berpecah-belah. Macam bara dalam tangan, tidak tahulah kiranya ada yang

sanggup memegang bara itu hingga jadi arang. Lagi pun ramai sangat dari Johor yang akan tanding kerusi Majlis Kerja Tertinggi.

Ada juga yang berpendapat kerana bintang Musa mula memudar, Shahrir akan turut pudar sama kerana Shahrir orang Musa dan akhir-akhir ini nama UMNO Johor sudah tidak seindah dan sebersih dulu lagi. Dulu, ahli UMNO dan masyarakat menghormati pemimpin yang datangnya dari Johor. Hari ini jangan katakan orang dari daerah lain, orang Johor sendiri pun sudah tidak menghormati pemimpin negeri mereka sendiri, sebabnya tanyalah orang Johor sendiri. Pemimpin di atas sudah banyak sangat main kotor. Mereka menggunakan *politics of fear* untuk mendapatkan kuasa.

Pada pendapat saya Shahrir tidak akan jatuh sekiranya Musa jatuh. Buktinya bila Hussein Onn meninggalkan kabinet, Shahrir melangkah setapak ke depan sedangkan ramai kawan-kawannya yang gugur.

Baru-baru ini Musa telah menganugerahkan Bintang 'Kesatria Negara', satu anugerah yang tidak diminta olehnya. Anugerah yang boleh menggerhanakan politik mereka yang tidak bernasib baik tapi kerana nasibnya masih baik dia akan terus naik sebagai seorang satria satu-satunya orang harapan Johor.

Pemerhati-pemerhati politik tahu Shahrir bukan jenis Pemimpin yang macam "Kakak Tua" seperti sebilangan dari 7 kesatria yang digelar oleh Musa. Shahrir seorang individu. Kebolehan dan bakatnya sama seperti Musa, cuma dia belum menunjukkan yang dia juga boleh jadi macam kancil.

Shahrir ada mewarisi tokoh yang ada pada Allahyarham Tun Dr. Ismail. Kepintaran dan keberanian serta jiwa nasionalis yang ada pada Datuk Harun ada pada Shahrir. Shahrir harus berhati-hati jangan banyak main politik. Ja-

ngan berpaut pada dahan yang rapuh. Dahan yang sudah diserang anai-anai.

Shahrir Samad dilahirkan di Kelantan. Dia pernah tinggal di Kelantan dan Trengganu di samping menamatkan pengajian Sekolah Menengahnya di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Pada tahun 1972 dia keluar dari Universiti Malaya dengan membawa Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi.

Setelah itu dia bertugas dengan Chartered Bank, dan Shahrir merupakan anak Melayu yang pertama mendapat biasiswa dari bank tersebut. Apakah tidak mungkin satu hari nanti Shahrir akan menjadi Menteri Kewangan Malaysia menggantikan Ku Li?

Ketika di Universitilah Shahrir mula menunjukkan kepimpinannya melalui aktiviti pelajar. Dia pernah mengetuai rombongan mahasiswa melawat ke Jakarta.

Kerana bakat kepimpinannya juga Shahrir telah dipilih oleh mahasiswa untuk menduduki Jawatankuasa Bersama Fakulti, iaitu badan perunding yang ditubuhkan dalam usaha mengeratkan persefahaman dan kerjasama antara mahasiswa dengan pihak pentadbiran Universiti.

Kemampuannya menjadi seorang pemimpin pelajar bertaraf antarabangsa pula terbukti apabila beliau dipilih menjadi Presiden kepada cawangan Persatuan Antarabangsa Pelajar-Pelajar Ekonomi dan perniagaan di Malaysia. Shahrir juga pernah mewakili Malaysia ke Perhimpunan Antarabangsa Persatuan tersebut yang telah di adakan di Berlin Barat pada awal tahun 1972.

Selepas bertugas dengan bank Datuk Musa telah membawa Shahrir menjadi Setiausaha Politiknya, yang kemudiannya diambil pula oleh Allahyarham Tun Razak dan akhir se-

kali bertukar tangan kepada Tun Hussein Onn.

Dalam karier politiknya, Shahrir adalah seorang pemimpin yang telah memulakan karier politiknya dari peringkat bawah. Pemimpin beginilah yang kita perlukan menjadi Menteri dan duduk dalam Majlis Tertinggi. Dari seorang ahli UMNO, Shahrir dapat menduduki jawatankuasa UMNO bahagian Labis dan pernah juga menduduki Jawatan Kuasa Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian tersebut. Dalam tahun 1974 hingga 1976 Shahrir menjadi ahli exco pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, setelah dilantik oleh Ketua Pergerakan tersebut ketika itu iaitu Datuk Harun Idris.

Beliau pernah kalah dalam pertandingan merebut jawatan dalam Majlis Tertinggi UMNO di Perhimpunan Parti pada 26 Jun 1981. Kekalahan itu bukan bererti beliau tidak disukai oleh para perwakilan tapi kerana salah percaturan disebabkan belum cukup matang dalam membuat keputusan. Dari kacamata perwakilan Shahrir terlalu muda buat masa itu dan masa untuknya masih banyak.

Biarlah dia belajar dari kesilapannya. Kalau tidak, dia tidak akan sedar. Ada orang berpendapat, kekalahan Shahrir mempunyai hubungannya dengan kedudukannya sebagai Timbalan Menteri Kewangan ketika itu. Sepatutnya dia bekerjasama dengan Ku Li tapi dia tetap taat dengan gurunya Datuk Musa. Apakah dia akan terus taat menyokong Musa hingga akhir hayat? Apa yang baru terjadi kepada Kassim Ahmad Timbalan Menteri Dalam Negeri yang duduk bawah dagu Musa ?

Detik-detik genting Shahrir dalam politik bermula dari peristiwa kekalahannya dengan satu undi dalam pemilihan untuk menduduki kerusi EXCO Pemuda UMNO pada tahun 1976.


Shahrir kononnya dipaksa oleh pengikut-pengikut-

nya supaya komited kepada 'Godfather' Datuk Harun yang membawanya menjadi EXCO Pergerakan Pemuda UMNO.

Ketika yang sama dia juga terikat dengan Tun Razak. Dia benar-benar tersepit, kasehan. Seperti Datuk Harun, Shahrir juga seorang individu. Dia bukan pengikut dan murid yang lurus macam bendul. Dia mempunyai perhitungannya sendiri tapi dia muda mesti pandai jaga diri. Politik hari ini terlalu kotor. Salah langkah mati. Sebab itulah dia telah memilih jalannya sendiri dan menyerahkan pada takdir. Alhamdulillah hingga hari ini dia masih selamat.

Antara pemimpin pelapis yang dibawa masuk oleh Mahathir dalam kabinetnya, Shahrir seorang saja yang berani secara terang terang mengecam Jepun dalam dasar Pandang Ke Timur. Walau pun lepas itu dia tutup mulut kerana Mahathir tidak suka orang kata kepada Jepun. Di sini jelas kita nampak keberanian yang ada pada Shahrir tapi kerana semua yang lain diam ikut saja telunjuk Mahathir beliau terpaksa bersabar buat sementara waktu. Berdiam diri tidak bererti bersetuju.

Mungkin Shahrir tidak berfikir bahawa kemenangan Datuk Harun dan Ku Li, boleh membawa rahmat kepadanya. Mereka perlukan pemimpin muda yang berkelibar dari Johor, pepatah Inggeris berkata *A known devil is better than an unknown angel*, yang mempunyai erti Syaitan yang kita kenal lebih baik dari Malaikat Maut yang tidak kita kenali? Mungkin akan digunakan oleh orang politik yang sudah pandai menyerahkan diri pada bomoh yang menggunakan syaitan.



Sedih nampaknya Ku Li. Apalah yang hendak disedihkan sangat? "Ini hari orang, besok hari kita", Tengku ada timbalan yang baik disebelah, dan DATUK SABBARUDIN jangan bimbang masa depan datuk cerah (Insyallah)

TAHUN BERTUAH

“Saya tidak pernah bermimpi untuk menduduki kerusi sebagai Timbalan Menteri Kewangan sekarang, tetapi segala-galanya adalah kurniaan dan kudrat Allah yang Maha Esa.” Kata Datuk Sabaruddin Chik dalam satu perbualan dengan saya semasa beliau baru-baru dipilih dalam penyusunan kabinet Dr. Mahathir selepas pilihan raya umum April 1982.

Inilah nasib atau suratan takdir namanya. Benda yang tidak dikejar, yang tidak diminta-minta tiba-tiba dapat. Ramai yang mengidamkan kerusi Menteri. Ada yang dari muda sampai tua jadi Ahli parti, ada Ahli Yang Berhormat berjuang mati-matian, ampu sana ampu sini, sampai pijak kepala orang lain untuk naik ke atas sampai tua, habuk pun tak dapat.

Pemilihan Yang Berhormat Sabaruddin sebagai Timbalan Menteri Kewangan dalam kabinet Dato' Sri Dr. Mahathir tidak memmeranjatkan umum. Ini ialah kerana beliau mempunyai pengalaman yang luas di bidang pentadbiran, baik dengan kerajaan pusat mahupun dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Di peringkat pusat beliau pernah bekerja di bawah tiga orang menteri — Dato' Amar Taib Mahmud, Dato' Hamzah Abu Samah dan Dato' Sri Dr. Mahathir sendiri. Beliau juga mempunyai pengalaman bekerja di bawah dua orang Menteri Besar sewaktu menyandang jawatan Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan di Seremban (1966 — 1967) dan memegang jawatan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (1979 — 1980) sewaktu Dato' Hormat Rafie menjadi Menteri Besar Selangor.

Pengalaman beliau bekerja di peringkat antarabangsa juga diambil kira dalam perlantikannya sebagai Timbalan Menteri Kewangan sekarang ini. Beliau pernah menjadi Setiausaha Pertama di Kedutaan Besar Malaysia di Saigon (1967 — 1971). Dalam tahun yang sama (1971) beliau menjadi Ketua Penolong Setiausaha di Jabatan Perdana Menteri, sebelum berlepas ke Holland untuk mendapat ijazah dalam bidang International dan National Development dan Public Administration dalam tahun 1972 — 1974.

Dalam tahun 1973, semasa di Holland beliau telah menulis surat kepada tokoh UMNO tempatan di negara ini, memohon jasanya untuk mendaftar diri sebagai ahli UMNO yang sah. Permohonan beliau untuk menjadi ahli

UMNO diterima dengan mudah. Ini adalah disebabkan sebelumnya beliau telah menunjukkan minat yang mendalam dan bakat kepimpinan yang besar dalam UMNO di peringkat daerahnya, iaitu di Temerloh. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Bahagian Perdagangan Antarabangsa di Kementerian dan Perindustrian (1976 — 1979), semasa Dato' Hamzah Abu Samah menjadi Menteri berkenaan hinggalah Dato' Sri Dr. Mahathir sendiri mengambil alih Kementerian tersebut.

Menceritakan tentang minatnya menerjunkan diri dalam politik, Sabaruddin berkata, beliau banyak mendapat inspirasi dari keadaan hidup serba tertekan masa kecilnya. Kampung kecil yang terpencil di daerah Temerloh tidak pernah membangun di zaman persekolahannya. Keadaan itu membuatkan beliau insaf dan kemudian berazam untuk memperjuangkan nasib bangsanya.

Perubahan tidak dapat dilakukan walaupun setelah beliau mempunyai ijazah, sesudah beliau mendapat pekerjaan sebagai Pegawai Tinggi Kerajaan, sesudah itu beliau pergi melanjutkan pelajaran keluar negeri. Kampung asalnya masih seperti dulu juga, jalannya masih bertanah merah, bekalan air dan api masih belum ada, kemudahan telefon jauh sekali. Apakah dia akan berjaya mengubah-warnakan kampungnya dari segi mental dan pembangunan material, kalau dia bukan seorang Menteri?. Banyak kampung dan negeri yang berubah corak dan warna, bila anak kampung itu jadi pemimpin besar dan masih cintakan kampung lama dan daerahnya.

Setiap individu tidak akan dapat mengubah nasib kaumnya dengan hanya bercita-cita dan berazam saja. Inspirasi yang didapati tidak akan memberi makna selagi

beliau belum menjadi ahli Yang Berhormat parti yang memerintah.

Baginya, melalui politik sajalah masalah rakyat di kampungnya dan negara ini seluruhnya dapat diperjuangkan dengan lebih bererti kerana pemimpin parti cakupnya masin, inikan pula kalau dia seorang Menteri. Jadi orang yang mahu memajukan kampung laman dan negaranya mesti terlibat sepenuh masa dalam parti politik. Datuk Saba yang mempunyai banyak falsafah bila bercakap, percaya bahawa manusia tak ubah seperti semut, di mana terdapat banyak makanan di situlah mereka menumpukan perhatian. Mereka pergi beramai-ramai dan mereka akan meninggalkan tempat itu bila makanan tiada lagi. Dari itu untuk menarik ramai penghuni ke sesebuah kampung, rancangan pembangunan dan kemudahan-kemudahan asas mestilah disediakan terlebih dahulu di kampung tersebut. Saya harap dia dapat membuat ini semua untuk kampungnya.

Dan falsafahnya tentang semut dan gula nampaknya ada persamaan dengan keadaan perhubungan antara Ahli UMNO dengan Pemimpin Parti. Kalau Pemimpin itu seorang Menteri lebih-lebih lagi jika Menteri tersebut mempunyai kuasa yang besar, boleh memberi banyak kemudahan kepada pengikut, pasti dia akan dikerumuni oleh semut dalam parti yang cuma mahu gula-gula dari menteri tersebut kerana hari ini ramai ahli parti yang berperangai macam semut.

Percaya atau tidak mengenai nasib, saya meramalkan yang Datuk Saba mempunyai kesempatan duduk di kerusi Majlis Kerja Tertinggi dan dengan menang bukan kerana dilantik tapi dipilih, selain dari untung nasib. Beliau

mempunyai kesungguhan dan cara yang tersendiri bekerja dan berusaha untuk mendapatkan tempat yang akan direbuti oleh hampir lima puluh Ahli UMNO yang terdiri dari 10 Menteri Besar dan Ketua Menteri, Timbalan Menteri dan Menteri kabinet, Pol Sek, Press Sek dan orang veteran serta intelek dan jutawan yang ada connection dengan pucuk pimpinan.

Mengikut ramalan kalender Cina, orang yang lahir di dalam tahun 1941, mempunyai lambang Ular dan Ular akan beruntung dan bernasib baik tahun ini. 1984 ini ialah tahun Tikus. Untuk pengetahuan pembaca, mereka yang dilahirkan di tahun Ular mempunyai keistimewaan di bidang Politik dan sifat ini ada pada Datuk Sabaruddin.

Beliau melihat politik itu suatu bidang bagi memperjuangkan nasib bangsa dan negara seluruhnya bukan setakat untuk membangunkan satu-satu kawasan yang diwakilinya sahaja. Kalau perjuangan itu terhad kepada kawasan tertentu seperti kawasan yang diwakilinya saja, itu sudah menyalahi prinsip perjuangan politik itu sendiri. Beliau tidak bersetuju politik cara demikian. "Kalau kita berpolitik, kita mestilah bersedia menghambakan diri kepada rakyat. Tidak boleh berat sebelah. Kalau kita hendak membangunkan tempat dan kawasan yang kita wakili, kita hendaklah juga bersedia membangunkan tempat-tempat lain. Peranan kita mestilah secara "associate" dengan semua pihak." katanya.


Datuk Sabaruddin atau lebih mesra dengan panggilan Saba atau Din mempunyai satu tanggapan terhadap Vietnam. Tempat beliau pernah bertugas dahulu. Baginya, negara itu mengalami keadaan huru-hara disebabkan kepemimpinannya tidak stabil dan tidak adil.

Kerajaan pilih kasih yang diamalkan menyebabkan rakyat hampa dan kecewa. Perbuatan rasuah berleluasa. Perkara seperti ini sudah tidak terkawal lagi. Akibatnya perang saudara meletus di Vietnam. Apa yang dilihat dengan mata kepala sendiri di negara Vietnam menyebabkan beliau benci kepada segala bentuk rasuah, pilih kasih dan pasaran gelap. Beliau juga benci kepada peperangan. Hampir setiap hari beliau melihat pembunuhan kejam dan tidak berperikemanusiaan. Pendek kata pengalaman hidupnya di Vietnam sudah cukup untuk mengajar serta memberikan kesedaran kepadanya dan mengingatkan kawan-kawan pemimpinnya supaya lebih mengutamakan masalah rakyat dari kedudukan sendiri. Sekiranya kita takut negara kita jadi macam Vietnam.

Saba mempunyai pandangan tersendiri mengenai isu kontroversial. Baginya erti kontroversial itu terlalu unik dan memerlukan tafsiran mendalam, misalnya Buku karangan Dato' Sri Dr. Mahathir *Dilema Melayu* yang dianggap kontroversial oleh kebanyakan orang tidak kontroversial baginya. Menurutnya apa yang tertulis di dalam buku itu adalah suatu kebenaran. Kita orang Melayu harus menerima kenyataan ini. Sikap 'tak apalah' yang kita amalkan selama ini tidak sesuai lagi dengan kehendak dan perubahan zaman.

Mengambil buku itu sebagai contoh, beliau berkata hanya orang yang tidak setuju dengan pendapat itu menganggap buku itu kontroversial. Dan bila buku dianggap kontroversial, penulisnya juga dikira tokoh yang kontroversial. Tetapi kalau kita telah setuju dengan pendapat orang itu, atau tulisan orang itu, dia tidak lagi kontroversial bagi kita. Jadi Dato' Sri Dr. Mahathir bukan seorang tokoh yang kontroversial jika dilihat dari aspek ini. Kalau

Dr. Mahathir bukan seorang penulis yang kontroversial. Saya pun sama juga, orang yang kata saya penulis kontroversial kerana mereka tidak sependapat dengan saya.



Y.B. DATUK ABDULLAH AHMAD (BADWI)
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

BAKAL NAIB PRESIDEN UMNO

Semasa saya meramalkan Abdullah Ahmad Badawi (ketika itu dia belum Datuk lagi) sebagai Pemimpin Pelapis selepas Musa dalam buku saya *Siapa Selepas Musa*, ramai yang tersenyum. Ada senyum sinis, ada senyum kambing, antara percaya dengan tidak, kerana ramalan saya tidak mengikut teori politik mereka.

Saya percaya Abdullah mempunyai masa depan yang cerah kerana asas agama yang ada padanya. Dia berpelajaran, berkebolehan ada bakat kepimpinan semula jadi. Tentu Mahathir tidak mahu membubuh sampah dan kaca di bawah dagunya. Mahathir perlukan seorang anak muda yang bersih, cekap dan disegani dan boleh dipercayai oleh rakyat. Hari ini dunia mulai takut dengan pengaruh

Islam. Pemuda yang berjiwa Islamlah yang boleh jadi pendinding baginya.

Ada yang kurang senang, ketika saya menonjolkan Dolah Badawi, mereka berpendapat Dolah masih terlalu awal untuk diketengahkan ketika itu, sebenarnya mereka cemburu, iri hati.

Kata mereka, sepatutnya Datuk Haji Suhaimi Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, yang juga menjadi Ketua Pemuda UMNO Malaysia, yang paling layak atau Datuk Mokhtar Hashim Timbalan Ketua Pemuda merangkap Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, yang mesti saya tonjolkan sebagai pelapis selepas Musa.

Orang Johor pula berpendapat Datuk Mohd. Rahmat, Menteri Penerangan ketika itu, yang sama senior dengan Datuk Musa sepatutnya menjadi pengganti Musa. 'Buah kelapa kalau hendak gugur bukan tunggu kering, putik pun gugur'. Siapa pun tidak pernah terfikir yang General Suharto boleh jadi Presiden Indonesia sekarang, kerana ketika itu Bung Hatta adalah orang kedua. Selalunya orang kedua tidak semestinya jadi orang nombor satu. Di Malaysia ini pun berapa orang nombor dua yang hanyut macam itu saja.

Dalam perkampungan politik yang dulu tidak semestinya didulukan. Siapa sangka Hussein Onn boleh jadi Perdana Menteri. Tengok sajalah berapa ramai Pemimpin yang tua sudah sampai ganyut diketepikan begitu saja.

Sekarang cuba lihat apa yang telah terjadi pada Haji Suhaimi? Kalau tidak ada nasib dalam politik janganlah ngada-ngada sangat. Sudah patah kepek, ada hati hendak

berlaga lagi. Kalau nasib masih belum baik belajarlah bersembunyi dulu.

Nabi Muhamad yang ada mukjizat pun terpaksa bersembunyi ini pulak pemimpin yang cuma mengharapakan undi simpati.

Kemana perginya Mokhtar Hashim? Nasib baik umur masih panjang, ajal maut di tangan Tuhan. Kalau ikut undang-undang manusia sudah jadi arwah. Meramalkan nasib pemimpin politik tidak boleh berpandukan 'seniority dan popularity'. Hari ini berita kekuatan pemimpin macam buah durian punya keras susah dibuka tapi bila sudah terlalu masak merkah sendiri.

Mendengar cakap-cakap orang dan berpandukan teori politik bukan cara saya. Saya tidak yakin bahawa orang yang kuat akan bertambah kuat. Ini semua angin dalam belon. Belon bila sudah terlalu besar sama ada meletup atau kempis dengan sendiri. Kekuatan, kekuasaan dan kemasyhuran manusia satu barang pinjaman yang tidak kekal, hari ini ada, besok hilang.

Seorang Menteri bertanya kepada saya kenapa saya memilih Dolah Badawi sebagai pemimpin selepas Musa? Jawab saya senang saja. Che Lah adalah seorang Menteri yang komited dengan kementeriannya, orangnya lemah lembut berbudi pekerti. Ayah dan datuk neneknya alim-ulamak, airmukanya jernih dan dia tidak banyak cakap. Pemimpin yang cara hidupnya mengikut kaedah.

"Politik untuk menegakkan syariat. Syariat membimbing politik, oleh itu politik yang bersyariat tidak menghalalkan tindakan-tindakan difitnah memfitnah,

kerja-kerja yang membawa porak peranda dan memecah belahkan perpaduan umat walaupun kerana 'politiking'.

Itulah antara isikata buat Pak Lah bila saya bertanyakan samada beliau akan bertanding merebut kerusi Naib Presiden tahun 1984 sedikit hari dahulu.

Dia tidak akan bertanding sekiranya pertandingan itu akan membawa perbalahan dan perpecahan dalam UMNO. Cuba kita bertanya berapa ramai pemimpin UMNO yang berfikir begitu? Kebanyakannya fikir mahu menang saja. UMNO hendak hancur mereka tidak peduli. Mereka bukan hamba Allah yang baik. Mereka adalah hamba tuan dan hamba Datuk.

Ini semua boleh terjadi kerana kemahuan Datuk-Datuk mereka. Datuk suka mereka menghina, memfitnah, menjatuhkan maruah pemimpin UMNO yang mahu bertanding, menentang mereka atau kunci-kunci mereka.

Ramai yang bercakap sana sini mengenai penyerapan Islam, mengaku diri pemimpin parti Islam yang terbesar di dunia. Pelajaran tinggi pangkat Menteri perangai macam burung 'kakak tua'. Cuma tahu suarakan kehendak dan kemahuan Tuan saja. Ini ke rupa Kesatria Negara? Kutuk seranah, caci teman seperti satu sen tidak guna.

Menghina saudara sendiri bukan kerja Pahlawan. Ini kerja burung kakak tua. Kerja menghina keterlaluan ini kerja orang yang tidak berfikir panjang. Nasib baik pilihan raya umum jauh lagi, kalau tidak UMNO nanti akan jadi macam USNO. Gugur berkecai pecah dari dalam. Saya percaya Pak Lah tidak tergolong dalam kumpulan kakaktua yang tidak beriman sebab itu saya rasa Pak Lah boleh menang menjadi Naib Presiden UMNO yang baru.

KETUA WANITA 1984

Di perhimpunan agung UMNO yang ke 34, tahun lalu, seorang pemimpin Wanita yang saya kenali datang ke tempat saya menjual buku.

“Kenapa Habib tidak ramalkan pemimpin Wanita yang akan menang dalam buku?”

“Boleh saya kemukakan beberapa soalan sebelum menjawab soalan Yang Berhormat?”

“Boleh, tapi jawablah soalan saya itu dulu.” minta yang Berhormat tersebut.

“Pertama kerana Wanita UMNO tidak suka membaca buku politik.”

“Mana boleh, saya suka membaca buku politik”.
Beriya-ya benar dia bercakap.

“Yang Berhormat adalah antara satu dalam seribu Wanita UMNO yang suka membaca buku politik, yang lain jangan dikatakan hendak membaca, hendak datang ke tempat jual buku ini pun segan.”

“Tidak baik cakap begitu, marah Wanita UMNO pada Habib nanti.” Dia memberi amaran.

“Kalau mereka hendak marah, suka hati merekalah. Saya berkata yang benar, bercakap dari pengalaman. Selama lima tahun berturut-turut saya menjual buku-buku di setiap kali ada perhimpunan agung UMNO.”

“Jadi Tuan Syed ini tulis buku cari makanlah?” dia memperli.

“Bukan begitu Yang Berhormat, kita inikan sudah diajar, bercakap pada yang hendak mendengar, meminta pada yang hendak memberi, merajuk pada yang kasih. Kita tulis buku untuk orang yang tidak suka membaca buat apa?” Yang Berhormat tersebut diam termenung.

“Yang Berhormat tahu, setiap kali ada perhimpunan Agung, kebanyakan Wanita yang datang, cuma mahu beli kain-kain dan barang-barang yang mereka boleh dapat di Emporium-Emporium dan Shopping-Shopping Complex, apalah salahnya kalau beli buku politik mengenai UMNO yang ditulis khas untuk setiap Perhimpunan. Macam mana jadi orang politik kalau tidak mahu membaca, nanti orang kata politik kakak tua, marah!” kata saya.

“Mentang-mentang tidak beli buku awak, janganlah menghina sampai begitu sekali. Hendak buat macam mana, membeli belah adalah kesukaan Wanita. Lagi pun yang menjual di sini orang UMNO juga.” Sampuk Yang Berhormat, seolah-olah dia rasa tercabar.

“Inikah kepemimpinan melalui teladan? Kalau ramai pemimpin Wanita berperangai bodoh sombong macam ini, macam mana Wanita UMNO hendak maju, Yang Berhormat dan pemimpin mereka yang berkelulusan tidak ada semangat perjuangan.” Bisik hati kecil saya.

“Tuan Syed masih belum jawab pertanyaan saya, kenapa tidak ramalkan, antara Aishah Ghani, Zaleha Ismail dan Marina, siapakah yang akan menang?”

“Kerana kalau saya menulis yang Aishah Ghani akan menang, saya merasakan komited kepadanya. Sebab itu saya tidak perlu membuat ramalan siapa yang akan menang.”

“Kenapa tidak boleh komited kepada Datin Paduka Aishah Ghani? Kalau Tuan Syed boleh komited kepada Datuk Musa, Anwar Ibrahim dan lain-lain pemimpin lelaki dalam tulisan-tulisan Tuan Syed!”

“Salah itu tidak Yang Berhormat, cuma saya tidak seronok dengan kemenangan yang telah diperolehinya.” Jawab saya terus terang. Dia nampak tersinggung. Saya tahu ramai yang sayang dan takut betul pada Kak Esah. Entah kenapa, saya hairan sifat Wanita yang takut pada Ketua mereka.

“Kenapa tidak?”

“Kerana kita tahu Aishah Ghani menang sebab undi sedekah, undi simpati. Bolehkah kita semua berbangga dengan perbuatan begini? Apakah sesudah setengah abad kita merdeka, Wanita masih tidak boleh menunjukkan kedewasaan? ”

“Bukan Wanita saja yang pandai berikan undi kasihan. Apa bezanya dengan Pemuda? Said Taib bekas Setiausaha Politik Datuk Mokhtar dapat undi terbanyak kerana undi simpati juga. Boss dia masuk jail, dia selamat tidak payah pergi mahkamah pun, kenapa orang tidak bercakap? ”

“Wanita adalah sayap kiri UMNO yang mempunyai kuasa undi penentu. Tangan yang menghayunkan buaian, tangan itulah juga yang dapat menggoncangkan dunia. Jangan ikut Pemuda, kerana Pemuda UMNO hari ini bukan lagi sebagai harapan bangsa.”

“Kalau Pemuda UMNO, bukan Pemuda harapan bangsa, Pemudinya bagaimana pula?”

“Pemudi tetap tiang Negara, tapi ingat! Kalau tiang Negara lembik, alamatnya bengkoklah Negara,” dan saya menyambung lagi.

“Sebab itu kita mahukan Ketua Wanita yang di luar Kerajaan.”

“Apa maksud Tuan Syed?”

“Kemenangan patut diberikan kepada Kak Leha, kerana Kak Leha lebih aktif, lebih agresif dan lebih terbuka sikapnya dari Kak Aishah dan dia berada di luar

Kerajaan. Kalau dia menang, Wanita akan berubah kerana sikap dan sifatnya.”

“Itu pendapat Tuan Syed.”

“Pendapat saya adalah pendapat orang ramai kerana saya adalah mata dan telinga rakyat. Selain daripada pendapat saya sendiri yang suka kepada manusia bebas sebagai pemimpin parti.”

“Jadi kenapa tidak sokong Kak Leha?”

“Nasib Kak Leha waktu 1982 dulu tidak begitu baik. Mereka tidak akan terpengaruh dengan tulisan saya. Mereka tetap akan memberi undi kerana kasihan dan takut pada Ketua lama mereka.”

“Tidak Habib, Datin Zaleha kalah kerana kehadiran Marina. Seandainya perlawanan itu satu lawan satu pasti Kak Leha yang menang.”

“Che puan! untung rugi, Qada dan Qadar adalah suratan dari Allah. Menang kalah itu Tuhan yang menentukan tapi memilih undi adalah kerja dan hak perwakilan. Janganlah Marina pula yang nak disalahkan.”

“Saya tahu Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri, dan saya juga percaya pada Qada dan Qadar, tapi tanpa sebab, perkara itu tidak boleh jadi dengan sendirinya.”

“Pandai pun Yang Berhormat Che Puan memasukkan firman dalam perbualan politik. Kalau Yang Berhormat tahu kenapa Yang Berhormat tidak menolong Wanita

supaya mengubah nasib mereka, agar mereka tidak terus menjadi alat kepada orang-orang tertentu.”

“Saya bukan seorang pemimpin besar, saya cuma pemimpin peringkat negeri. Kalau saya cuba hendak tunjuk pandai pasti saya akan dibunuh, apa hal saya nanti?”

“Jadi Che Puan akui yang pemimpin Wanita kebanyakannya masih memikirkan diri dan periuk nasi?”

“Kami semua perempuan, lemah tidak berdaya. Kalau berkeras nanti kena lanyak, kena tekan, bukan tidak tahu perangai pucuk pimpinan Wanita.”

“Kalau begitu Yang Berhormat tidak boleh marah saya, kalau saya tidak mahu menulis mengenai Wanita.”

“Kenapa tidak?”

“Kerana buku saya nanti akan memalukan Wanita sendiri, dan Wanita sangat sensitif. Mereka pasti ambil tindakan terhadap saya.”

“Awak kan Penulis yang paling berani di Malaysia.”

“Dengan lelaki saya beranilah.”

“Takut dengan Wanita?”

“Tidak, cuma tidak tahan sedih kalau mereka menangis depan saya.” Dia ketawa kecil.

“Bagaimana kalau tahun depan Zaleha lawan Rafidah Aziz?”

“InsyaAllah Zaleha Ismail yang akan menang”

“Macam mana boleh tahu.”

“Saya tahulah kerana Wanita mahukan pemimpin yang lebih keibuannya, lebih berpengalaman. Pemimpin yang berada di luar kabinet. Wanita perlukan pemimpin yang agresif dan berani macam Datin Paduka Zaleha Ismail.”

“Zaleha bukan Menteri, pada pendapat saya Wanita mahukan seorang Menteri yang jadi Ketua mereka.”

“Itu bagi yang tidak tahu, bagi mereka yang tahu bahawa kunci-kunci Menteri yang pandai menagih lesen untuk berbusiness saja yang untung, pasti undi Menteri yang lawan Zaleha akan merosot.”

“Bercakap dengan awak ini susah hendak menang, awak bukan saja Penulis, awak Nujum, menanglah awak,” katanya sambil berlalu.

WANITA PILIHAN WANITA

Puan Margaret Thatcher, Puan Indira Ghandi dan Puan Bandarnaiké, ketiga-tiga wanita ini mewakili negara-negara mereka, sebagai Perdana Menteri yang dipilih oleh rakyat. Mereka pernah menggemparkan dunia kerana memegang kuasa yang sepatutnya berada ditangan lelaki.

Hari ini kehadiran mereka sebagai pemimpin dunia tidak lagi menjadi satu tanda tanya. Lelaki dapat menerima wanita sebagai pemimpin mereka.

Begitu juga halnya di Malaysia. Para perwakilan UMNO tahun 1981 telah dapat menerima Marina sebagai salah seorang pemimpin UMNO diperingkat M.K.T. tanpa restu dari pihak pimpinan wanita.

Apakah tidak mungkin satu hari nanti ada wanita Malaysia yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri ataupun menjadi Perdana Menteri? Kerana wanita adalah ahli yang terbanyak dalam UMNO hari ini.



Y.B. SHARIFAH DORA BINTI DATUK SYED MOHAMED IDRUS. TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Naib Ketua Wanita Umno Malaysia 1984 (insyaallah)



DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA ISMAIL,
KETUA WANITA UMNO MALAYSIA 1984.
(Insyallah)



Onn Ismail suka mengucapkan tahniah kepada orang yang menang. Dia suka mengangkat orang yang berada di atas. Apakah dia akan mengucapkan tahniah kepada Marina sekali lagi? Sanggupkah dia mengucapkan tahniah keatas kemenangan Datuk Harun nanti? Ada tidak Onn membawa pistol untuk menembak peluru kosong diperhimpunan ini nanti?.

Kalau di India sebuah negara yang mempunyai beratus juta kaum lelaki, dapat menerima wanita sebagai Perdana Menteri dan di England rajanya seorang wanita dan berjuta-juta kaum lelaki yang terpelajar, dapat menjadikan wanita sebagai Perdana Menteri. Apakah tidak mungkin Marina dan pendaatang baru Sharifah Dora memenangi kerusi M.K.T. tahun ini.

Dalam dunia akhir zaman tidak ada yang mustahil, macam-macam boleh jadi dan terjadi, inikan pula dalam arena politik, di mana segala-galanya menjadi serba mungkin. *Politic is the game of the possible.*

Marina berjaya memenangi kerusi M.K.T. tahun 1981, bukan kerana kelulusannya yang tinggi, bukan juga kerana beliau seorang peguam, bukan juga kerana beliau seorang cantik dan kaya.

Ada pemimpin wanita yang cantik jelita, adapun yang terpelajar yang kaya raya yang sudah jadi menteri nak buat apa? Kalau kecantikan, kelulusan, dan kekayaan ini yang menjadi ukuran untuk memilih mereka jadi pemimpin. Kita bukan hendak memilih sang ratu cantik. Kita mahu sang pemimpin wanita.

Samada di restui atau tidak, tak penting. Ramai tahu Kah Esah, siapa Kak Esah yang mesti memilih Rafidah untuk menggantikannya? Perwakilan tidak mahu wanita yang tidak cukup keibuannya untuk memimpin UMNO. Wanita mahu pemimpin yang tidak menyokong pucuk pimpinan secara membuta tuli.

Wanita tidak akan memilih ketuanya semata-mata kerana ketuanya cantik dan sexy. Wanita tidak akan me-

milih ketuanya semata-mata kerana ketuanya mempunyai kelulusan yang tinggi. Pemimpin yang baik tidak boleh diukur dari kelulusan akademik dan pangkat yang dijawatnya.

Umum berpendapat dengan pengaruhnya Kak Esah maka Puan Marina yang aktif telah tersisih dari politik dan apakah pengaruh Kak Esah boleh menandingi pengaruh Kak Leha? Nasib dan bintang Kak Leha lebih terang dari Kak Esah.

Tengku Razaleigh Hamzah adalah orang bertanggung jawab membawa Rafidah hingga dia mendapat tempat yang baik dalam politik hari ini. Walaupun tidak ada pribahasa 'kacang lupakan' dalam kamus orang politik. Kita orang Melayu sentiasa mengenang budi baik orang. Tak tahulah saya kalau sejak jadi tujuh Kesatria ini, Rafidah sudah melupakan adat Melayu.

Dua tahun dulu laki-laki UMNO telah memberikan peluang kepada Pemimpin Wanita muda yang cantik dan terpelajar untuk duduk sama mereka di M.K.T. Tapi Ketua wanitanya dibiarkan ditangan wanita yang lebih dewasa. Apakah Wanita yang sudah tahu undi mereka lebih banyak dari lelaki akan tunduk kepada Pengaruh Pemimpin lelaki supaya memilih Ketua mereka seorang menteri yang ditunjuk oleh Pemimpin Lelaki?

Tan Sri Fatimah Hashim, bekas Ketua Pergerakan Wanita UMNO. Selama tujuh tahun menjadi Ketua Wanita tanpa memegang sebarang jawatan dalam kerajaan. Wanita ketika itu amat disegani. Apa perlunya seorang Ketua mesti jadi Menteri? Menteri cuma boleh beri untung kepada kuncu-kuncu yang pandai mengangkatnya sahaja. Ini semua boleh menimbulkan sakit hati orang di bawah kerana

wanita sekarang ramai yang sudah celik, sebab itu dari putih mata mereka akan membiarkan pemimpin mereka yang putih mata.

Datuk Harun, Allahyarham Syed Jaffar Albar menjadi Ketua Pemuda tanpa jawatan dalam kerajaan. Bagaimana keadaan pemuda ketika itu? Haji Suhaimi pada mula jadi ketua juga tidak memegang jawatan kerajaan. Tapi bila Ketua Pemuda dan Wanita sudah jadi Menteri, mereka terpaksa tutup mulut. Inikan pula sudah jadi Menteri sebelum jadi ketua, tentu lebih dahsyat lagi. Ini Manifesto Kak Leha yang saya dapat untuk tatapan pembaca. Bagaimana Rafidah tidak ada manifesto ke?

MANIFESTO DATIN PADUKA ZALEHA ISMAIL

KEARAH MATLAMAT YANG LEBIH PROGRESIF DAN BERMARUAH TINGGI

1. Mengeratkan persafahaman di kalangan Pergerakan Wanita UMNO berlandaskan konsep kekeluargaan di mana tiap-tiap ahli UMNO dianggap saudara seperti mana juga dalam amalan hidup orang Islam bahawa tiap-tiap orang Islam adalah bersaudara. Dengan mengamalkan konsep ini dapat menjamin perpaduan yang bulat dalam Pergerakan Wanita.
2. Menggembelngkan semua tenaga wanita profesional dan akademik bersama-sama dengan tenaga lama yang berpengalaman serta tenaga muda yang mempunyai daya penggerak bagi mengujudkan satu force yang efektif untuk penglibatan wanita sepenuhnya membangunkan negara, bangsa dan ugama.

3. Mengadakan Pusat Dokumentasi dengan Bank Maklumatnya mengenai kegiatan wanita, khususnya Wanita UMNO bagi mengenalpasti aspek-aspek kelemahan dan kejayaan dalam bidang-bidang kegiatan mereka. Dengan maklumat-maklumat ini satu program yang menyeluruh - program jangka pendek dan jangka panjang boleh dirancang dan dilaksanakan. Rancangan ini meliputi aspek Politik, ekonomi, pelajaran kesihatan, ugama, disiplin pentadbiran dan ketahanan negara melalui kursus-kursus dan sekim-sekim latihan dan kegiatan wanita ke tahap yang lebih progresif dan bermaruah tinggi.



**Y.A.B. DATO' SRI DR. MAHATHIR MUHAMMAD,
PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KE 4.**

PEMAIN SILAP MATA

Nampaknya Mahathir mahu mencipta kerajaannya sendiri. Dia telah merancang perkara ini begitu lama. Berbagai-bagai perkara yang telah dibuatnya mendapat sokongan. Dia berjaya mempersonakan hati rakyat, seperti Jepun dahulu sewaktu belum menyerang Malaya. Semua rakyat terpesona dan suka pada Jepun. Imej Mahathir dimata orang Melayu adalah segala-galanya. Mereka terpu-kau dan terpesona dengan keperibadiannya. Tetapi orang Melayu bukan bodoh. Mereka tahu yang berkilau dan berca-haya itu tidak semestinya intan. Orang sekarang telah boleh mencipta berlian-berlian palsu.

Mahathir adalah contoh seorang pemimpin Islam yang lahiriahnya macam Imam Mahadi. Samakah Mahathir dengan Imam Mahadi? Dari pandangan lahiriahnya dari segi pandangan mata kasar Mahathir tidak melakukan segala yang ditegah oleh Allah. Dia hidup seperti orang Islam.

Benarkah Mahathir membuat apa yang disuruh oleh Allah? Mahathir nampaknya akan membawa orang-orang yang taat dan percaya kepadanya ke satu dunia yang dimimpikannya. Mahathir memang ada rancangan untuk mengadakan dunia untuk pengikut-pengikutnya. Dunia yang macam mana? Negeri yang macam apa?

Slogan “Bersih, Cekap, Amanah” ini macam satu permainan silap mata. Macam satu macam sihir. Dan baru-baru ini dia telah bawa keluar ular tedung dari permainan silap matanya. Bila Mahathir bawa keluar ular tedung itu baru rakyat tahu, ini bukan sebarang Perdana Menteri. Bukan sebarang permainan silap mata. Bukan sebarang sihir. Ini betul-betul punya sihir dan silap mata. Ha...apa rakyat mahu buat. Itu pindaan perlembagaan bukankah ular yang boleh mematuk? Ular permainan silap mata itu baru belit sahaja. Nasib baik, cepat sedar. Kalau tidak matilah Raja-raja kita dipatuk ular pemain silap mata.

Orang sihir itu memang banyak pandai. Dia cakap pada kawannya biar Bersih, Cekap dan Amanah dan jangan buka rahsia. Itu pindaan Perlembagaan selama dua bulan menjadi rahsia. Siapa pun tidak heboh-heboh. Raja sendiri pun tak tahu, kerana orang raja tidak memberi tahu raja.

Demikianlah Mahathir. Rahsia itu telah disembunyikannya daripada pengetahuan ramai. Ia benar-benar menjadi rahsia. Dan ini memang kenalah dengan dasar Bersih, Cekap dan Amanah yang disarankan oleh Mahathir kepada kakitangan kerajaan dan anggota-anggota parlimennya. Mereka merahsiakan keputusan pindaan Perlembagaan itu. Sehingga tidak ada sepelepun berbangkit didalam Perhimpunan Agung ke 34 yang lalu, dan ini membuktikan

bahawa tidak ada seorang pun daripada perwakilan yang menyedari akan pindaan tersebut. Kalau ada pun sudah terpukau oleh sihir permainan silap mata. Kalau tidak masakan pinda yang boleh melucutkan kekuasaan Raja-raja di tiap-tiap negeri serta kekuasaan yang ada pada Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung, tidak dibahaskan sama sekali.

Rakyat boleh dipermain-mainkan dan digelapkan segala maklumat dengan tendang terajang politik, tetapi mereka tidak akan rela Raja-raja mereka diperkecil-kecilkan dan seterusnya melucutkan kekuasaan yang telah dijanjikan oleh UMNO dahulu.

Dua bulan rahsia pindaan Perlembagaan tersimpan rapi di dalam peti besi di bilik Jabatan Perdana Menteri, Nasib baik Datuk Senu Abdul Rahman, bekas Setiausaha Agung UMNO Malaysia memecahkan suasana kesepian itu dengan mengadakan satu sidang akhbar pada 5 Oktober di Hotel Holiday Inn beberapa hari selepas beliau menghantarkan sepucuk Surat terbuka kepada Perdana Menteri, berhubung dengan buruk baiknya pindaan Perlembagaan itu jika diluluskan.

Dibawah ini kita cuba menyorot pindaan Perlembagaan dan persoalan yang kita tumpukan ialah atas dua perkara. Pertama, pindaan Fasal 66 (5) dan kedua, Fasal 150 (1).

Mengenai Fasal 66 (5) pindaan dikehendaki supaya secara automatik menjadi Undang-undang selepas 15 hari samada ia diperkenankan oleh Yang DiPertuan Agung ataupun tidak.

Berhubung dengan Fasal 150 (1) pindaan yang dikehendaki ialah kalau Perdana Menteri mendapati darurat

patut diistiharkan di mana-mana juga dalam negara ini - baik secara menyeluruh di seluruh negara ataupun di tempat-tempat tertentu sahaja - maka Perdana Menteri boleh menasihatkan Yang DiPertuan Agung dan Yang DiPertuan Agung MESTI mengistiharkan darurat.

Kedua-dua pindaan itu menjadikan Perdana Menteri orang yang paling berkuasa, dan dalam sejarah 26 tahun kita mencapai kemerdekaan, belum pernah seorang Perdana Menteri pun mempunyai kuasa yang begitu besar, malah dalam seluruh negara demokrasi di dunia rasanya Perdana Menteri Malaysia lah orang yang pertama yang paling banyak kuasa.

Kuasa yang ada pada Perdana Menteri sekarang jauh lebih banyak dari kuasa yang ada pada Perdana Menteri yang dikiritik oleh *Dilema Melayu* tahun 1970 dahulu.

Dalam *Dilema Melayu* ada menyebut, antara lain, bahawa punca kerajaan Perikatan 'korap atau rasuah' adalah disebabkan kerana kuasa yang terlalu besar yang dipikul oleh Ketua Kerajaan dan orang itu juga Ketua Parti. Tidak ada sesiapa berani hendak menegurnya lagi. Apa yang Mahathir sedang buat ni?

Dilema Melayu yang dikarang kira-kira 13 tahun yang lampau mencegah pindaan Perlembagaan di bentangkan di Parlimen, Mahathir tidak pakai petua yang dibuatnya. Dia telah membohongi dirinya sendiri. Akibat menghalalkan yang haram. *Dilema Melayu*, masa haram dulu bagus tapi bila halal isinya jadi haram.

Bila Mahathir sendiri tidak betul, macam mana Anwar Ibrahim boleh jadi betul, Dulu Anwar menentang pindaan

Akta Pertubuhan, tapi sekarang dia menyokong bila menghadapi pindaan Perlembagaan macam ini. Apa nak dihairankan? Kedua-duanya datang naik tongkang ke negeri ini. Zaman dulu kala. Apa hendak dipelikkannya.

Dalam konteks sekarang, Ketua Parti yang memerintah adalah Ketua Kerajaan. Sama kedudukannya dengan Perdana Menteri yang dikritik oleh *Dilema Melayu* dahulu.

Bila Rang Undang-undang akan menjadi Undang-undang sekadar diluluskan oleh Parlimen, maka sudah tidak ada lagi pihak yang boleh megawasi atau menyoal apa-apa yang dibuat oleh Ketua Kerajaan yang tentunya menguasai Parlimen.

Walaupun sebelum pindaan, hakikatnya Perdana Menteri juga yang berkuasa, Yang DiPertuan Agung masih boleh menangguhkan pengesahan sebarang Undang-undang kalau Baginda mahu. Walaupun selama ini Yang DiPertuan Agung dipercayai tidak pernah membantah keputusan Parlimen, tetapi sekurang-kurangnya boleh juga Raja bertanyakan sesuatu mengenai apa jua perkara yang diluluskan.

Dalam perkara perkara tertentu kemahuan kerajaan memerlukan persetujuan Majlis Raja-raja. Tetapi bila peruntukan baru ini dibuat, Parlimen terlepas dari sebarang odit dan periksa.

Inikah cara mahu bersih? Kalau kita betul bersih, kita tidak takut siapa pun yang datang hendak periksa kita.

Itulah sebabnya Tuhan menurunkan Nabi Muhammad SAW sebagai satu rahmat kepada dunia ini kerana sifatnya

dan setiap pemimpin Islam yang mengikut sunnah rasul saja yang boleh membawa rahmat kepada umatnya. Dia diturunkan untuk menyelamatkan manusia. Bukan menyelamatkan Mahathir dan kunci-kuncunya sahaja.

Satu lagi dosa Mahathir yang tidak boleh dimaafkan terutama oleh umat Islam Sabah ialah tindakannya membuang USNO dari Barisan Nasional. Sungguh tak mengenang budi Mahathir. Mentang-mentang orang tak ikut cakap dan perintahnya, dia tunjukkan dia punya terror, tunjuk handal. Katanya masalah isu perlembagaan sudah selesai. Kalau sudah selesai lupakanlah saja.. Buat apa nak buang USNO lagi? Itu tanda melepaskan dendam dan geram. Itu cara nak cari gaduh.

Ikutlah sifat Nabi. Kata Islam sangat.. Nabi sentiasa memberi maaf kepada umatnya. Cakap pasal Islam, suruh Iran dan Iraq berdamai,. Janganlah marahkan nyamuk kelambu dibakar.

Kalau marahkan Tun Mustapha, buang saja presiden USNO itu. Ada orang cerita pada saya Mahathir buang USNO kerana ramalan saya dalam buku *Tuah Nasib Pemimpin Malaysia* yang Harris Salleh akan jatuh. Berjaya tidak akan berjaya lagi dan USNO yang dipimpin oleh Tun Mustapha akan kembali berkuasa.

Apakah dengan membuang USNO dari Barisan Nasional Tun Mustapha akan kehilangan semangat untuk berjuang. Semangat pemimpin USNO tidak akan berkubur. Pemimpin USNO akan jadi lebih tekad dan berani. Perbuatan Mahathir membuang USNO menanam semangat kebencian orang terhadapnya. Orang UMNO sendiri pun ramai yang sakit hati dan marah pada kezaliman Mahathir.

Berjaya sudah sampai ke kemuncak di mana mereka akan bercakaran sesama sendiri. Pemimpin Berjaya adalah bekas pemimpin USNO yang belot pada perjuangan. Dan tidak mustahil orang yang pernah belot akan belot kembali. Kalau UMNO boleh bercakar-cakar, MIC, MCA, Parti Snap di Sarawak boleh meletup dari dalam, kenapa Berjaya tidak boleh gagal? Harris bukan nabi, bukan raja. Hari ini Mahathir berkuasa, Harris bolehlah selamat. Besok, Tuhan yang menentukan.

Kedudukan Mahathir pun nampaknya tidak begitu selamat, walaupun dia sudah menang kerusi Presiden tanpa bertanding. Bagaimana dia boleh menjamin keselamatan Harris dan Berjaya? Mentang-mentang Tun Mustapha sudah miskin, sudah tua, sudah tidak ada kuasa lagi. Tengoklah nanti apa akan jadi kepada pemimpin yang kejam dan zalim macam ini. Tengok apa yang telah terjadi pada Hussein Onn, setelah membuang dan menjatuhkan Tun Mustapha, Datuk Harun dan PAS dari Barisan Nasional.

Mahathir naik macam air pasang malam, senyap-senyap saja. Sedar-sedar hampir semua orang jadi kelam kabut. Apa tidaknya. Air sudah diparas hidung kalau lambat sikit orang Melayu sedar, tentu ramai yang lemas, inipun ada yang sudah mula terapung-apung. Orang yang boleh selamat, berenang. Mereka yang beringat, yang beriman yang tidak pernah kagum dengan kebaikan lahiriah Mahathir, tidak pernah takut dengan kebesarannya.

Itulah Mahathir. Dia sudah bawa keluar ular tedongnya. Ular tedong itu sudah mematuk, tapi nasib baik tidak mengena. Kalau tidak Mahathir dan kawan-kawannya pasti sudah dapat syurga dunia yang lama dirancang dan dimimpikannya.

MAHATHIR OH MAHATHIR

Kenapa Tuhan perintahkan Muhammad membaca, baca dengan nama Tuhan yang menjadikan sekalian alam. Kerana Allah Maha Mengetahui. Sesudah wafat Rasulullah, Tuhan tidak akan menurunkan nabi yang lain. Muhammad SAW Nabi yang terakhir dan seandainya umat Muhammad mahu selamat mereka mesti pandai membaca. Tapi mesti baca dengan nama Allah. Mesti ingat akan kebesaran Allah yang telah menjadikan sekalian alam. Dan manusia diajar dengan perantaraan Kalam Allah. Allah mengajar manusia apa yang mereka tidak tahu.

Kita semua tahu ramai umat Islam yang rindukan seorang pemimpin Islam. Seorang imam yang bukan saja berpakaian Rasul, berjubah dan berserban, tapi yang benar-benar mengikut sunnah Rasul. Ramai di antara para pemimpin UMNO parti Islam yang terbesar di Malaysia ini

cuma pandai menyuarakan isi Quran dan Hadis Nabi tapi tidak meneladani hidup nabi. Pemimpin UMNO sebelum Mahathir tidak melambangkan pemimpin Islam sejati.

Mahathir pemimpin UMNO. UMNO parti Islam terbesar. Perangai dan tingkah laku Mahathir tidak ada cacat celanya. Sedikit demi sedikit Mahathir mencuri cinta kasih dari sifat lahiriahnya. Tiba-tiba Mahathir jadi macam Imam Mahadi. Orang Melayu lupa Tunku Abdul Rahman, lupa Tun Razak, lupa Hussein Onn sama sekali.

Mahathir mempunyai perangai dan tingkah laku yang lemah lembut, tidak banyak cakap, sentiasa bersih dari segi pakaian, tidak minum arak, tidak hisap rokok, seorang ayah yang bertanggungjawab, seorang suami yang baik dan pengasih (ke mana saja bawa isteri) tidak seperti pemimpin UMNO yang lain suka minum arak, kadangkadang mabuk di sana sini, pergi lumba kuda, main judi, kaki betina, kaki disko, asyik terlibat dengan skandal.

Mahathir bersih dari kejahatan lahiriah. Bercakap pasal Islam Mahathir ambil menteri-menteri yang ada pendidikan agama di sekelilingnya. Anwar Ibrahim, Dolah Badawi, Sharifah Dora. Mahathir buat Bank Islam, buat Universiti Islam, adakan penyerapan nilai Islam. Semua yang dibuat itu baik-baik belaka. Siapa yang tidak menyokongnya memang tidak patut. Mahathir baik.

Mahathir tidak hisap rokok, para pengampu di sekeliling Mahathir takut hendak hisap rokok. Ketakutan hisap rokok ini lama kelamaan jadi Momok, jadi besar dan besar hingga begitu BESAR menjadi satu macam undang-undang, hampir di semua pejabat terdapat papan tanda

tertulis 'Tidak dibenarkan merokok'. Mula-mula ramai juga yang marah. Lama kelamaan mereka ikut saja. Tapi di Kelantan wakil-wakil rakyat Mahathir yang takut merokok terus minta rakyat tanam tembakau. Beri subsidi untuk tanam tembakau. Kalau semua orang tak merokok, petani-petani tembakau di Kelantan tu nak tanam apa pula? Rakyat jadi haru biru. Tak tau mana satu nak ikut.

Ramai orang Islam yang bukan pemimpin tidak hisap rokok. Ramai di antaranya yang tidak minum arak, tidak berzina, menjadi suami yang baik, ayah yang bertanggungjawab, pekerja yang taat dan rajin. Ramai yang taat pada ajaran agama mereka. Apa gunanya kebaikan begini kalau untuk dirinya saja? Rakyat untung apa dari pemimpin yang macam ini? Saudara-saudara Islam yang lain untung apa dari pemimpin yang cuma baik lahiriahnya saja. Itu adalah fardu ain, kita mahukan pemimpin yang mengamalkan fardu kifayah. Hari ini pemimpin yang cakap pasal Islam cuma membawa keuntungan bagi diri sendiri dan orang Islam yang sekutu dengan mereka saja kerana ramai yang bercakap pasal Islam tapi hidup macam Firaun.

Mahathir suka datang kerja cepat, datang kerja lebih awal dari pekerja-pekerja lain. Semua para pengampu yang mahu mendapat tempat di hati Mahathir pun datang cepat juga. Yang lain suka tidak suka kena datang juga kerana Mahathir datang cepat. Kalau lambat malu dan kena denda. Mahathir memaksa rakyat buat sesuatu yang tidak ikhlas. Biar bagaimana pun kerana itu kehendaknya. Akhirnya jadi satu undang-undang juga. Ini satu permainan psikologi bagaimana menanam semangat supaya orang ramai semakin hari semakin takut pada Mahathir. Sampai satu saat Mahathir nanti jadi gergasi. Peniaga-

peniaga di sekelilingnya juga satu demi satu dijadikan gergasi. Baca Utusan Malaysia Isnin 30 April 1984 muka depan terpampang Kerajaan mahukan lebih ramai usahawan gergasi. Sudahlah dia jadi gergasi dalam politik, kawan-kawannya jadi gergasi dalam bisness. Rakyat jadi apa? Hamba dan makanan gergasi ke? Ini ke cara Islam? Islam tidak menggalakkan gergasi.

Kiranya sekali lagi Mahathir dapatkan Musa sebagai regu dan dapat pula semua Naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi yang sudah terdidik taat setia kepadanya, Malaysia akan jadi sebuah negara yang diperintah dan dikuasai gergasi-gergasi, di mana rakyatnya nanti jadi macam robot, jadi macam tolol, ikut saja kata para gergasi. Mahukah orang Melayu hidup begitu?

Setiap orang mulutnya terkunci, yang tidak terkunci sendiri akan dikunci. Setiap orang akan memandang kepada satu hala saja. Kerana yang memerintahnya nanti adalah satu manusia yang mempunyai satu mata sahaja.

Kasehan orang Melayu yang Agama Islam cuma pada surat beranak dan kad pengenalan, kerana satu masa nanti mereka cuma tahu yang besar itu cuma Mahathir. Mahathir yang maha besar dan maha berkuasa dalam negeri ini. Akhirnya mereka akan hilang kepercayaan bahawa Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Kuasa. "Nauzubillahiminal zalik" kerana alangkah ruginya bila yang beragama takut dan gentar berhadapan dengan pemimpin yang menggunakan tekanan dan paksaan sebagai kuasa. Bunga-bunga dari perbuatan menunjukkan kuasa amat jelas sekarang. Mana Menteri yang tidak dengar cakupnya akan hilang kerusi kementeriannya. Mana juga hartawan yang tidak tunduk dan ikut cakupnya akan hilang kekayaan.

Orang yang berpangkat yang tidak ikut perintah dan petunjuknya, kehilangan pangkat. Rakyat yang degil ditarik subsidi. Jadi semua orang jadi takut. Hiduplah manusia Melayu jadi manusia penakut. Berbaliklah kita ke zaman penjajahan, atau kita akan merasakan yang kita ini berada di sebuah negara kuku besi yang diperintah oleh para gergasi. Alhamdulillah, nasib baik Allah pilih Sultan Johor menjadi Yang Di Pertuan Agung. Baginda saja yang diharapkan oleh orang Melayu supaya dapat menentang para gergasi ini. Seperti Baginda telah menewaskan Gergasi Pendek di Johor.

Tengok! apa yang telah terjadi pada Tun Mustapha dan USNO? Tengok apa yang akan terjadi pada Rukun Negara sedikit hari lagi. Dan apa akan jadi pada mereka yang tidak menyokongnya. Tengoklah apa akan jadi pada Syed Hussein Alattas, penulis buku ini. Segala ramalan dan nujumnya akan dijahanamkan supaya siapa pun tidak akan percaya pada segala tulisan lagi. Kasehan Pak Habib.

Kelahiran manusia yang akan duduk di atas kepala manusia ini tidak disedari oleh umat Melayu. Mata dan telinga mereka sudah dikelabui, kerana pemujaan yang keterlaluan yang telah diberikan kepada Mahathir, pemimpin Melayu keturunan India Kerala, sebuah negeri Komunis di India Selatan. Kalau ada pun yang sedar takut nak buat apa-apa.

Saya sendiri pun pada mulanya jadi kabur, gelap

mata melihat keindahan kata dan harapan yang dijanjikan untuk rakyat. Syukur saya kehadiran Allah, kerana telah membuka semula mata saya, agar saya dapat membuka mata saudara-saudara saya. Jangan nanti mereka jadi rakyat di sebuah negara yang memaksa umatnya supaya lebih takut pada pemimpin dari takut pada Allah.

Di mana saja di dunia ini bila umatnya hidup dalam ketakutan kerana kekejaman dan kezaliman, negara itu tidak akan aman dan akan menghadapi kehancuran! Kerana Allah mendengar dan memakbulkannya permintaan manusia yang dizalimi dan teraniaya.

Mahathir tokoh yang tidak disenangi oleh orang-orang pejabat. Mereka sekarang cari rezeki dalam keadaan takut. Takut pada jam yang dipinda oleh Mahathir tu. Kononnya hendak membangun, membangun apa! Kalau rakyat berada dalam ketakutan. Dulu orang takut pada pencuri, perompak saja, sekarang takut pada jam. Sikit punya terok ke Mahathir mengerjakan rakyat? Mahathir gunakan apa saja untuk menjadikan rakyat Malaysia rakyat penakut. Kerana bila rakyat sudah jadi penakut senanglah Mahathir buat apa saja yang dia suka. Takut kalau orang kata tidak cekap, takut kalau orang kata tidak bersih, takut kalau orang kata tidak amanah.

Dulu orang Melayu berkiblat ke Barat, Mahathir ajak kita semua berkiblat ke Timur, ke Jepun, ke Korea. Macamlah kita tidak ada peribadi sendiri. Kenapa kita tidak lihat pada diri sendiri? Takutkah lihat diri sendiri? Kita sekarang ini hendak buat budaya kebangsaan. Ini semua orang dah setuju. Kebudayaan kebangsaan berasaskan Bumiputra dan Islam. Yang awak nak pi ke timur dan ke barat tu buat apa?

Mahathir sudah hampir berjaya dalam usahanya menakut-nakutkan umat Melayu yang tidak berdosa. Berjaya menakutkan pemimpin UMNO yang hidup mereka bergelumang dosa, para pemimpin muda yang inginkan kedudukan dan kuasa. Pemimpin muda yang terlupa tanggungjawab terhadap bangsa dan negara. Biar bagaimanapun dia akan gagal dalam rancangan yang boleh merugikan bangsa kerana dalam negara ini masih ramai lagi orang yang beriman dan beramal saleh. Dalam UMNO sendiri pun ramai pemimpin yang berjiwa Islam tulen yang berjiwa nasionalis yang tidak gentar bila berhadapan dengan penyeleweng.


Jasa Mahathir kepada orang Melayu terlalu besar, dia telah membuka mata raja dan rakyat supaya masing-masing tahu tanggungjawab mereka. Jadi kalau adapun yang tidak baik dibuatnya orang terpaksa tutup mulut, kerana kepada orang Melayu tidak ada pemimpin yang lebih handal dari Mahathir. Mahathir paling berani, paling tegas, paling cerdik dan Perdana Menteri yang paling handsome. Itulah pemujaan dan sanjungan yang dimainkan oleh media massa. Mahathir berani menentang British, berani menukar waktu. Berani membuat akta Universiti hingga penuntut di Universiti kini semua sudah jadi macam 'Robot', macam burung 'Penguin' yang mengikut saja belakang kawannya.

Begitulah Mahathir hero, orang putih nampak diam, tapi bangsa yang pernah mempunyai empire yang kuat itu tidak bodoh. British membuat pengumuman mahu keluar dari Hong Kong, apa yang telah terjadi pada Bank Bumi-putra? Apa jadi pada B.M.F. Ini semua kerana keberanian Mahathirlah, tapi dia pandai main politik. Rakyat sikit pun tak marah dia.


Mahathir curahkan wang ke negeri Jepun. Sikit punya hebat Mahathir main catur? Mahathir yang bawa Jepun dan Korea masuk Malaysia. Bisness yang besar semua beri pada mereka. Orang Malaysia dapat apa? Contoh yang nyata, Bangunan Daya Bumi menampakkan tidak berdayanya kaum bumi. Yang berdaya dan yang kaya hanya mereka yang terlibat dan Jepun yang membuatnya saja. Sikit punya sumpah ke orang Melayu bila tengok bangunan Daya Bumi yang menunjukkan betapa tidak berdayanya kontraktor bumi. Banyaknya wang yang mengalir ke Jepun. Mahathir oh Mahathir.

BUKU-BUKU S. H. ALATTAS YANG TELAH DITERBITKAN.


1. FIRASAT (RAHSIA MENGENAL DIRI SENDIRI)
2. MELANGKAH DAN BERJAYA
3. RAHSIA MIMPI ANDA
4. 9/10 REZEKI DARI PERNIAGAAN
5. TEMANKU PEMIMPIN-PEMIMPIN
6. KENAPA ROSLI DHOBY & 3 HERO SARAWAK DIHUKUM BUNUH?
7. SARAWAK KEPADA SIAPA HENDAK DISERAHKAN?
8. PERANG DI KUALA LINGGI 1978
9. BAHTERA LAMA NAKHODA BARU
10. SIAPA SELEPAS MUSA
11. PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR
12. TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA



Y.B. Datuk Najib Tun Abdul Razak



DATUK MOHD ISA DATUK HAJI ABDUL SAMAD
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN, yang akan
bertanding kerusi M.K.T. (Inshaallah) menang.



Y.B. ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIL
TIMBALAN DI KEMENTERIAN LUAR NEGERI



Y.A.B. Ramli Ngah Talib

PEMUDA HARAPAN BANGSA

Tahun ini adalah tahun yang baik untuk orang muda-muda. Kita tidak hairan sekiranya 80 peratus dari kerusi di Majlis Tertinggi nanti di monopoli oleh golongan pemuda yang dalam umur empat puluhan. Tahun ini juga adalah tahun yang baik bagi *outsider*. Ramai yang tidak disangka-sangka boleh menang telah memperolehi kemenangan dan ramai lagi *outsider* yang akan menang.

Kelulusan yang tinggi, pangkat dan pengaruh, serta wang ringgit tidak lagi menjadi ukuran dan jaminan. Inilah tahun yang peling sukar membuat tekaan dan ramalan kerana tahun ini kawan akan main kawan dan kawan akan makan kawan sendiri.

Saya meramalkan pada tahun 1981 dulu pemimpin yang menang berpangkal nama M beruntung. Mahathir, Musa menang. Datuk Wan Mokhtar pertama, di tempat kedua Mat Rais Yatim, dan Mokhtar Hashim ketiga.

Apa sudah jadi pada Mokhtar Hashim? Apakah Wan Mokhtar dan Rais Yatim fikir mereka boleh mendapat undi seperti dulu lagi? Mokhtar Hashim kawan baik Rais sekarang berada di dalam penjara. Siapa sangka menteri macam itu boleh jadi banduan?

Antara Rais Yatim dan Mohd Esa, Menteri Besar Negeri Sembilan seorang pendatang baru ke Majlis Tertinggi, siapa yang akan mengalahkan siapa? Walaupun Esa bukan seorang peguam dan tidak sebijak Rais, tapi nampaknya para Menteri Besar Malaysia suka dengan Esa, saya rasa Datuk Esa ada harapan menang.

Seorang lagi Menteri Besar yang hendak saya perkatikan ialah Wan Mokhtar Trengganu, saya nampak sukar bagi dia untuk mewakili UMNO sebagai ulamak. Wan Mokhtar bukan seorang ulamak yang baik. Macam mana Ustaz Wan Mokhtar mahu duduk di kerusi Naib Presiden sebagai mufti UMNO di sana sedangkan UMNO Trengganu yang tidak sebesar mana pun berkocak dan tidak sekata? Di Trengganu dalam masjid ada dua Imam. Dalam Parlimen bila berdepan dengan Ustaz Hadi dan Ahli PAS, Wan Mokhtar menangis. Menangis sebagai senjata ini agaknya menjangkit dari Adib Adam.

Pemerhati politik kata lebih baik kerusi itu diberikan pada Siwarso, Sanusi Junid, kerana Siwarso ini ternyata lebih cerdik, lebih berani, lebih berterus terang. Sanusi terkenal sebagai seorang *trouble shooter, trouble maker*. UMNO tentunya tidak mahukan pemimpin hipokrit kerana hari ini UMNO sedang dilanda penyakit Hipokrasi. Hipokrasi mengatasi Reality. Terlalu banyak pemimpin yang hidupnya berpura-pura, ikut tafsiran Quran Hipokrasi ertinya "Munafik" ada pemimpin pijak

semut tidak mati, tendang kuda patah kaki, yang sepak kambing jatuh dalam perigi. Sanusi terang-terang menyokong Pindaan Perlembagaan. Semua orang tahu pendiriannya, Sanusi tidak suka pada raja-raja. Mana dia pergi dia jelaskan sikapnya. Bossnya tidak suka raja, dia tidak suka rajalah. Burung kakak tua, cuma pandai mengejek suara tuannya, kata Sanusi pada saya. Jangan maki dia dalam buku saya sudahlah hendak tulis apa tulislah.

Wan Mokhtar pula bila saya tanya dia macam mana ada gambar dua M dalam dia pun tidak sedar gambar dua M bergandingan dalam pejabatnya. Wan Mokhtar bila depan Raja, sayang dan tunduk taat kaseh pada Raja. Bila depan Matahthir, Musa, taat pada pucuk pimpinan. Bila depan rakyat, cakap macam mana pula? Depan Allah nanti apa pula ceritanya? kata ulamak sangat?.

Mari kita ambil contoh antara Wan Mokhtar dengan Sanusi Junid. Siapa yang lebih berani, siapa yang lebi taat pada boss, dan siapa yang lebih hipokrit? Antara Ghaffar Baba dan Rais Yatim, sama-sama pendek dan sama-sama cerdik tapi siapa yang lebih kaya dan siapa yang lebih bergaya? Antara Abdullah Ahmad Badawi dan Tengku Ahmad Ritauddin ini senang kita teka, orang kampung pun sudah tahu, Pak Lah yang akan menang. Walaupun ada yang tidak sukakan Pak Lah kerana mereka kata Pak Lah ini diam-diam lepu. Ramai yang berani bertanya apa gunanya Ku Din pada orang Melayu? Mungkin Mahathir sayang Ku Din kerana Ku Din sanggup jadi Harry Kissinyer, tapi Ku Din dah tua dan dia menang dulu pun atas undi kesian, tak kan tiap-tiap tahun nak menang dengan undi kesian juga.

Antara Menteri Besar yang saya rasa, InsyaaAllah, akan menang ialah pertama Ramli Ngah Talib. Anak muda ini mempunyai mada depan yang cerah dalam politik. Pemimpin UMNO yang boleh dibariskan sejajar dengan Anwar Ibrahim, Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Tun Razak kerana kalau umur UMNO ini panjang lagi, mereka akan mempunyai tempat dalam pucuk pimpinan. Baca buku saya Tuan Nasib Pemimpin Malaysia, apa yang saya tulis mengenai nasib Ramli, dalam keadaan macam maca Ramli akan untung akhirnya dan dia akan bawa perubahan besar. Benar atau tidak? Sekarang Ramli sudah dapat Sultan baru, betul tidak ramalan saya mengenai angka 7 yang jadi Menteri Besar pada 1-3-83. Tengoklah buku Tuan Nasib Pemimpin Malaysia, muka surat 299-300.

Datuk Najib Tun Razak sekarang berumur 30 tahun. Beliau adalah Menteri Besar yang termuda di Malaysia. Tahun ini Najib akan mengekalkan kerusi Naib Ketua Pemuda UMNO disamping mempetahankan kerusinya di Majlis Kerja Tertinggi.

Beliau pernah menjadi Timbalan Menteri Pelajaran, semasa Datuk Musa menjadi Menteri. Ketika merebut Majlis Tertinggi beliau menduduki tempat ketujuh dengan undi 756 dan jadi ahli Majlis Kerja Tertinggi yang termuda menang kerusi Naib Ketua Pemuda UMNO tanpa bertanding. Kita semua suka orang muda yang tahu tugasnya sebagai Pemuda Harapan Bangsa.

Seorang lagi tokoh yang boleh digolongkan dalam kategori muda dan telah pun mendapat pencalonan yang agak banyak ialah Yang Berhormat Kadir Sheikh Fadzil, Timbalan Menteri Luar yang sekurang-kurangnya 60 bahagian telah mencalonkan beliau. Pak Sheikh ini memang popular orangnya, menteri suka senyum *The Smiling Minister*.

Di Majlis Kerja Tertinggi tahun 1984 ada dua kerusi Wanita yang akan kosong. Satu kerusi Kak Leha kerana Datin Paduka Zaleha akan mengambil tempat Kak Esah sebagai Ketua Wanita UMNO 1984 (Ansyallah). Kedua kerusi Kak Esah yang telah mengundurkan diri dan tidak lama lagi akan pencen. Ahli UMNO tahu hal ini, mereka akan memberi kerusi ini untuk muka baru. Sharifah Dora kemungkinan akan menang kerana UMNO memerlukan seorang pemimpin UMNO yang ada kelulusan agama yang tinggi dan Sharifah Dora seorang saja Pemimpin UMNO kelulusan dari AlAzhar. Marina Yusuf nampaknya berkerja dan berusaha mempertahankan kerusinya. Siapa tahu dia boleh menang.

Bercakap pasal wanita saya percaya Rahmah Osman dengan mudah dapat memgalahkan Napsiah Omar kerana Napsiah muka baru yang masih mentah politik. Lagi pun apa ada kelebihan Napsiah yang boleh kita banggakan. Sekarang Rahmah dikenal oleh Wanita.

Biar bagaimana pun peti undi tetap dalam tangan orang UMNO yang berkuasa, mereka boleh merugikan nasib orang yang hendak untung. Memberi kemenangan kepada orang yang sudah pasti kalah dan kalahkan orang yang akan menang. Inilah politik namanya. Kalau takut terkena segala kekotoran ini jangan menjadi ahli dalam perkampungan politik.

TEPUK DADA TANYA SELERA

Datuk Harun telah mengesahkan yang dia akan bertanding. Semua orang sudah tahu. Dia bertanding Timbalan Presiden. Ramai yang tahu dia akan menang. Kataanya, "Saya tidak bertanding untuk mendapatkan jawatan dalam kerajaan." Cukup jelas pendiriannya. Dia sudah tua, dia sedar akan dirinya. Ramai orang-orang tua dan muda dalam UMNO yang benci, iri hati dan dengki padanya menggunakan pengumuman ini untuk mempersenda dan menikamnya. Suara kebencian mereka terpampang di dada-dada akhbar. Datuk tidak cakap Ku Li mesti jadi Timbalan Perdana Menteri. Kalau Datuk Musa nak jadi Timbalan Perdana Menteri dia pun tidak sekat. Siapa nak jadi Timbalan Perdana Menteri, jadilah. Sebagaimana dia meminta dari pada Mahathir terlebih dahulu semasa dia nak bertanding, jangan galakkan dia dan tolong jangan sekat dia. Mahathir setuju. Mahathir diam sahaja. *No comment.* Kalau ikut cara pengantin perempuan itu bermakna persetujuan. *Silence betokens consent.*

“Sekiranya saya menang, bermakna ahli-ahli parti menerima penyelesaian yang saya bawa, dan ketika itu dapatlah saya menjalankan usaha-usaha menyatupadukan semula parti.” Itulah kemahuan dan niat Datuk Harun kerana hari ini Mahathir cuma ada tangan kiri saja iaitu Musa dan dia perlukan Datuk Harun untuk jadi tangan kanannya. Bukankah baik begitu? Orang muda pegang jawatan Kerajaan, orang tua pegang parti. Kalau semua hendak dipegang oleh orang muda, orang tua hendak buang ke mana?

Soal perpaduan adalah soal penting. Ini soal hidup mati bangsa Melayu. Dan UMNO adalah parti terbesar bangsa Melayu. Perpaduannya mesti kukuh. Kita menyokong Datuk Harun kerana semangat kebangsaan dan perjuangan politiknya. Inilah yang tidak difahami oleh anak-anak muda dalam UMNO. Berapa ramai pemimpin muda hari ini yang luas pemikirannya dan yang berpendapat bahawa keutuhan dan kekuatan sesebuah parti adalah bergantung kepada perpaduan jitu ahli-ahlinya? Sekiranya ahli-ahlinya tidak bersatupadu, kekuatan politik Melayu tidak akan mantap. Politik Melayu mesti diperkuatkan lagi untuk digunakan sebagai senjata bagi membangunkan ekonomi orang Melayu. Tanpa perpaduan, kekuatan politik tidak akan lahir. Perpaduan tidak akan tercapai tanpa tolak ansur dan pengorbanan.

Apabila kenyataan akhbar tentang Datuk Harun jadi bertanding merebut kerusi Timbalan Presiden maka tidak sedikitlah orang yang membuat komen. Kata seorang bekas wakil rakyat dari Selangor yang tidak senang dengan Datuk Harun, alasan yang diberikan oleh Datuk Harun itu hanya andaian. Beliau yang pernah berjuang bersama-sama dengan Datuk Harun selama enam tahun mengatakan “Kenapa baru sekarang Datuk Harun nak buat per-

kara ini? Kenapa dulu tidak buat?" Bila Datuk Harun nak bertanding timbul masalah tradisi. Kerusi yang sudah berisi tidak boleh dipertandingkan lagi. Timbullah cerita Tun Razak dan Tun Dr. Ismail yang pernah bertanding merebut kerusi dan macam mana mereka akhirnya boleh berbaik semula. Satu jadi Perdana Menteri, satu jadi Timbalan. Dua-duanya pun sudah menjadi arwah. Jangan hendak samakan Tun Razak dan Tun Dr. Ismail dengan Mahathir dan Musa. Samakah mereka?

Ada pemimpin UMNO Selangor yang dulunya macam isi dengan kuku dengan Datuk Harun sekarang menikam Datuk Harun pula. Kenapa? Kalau tidak kerana Datuk Harun boleh ke orang tersebut dapat kerusi yang sedang diduduknya itu? Kenapa ahli politik dengan tiba-tiba hilang hati perut? Hilang rasa hormat dan kasih sayang? Tenggelam segala sumpah dan janji-janji terutama janji dulu sanggup sehidup semati.


Ramai tahu yang mereka ini menentang Datuk Harun bukan kerana marah dan benci pada Datuk. Tapi kalau tidak menentang Datuk nanti macam mana hendak cari duit untuk bayar segala macam loan? Hutang kereta, hutang bank, entah macam-macam hutang lagi. Jadi kalau tidak bunuh Datuk Harun sampai mati, mereka akan mati kerana banyak sangat janji dan hutang yang mesti dibayar. Kasehan! Mereka sudah hilang kepercayaan kepada Allah, kepada diri sendiri. Akibat mabuk pangkat, mabuk harta dan mabuk kuasa.

Dulu bila mereka jatuhkan Datuk Harun, Datuk Harun dimasukkan ke penjara. Mereka fikir orang tua ini sudah mati tapi tidak mati juga. Datuk Harun ini kalau mengikut kepercayaan Inggeris, macam kucing. *A Cat has nine lives*. Kucing adalah satu binatang yang susah

hendak dimatikan begitu saja. Kalau jatuh dari bangunan atau tempat yang tinggi pasti jatuh atas empat kaki juga. Kuching adalah binatang yang dikasehi oleh Nabi kita. Kalau ada ahli UMNO yang berfikir mereka boleh jatuhkan Datuk Harun mereka salah. Kalau dia sengaja dikalahkan dalam rebutan kerusi Timbalan Presiden, dia akan naik juga di musim pilihan raya umum yang mungkin berlaku pada tahun 1986. Datuk Harun ini macam *Hidra* dalam cerita dongeng *Sinbad*, yang ada tujuh kepala. Lepas dipotong kepalanya akan tumbuh lagi, potong balek tumbuh lagi

Ada seorang Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bahagian Rengas yang mengatakan keputusan Datuk Harun untuk bertanding melawan Datuk Musa tidak logik. Memanglah perlawanan itu tidak logik kerana Musa anak murid Harun. Tahun 1971 dulu semasa Datuk Harun jadi Ketua Pemuda, Musa jadi Timbalannya. Ramai yang berkata ketika itu jikalau Datuk Harun jadi Perdana Menteri, Musalah yang akan jadi Timbalan Perdana Menteri. Pada tahun 1981 Musa jadi Timbalan Presiden, Harun jadi Naib. Tahun 1984 nampaknya Harun akan jadi Timbalan Presiden, apakah Musa akan kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri?

Siapa kata saya tidak sayangkan Datuk Musa? Buktinya, bacalah buku *Siapa Selepas Musa* dan *Tuah Nasib Pemimpin Malaysia*. Baca apa yang tersirat bukan yang tersurat. Tapi dalam keadaan darurat macam ini Musa atau UMNO yang mesti diselamatkan? Apa boleh buat kalau Musa terpaksa dijadikan korban. Memang dalam politik mesti ada orang yang jadi kambing korbannya. Apa boleh buat nasib Musa sedang malang. Ahli UMNO sayangkan parti? Sayangkan orang Melayu? Atau Sayangkan Musa?



Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Setia Ghani Ali, Bekas Ketua Menteri Melaka sedang menyaksikan Datuk Sri Adib Adam (Menteri menangis) sedang bersedih. Kenapa saya tidak tahu. Dulu Adib Ketua Menteri Melaka, sekarang Menteri Penerangan Malaysia yang hobby dan senjatanya adalah menangis. Rakyat Indonesia bangga dengan Presiden Suharto yang bergelar 'The Smiling Presiden' apakah Mahathir dan ahli-ahli UMNO bangga mempunyai 'The Crying Minister'?

Kalau mereka sayangkan Musa pilihlah antara Harun dan Tengku Razaleigh Hamzah kerana kedua-duanya adalah pemimpin yang anda sayangnya. Mana ada manusia yang tidak buat salah. Ada ke pemimpin yang awak pernah pilih menjadi Naib, awak tidak boleh pilih jadi Timbalan? Yang menang kerusi Naib Presiden itu, dulu ialah Datuk Harun, banduan yang masih merengkok dalam penjara!

Kenapa sekarang timbul masalah Bank Rakyat dan korupsi. Mana lebih dahsyat, kes Bank Rakyat atau kes B.M.F? Dalam kes B.M.F. kenapa nama Ku Li saja yang disebut? Kenapa sembunyi nama menteri-menteri yang lain? Oh, kerana Mahathir tidak cakap dia mahu banduan semuanya pun tidak mahukan banduan? Ini ke cara ahli-ahli UMNO berpolitik? Semasa Datuk Harun dalam penjara mereka beri undi kepadanya kerana dia tidak melawan orang yang ditunjuk, sekarang macam mana? Sesekali pakailah kepala sendiri.

Berapa ramai dari para pemimpin UMNO yang sayangkan parti dan bangsanya? Kalau mereka sayangkan bangsa, perbuatan mempertahankan kuasa yang sedang menggilanya ini tidak akan terjadi. Mereka terlupa dengan adanya perbalahan antara Musa dan Ku Li, orang Melayu tidak akan terus menjadi pemerintah di negaranya sendiri. Satu hari nanti Melayu sama Melayu akan bergaduh dan bangsa lain jadi penontonnya. Tidak malu ke?

Apa yang saya tulis ini merupakan alasan yang kuat berkaitan dengan apa yang diperjuangkan oleh Datuk Harun Idris selama ini. Setiap ahli UMNO yang sentiasa mengikut perkembangan politik UMNO tentunya tidak akan lupa dengan apa yang pernah dibicarakan atau

diucapkan oleh Datuk Harun Idris ketika beliau menjadi perwakilan Selangor dalam persidangan Agung UMNO ke 28 pada tahun 1977.

Dewan persidangan ketika itu berseri-seri dengan tepukan dan suasana hangat yang ditimbulkan oleh Datuk Harun Idris, jurucakap Selangor, sehingga beliau bercakap tanpa diberikan had masa. Datuk Harun berbicara tentang pencapaian matlamat ekonomi orang Melayu untuk masa 13 tahun dari tarikh itu, di samping menimbulkan masalah kegagalan Majlis Kerja Tertinggi membawa ke pengetahuan dan perbincangan UMNO tentang perpisahan Singapura dari Malaysia. Sambil itu dengan lantang juga beliau menyentuh tentang kegagalan Biro Politik UMNO menjalankan tanggungjawabnya sehingga beliau sendiri menyatakan dengan terus terang tentang adanya kuasa lain yang lebih besar dari Setiausaha Agung UMNO dan Setiausaha Agung Barisan Nasional dalam membuat keputusan berhubung dengan pelaksanaan matlamat UMNO dan Fasal 21 Perlembagaan UMNO. Itulah antara lain yang terkandung dalam ucapan Datuk Harun. Dan perkara seperti inilah yang sedang berlaku sekarang.

Selagi Datuk Harun belum duduk sebagai Timbalan Presiden dia tidak boleh buat apa-apa. Apa yang Naib Presiden dan ahli Majlis Kerja Tertinggi boleh buat?

Baru-baru ini, Dr. Mahathir buat keputusan buang USNO dari Barisan Nasional. Dia umumkan di akhbar dulu. Lepas itu dia panggil Majlis Kerja Tertinggi bermesyuarat berjam-jam lamanya. Habis mesyuarat dia kata dia sudah membuat pengumuman, hendak buat macam mana? Apa gunanya mesyuarat kalau keputusan sudah dibuatnya dulu?

Siapa tidak tahu hubungan Musa dan Tun Mustapha? Musa sayangkan Tun dan USNO, tetapi dalam hal seperti ini, apa Musa sudah buat? Tun Mustapha sentiasa menyanjung tinggi Musa, tapi Musa ternyata tidak berkuasa. Nampaknya Dr. Mahathir tidak dengar cakap orang.

Suasana politik sekarang terutama politik bangsa Melayu dalam parti UMNO memerlukan manusia macam Datuk Harun Idris yang menyedari suasana politik sekarang ini. Maka empat perkara yang menjadi perkara asas bagi menyelamatkan bangsa Melayu telah diberikan oleh Datuk Harun Idris untuk menjadi asas pertandingannya melawan jawatan Timbalan Presiden, bukan melawan Timbalan Perdana Menteri, bukan melawan Musa. Dia tahu Musa lemah. Hakikat ini harus disedari oleh anggota-anggota UMNO sendiri. Empat perkara asas tersebut adalah seperti berikut:-

1. Parti akan terus pecah kalau pertandingan di antara Datuk Musa Hitam dan Tengku Razaleigh berulang. (Kerana kedua-duanya menteri. Kedua-duanya diperlukan oleh orang Melayu. Kedua-duanya disayangi oleh UMNO. Orang Melayu menaruh sepenuh harapan kepada kedua-duanya. Sebab itu Mahathir memberikan kedua-duanya jawatan yang penting dan tidak patut mereka hendak merebut kerusi itu lagi.) Sabarlah masa mereka panjang.
2. Keputusan-keputusan yang dibuat masa kini tidak dibincangkan terlebih dahulu di peringkat Majlis Kerja Tertinggi yang seolah-olah *rubber stamp*.

3. Timbalan Presiden UMNO tidak bermakna akan menjadi Timbalan Perdana Menteri kerana ini akan mewujudkan pemusatan kuasa yang terlalu banyak. *Power corrupts. Absolute power corrupts absolutely.* Inilah yang tidak disenangi oleh Dr. Mahathir dulu sebelum jadi Perdana Menteri. Baca *Dilema Melayu*.
4. Wujudnya suasana mengikut perintah (*yes man*) tanpa mengemukakan pandangan kerana yang memegang jawatan dalam kerajaan takut kedudukan terjejas.

Ada orang kata Datuk Harun sudah berumur. Dalam politik tidak timbul masalah umur. Lebih lama seseorang itu bergelumang dalam politik, lebih banyak pengalaman dan lebih matang pemikiran dan jangkauan politiknya. Orang politik ini macam kelapa. Makin tua makin ber-santan. Kelapa muda mana ada santan, nak buat benih pun tak boleh. Inilah yang terjadi dalam UMNO sehingga parti sudah dikuasai oleh kerajaan kerana hampir setiap pemimpin parti yang muda diberi kerusi yang baik. Kata suruh pandang ke Timur. Cuba tengok pemimpin politik di Jepun, semua tua-tua belaka, sebab itu Jepun boleh maju. Orang Jepun tak ikut bulat-bulat apa kata Perdana Menteri mereka.

Tujuan Datuk Harun ialah supaya kerajaan tidak menguasai parti tapi parti yang menguasai kerajaan. Orang UMNO jangan salah sangka. Yang jelas hari ini kerajaan itu parti dan parti itu kerajaan. Sebenarnya parti itu parti dan kerajaan itu kerajaan. Minyak dengan air, mana boleh bercampur?

Kerajaan sekarang ialah kerajaan Barisan Nasional

bukannya kerajaan UMNO, walaupun UMNO yang menjadi tulang belakangnya. Ini mestilah difahami betul-betul. Kalau parti UMNO sudah jadi kerajaan berarti perjuangan orang Melayu sudah tamat. Dan hasilnya Dasar Ekonomi Baru akan gagal. Rakyat Melayu tidak akan dapat apa-apa.

Sejak Adib Adam (menteri menangis) jadi Menteri Penerangan, Radio dan T.V. itu sudah jadi macam hak milik dia. Hari-hari gambar dan berita mengenai Musa dan kuncunya saja. Mahathir kadang-kadang ada kadang-kadang tidak. Patutlah RTM terbakar. Kenapa terbakar orang dalam RTM sajalah yang tahu. Patutlah asyik menangis saja. Nasihat saya pada Mahathir kalau negeri ini nak selamat, tukarkan Menteri Penerangan.

Akhbar-akhbar tempatan pula cuba dengan sedaya upaya mengelirukan pembaca dari melihat situasi yang sebenarnya berlaku dalam pucuk pimpinan UMNO. Berita dan gambar-gambar Musa, Mahathir dan Maria banyak tersiar akhir-akhir ini. Sejak bila pula Datin Maria jadi macam Imelda Marcos? Maria nak bertanding Ketua Wanita ke?

Benarkah dalam UMNO sekarang tidak ada klik-klik? Benarkah dalam UMNO sekarang ahli-ahlinya tidak berpuak-puak? Benarkah? Mahathir sendiri telah melantik para general dan leftenan dalam perhimpunan agung tahun lepas. Mahathir sendiri pun ada leftenan-leftenannya. Itu Siwarso (Sanusi Junid) yang kasi semua kerbau-kerbaunya pakai kaca mata hijau, itu bukan kempen manager pilihan?

Saudara boleh membohongi ratusan, ribuan manusia lain, tetapi saudara tidak boleh membohongi diri sendiri.

Pengetahuan dan pengalaman yang hari-hari saudara dengar dari cakap-cakap orang dan dari bacaan suratkhbar dan sebagainya, jelas menunjukkan "MEMANG DALAM UMNO ADA BERPUAK-PUAK, ADA KLIK-KLIK". Dr. Mahathir pun tahu tapi dia tidak boleh buat apa-apa, tepuk air di dulang terpercik muka sendiri.

Kerajaan yang ada sekarang ialah kerajaan macam yang dirancangkan oleh British iaitu *Malayan Union* yang suatu waktu dulu amat ditakuti oleh orang Melayu. Dan bila UMNO dah jadi kerajaan UMNO tidak boleh lagi memperjuangkan hak-hak orang Islam. UMNO sudah jadi *United Malaysian National Organization* bukan lagi *United Malay National Organization*. Bagaimana ia mahu memperjuangkan hak Melayu?

Ramai yang berada dalam parti hari ini tergolong daripada generasi kedua. Ramai pemimpin-pemimpin muda hari ini kurang semangat kebangsaannya. Mereka tidak tahu pahit maung perjuangan untuk menjadikan Malaysia seperti yang ada hari ini. Kalau sekiranya mereka menolak Datuk Harun itu bererti mereka menolak suara Melayu. Harun itu adalah Melayu tapi Melayu bukan Harun. Harun adalah UMNO tapi UMNO bukan Harun. Suara Harun suara UMNO, suara UMNO suara Melayu. Orang Melayu tidak akan hilang maruahnyanya dengan kehadiran Datuk Harun, kerana Datuk Harun adalah manusia luar biasa yang berjiwa waja. Setelah begini ditekan dan dihina, dibuat macam-macam dia masih sayangkan UMNO. Dia masih mahu mengabdikan dirinya pada UMNO. Perhimpunan ini nanti akan membuktikan sama ada UMNO masih sayangkannya atau tidak.

Dalam keadaan terdesak begini marilah kita berpegang pada peribahasa "Jangan ditanya siapa yang

berkata, yang penting apa yang dikata.”

Sementara belum ada rotan akar pun jadilah. Antara ketiga, Datuk Harun, Datuk Musa dan Tengku Razaleigh Hamzah siapakah yang lebih matang? Musa tidak bermusuhan dengan Datuk Harun. Malah dia pernah terhutang budi pada Harun. Mahathir sudah bayar budi Harun, Musa bila lagi? Ku Li tidak bermusuhan dengan Harun. Musa dengan Ku Li yang bermusuhan-musuhan. Antara kedua, siapa yang menang sampai matipun dendam tak habis.

Hubungan baik antara Harun dan Yang DiPertuan Agong, Insyallah dapat menyelamatkan UMNO. Kita tidak mahu sebab nila setitik rosak susu sebelanga. Kita tidak mahu pisang berbuah dua kali. Kita tidak mahu Kerajaan Malaysia sekarang jatuh seperti jatuhnya Kerajaan Melayu Melaka dalam abad ke 15 dahulu, kerana kita semua tahu siapakah orang-orang yang bertanggungjawab meruntuhkan Kerajaan Melaka. Janganlah mentang-mentang ramai pemimpin dari negeri yang tidak beraja yang menguasai pucuk pimpinan UMNO sekarang, hubungan baik antara UMNO dan Raja jadi terputus.

Orang Melayu tentunya sudah membaca *Sejarah Melayu*. Janganlah mengaku Melayu kalau tidak pernah membaca *Sejarah Melayu*. Kita tidak mahu dua pahlawan yang hebat dan gagah berani bertikam kerana muslihat peribadi. Biarlah peristiwa Hang Tuah bertikam dengan Hang Jebat tidak berulang lagi. Kita tidak mahu peristiwa itu berulang sebab itulah agaknya Allah membuka hati Datuk Harun Idris untuk menyelamatkan keadaan ini. Hendak apa lagi? Datuk Harunlah pilihan yang tepat sebagai Timbalan Presiden untuk masa kini. Kalau dia tidak betul, tiga tahun lagi kita buang dia. Yang menjadi hakim bukan pucuk pimpinan, tetapi para perwakilan yang akan menentukan undi mereka. Tepuk dada tanyalah selera. Pilihlah siapa yang anda suka.

KATA PENUTUP

Syukur kita kehadrat Allahsubhanawataala kerana kita semua masih ingat pada Allah. Itu bererti Tuhan tidak lupa kita. Negeri akan selamat bila para pemimpinnya taat dan takut pada Allah.

Siapa yang boleh terfikir pemimpin-pemimpin seperti Mahathir dan Musa akan bercakap pasal Islam? Siapa? Mereka bukan pemimpin PAS, bukan pemimpin yang mempunyai pendidikan Islam? Tapi mereka cakap juga pasal Islam. Biar orang nak kata kerusi yang bercakap samada mereka ikhlas atau tidak mereka jawablah dengan Allahsubhanawataala. Inilah baiknya dua M, kerana adanya dua M, para kadi, lebai, imam semua mendapat ganjaran rezeki dan kedudukan yang agak baik sedikit dari zaman penjajah. Akhir-akhir ini mereka cuba mengambil tahu nasib orang yang mempunyai kelulusan dari pengajian Islam, bukannya itu perbuatan yang baik? Kata peribahasa Inggeris *Half a loaf is better than none*. Walaupun sikit jadilah. Tapi sikit itu berkesan dan memberi harapan.

Mahathir cakap pasal Islam. Musa cakap pasal Islam DYMM Sultan Iskandar, Raja Johor yang sudah menjadi Agung yang kelapan pun berkutbah dan cakap pasal Islam. Saya pun cakap pasal Islam juga. Pada hal saya bukan penulis yang keluar dari Kolej Islam, bukan ada kelulusan dari Al Azhar. Saya pun bukanlah seorang Islam yang baik sangat, lebih kurang macam mereka juga. Cuma saya takut pada Allah dan Rasul, tapi sesekali pun ada kalanya terbuat juga. Hendak buat macam mana? Kita ini manusia biasa. Hijab yang ada antara kita dan Allah berlapis seperti sebiji

bawang. Bila dikupas kulitnya ada lagi kulit di dalam. Bila dikupas lagi, masih ada lapisan, berlapis-lapis, dan kita akan menangis. Kerana bukan mudah hendak berpisah dengan perangai hidup kita.

Kita membangun dan membesar dizaman kebangkitan Islam, biarpun ilmu tentang Islam tidak sebanyak mana, biar pun amalan kita tidak sebanyak mana, tapi kita telah menunjukkan minat dan cinta terhadap agama. Mudah-mudahan Allah bukakan pintu hati kita semua, supaya menjadi lebih takwa, tabahkan Iman dan beri kita semua kekuatan untuk menegakkan agama Allah. Agama Islam yang menjadi Agama resmi Negara kita.

Bercakap pasal Islam. Islam itu tinggi mulia, orang Islam itu baik belaka, tidak bergaduh sesama sendiri, tidak berdendam, tidak bermusuhan-musuhan. Agama Islam adalah agama yang damai. Orang Islam cintakan saudara-saudara. Orang Islam percayakan Nabi Muhammad. Semuga para pemimpin kita dapat menunjukkan sifat seorang Islam yang baik, sentiasa berwajah bersih, senyum dan gembira menjalankan tugas negara.

Nabi Muhammad dalam wasiatnya yang terakhir sebelum wafat mengingatkan kita, bila Baginda wafat nanti, berpandulah kepada AlQuran Nu Karim, kepada Hadithnya dan gunakanlah akal fikiran berdasarkan keimanan kepada Allah dalam membuat sesuatu keputusan sesudah berpandu kepada Quran dan Hadith. Ada ke para pemimpin dan Ulil Amri kita berbuat begitu? Kalau belum buat, bila lagi hendak buat? Janganlah menggunakan Quran dan Hadith sekadar cari pablisiti untuk kekalkan kuasa saja.

Sebelum menyiapkan buku ini, saya terlebih dahulu pergi mengerjakan Umrah, pergi Madinah menziarahi makam Rasullullah, makam para sahabat dan makam Sa'idi-

tuna Fatimah Al Zaharah. Sesudah itu saya ke Iraq menziarahi makam Saidina Ali bin Abu Talib Keramalallah Huwajahah di Najaf, makam Saidina Hussin di Kerbala dan makam Sheikh Abdul Kadir Jailani di Baghdad. Di Baghdad saya menemui guru saya Sheikh Mohd Taha Alkadariah AlHusiani, zuriat dari Muhuddin Gauzal Azam Sheikh Abdul Kadir Jailani, untuk meminta berkat dari para wali dan Awalia Allah supaya Allah memberi petunjuk dan berkat pada pemimpin kita dan rakyat Malaysia yang saya cintai. Akhir sekali, saya ke Johor Baharu menemui sahabat saya Tuan Sheikh Omar, yang saya anggap seperti guru saya. Kali ini dia menasihatkan saya supaya di dalam buku bertuah ini saya isikan ayat Al Imran 159 *Maka dengan rahmat Allah, menjadi lunaklah hati engkau (Ya Muhammad) terhadap mereka. Kalau sekiranya engkau berbudi jahat, berhati kasar, nescaya bercerai berailah mereka menjauhi engkau; maka maafkanlah mereka dan minta ampunkanlah mereka dan bermusyawarahlah dengan mereka tentang urusan itu, apabila engkau bercita-cita (yang tetap) maka engkau bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal.*

Nabi Muhammad S.A.W. mempunyai budi pekerti yang halus, lemah lembut, berhati lunak lembut dan penyayang kepada umatnya. Sebab itu berduyun-duyun manusia masuk agama Islam yang dibawanya. Beliau tidak lupa bermusyawarah dengan mereka tentang pekerjaan yang bersangkutan paut dengan urusan negeri, seperti dari hal peperangan dan sebagainya. Setelah Nabi bermusyawarah dengan mereka dan telah sempurnalah alat pekasanya, baharulah ia mengerjakan pekerjaan itu, sambil menyerahkan diri kepada Allah.

Maka agama Islam telah lebih 1000 tahun lamanya menyuruh bermusyawarat dengan orang-orang cerdik pandai tentang urusan dalam negeri, adakah pucuk pimpinan UMNO bermusyawarah dengan para pemimpin sebelum membuat sesuatu keputusan?

INDEKS

- Abdul Ajib Ahmad (Datuk) – 79.
Abdullah Ahmad Badawi (Datuk) – 80, 92, 106, 107, 108, 109, 134, 148, 149.
- Abdul Razak (Tun, Allahyarham) – 9, 53, 54, 56, 90, 96, 134, 152, 153.
Adib Adam (Mohd., Datuk Sri) – 26, 80, 82, 86, 147, 180.
Anwar Ibrahim – 16, 67, 71, 75, 80, 92, 112, 129, 134.
Amar Taib Mahmood (Datuk) – 99.
Aishah Ghani (Datin Paduka) – 112, 113, 121; 122.
- Bandaranaiké – 117.
- Dinsman – 89.
- Fatimah Hashim (Tan Sri) – 122.
- Ghazali Shafie (Mohd., Tan Sri) – 88.
Gaffar Baba (Y.B.) 72, 148.
Gandhi – 51.
- Harun Idris (Haji Datuk) – 9, 15, 16, 17, 22, 37, 39, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 56, 57, 68, 70, 72, 75, 78, 80, 82, 93, 95, 96, 123, 132, 132, 134, 151, 152, 153, 154, 155, 156, 157, 158, 159, 160, 161, 162.
Halim Mahmood – 29.
Henry Kessinger – 148.
- Hussein Onn (Tun) – 8, 9, 42, 68, 93, 95, 107, 132, 134, 154.
Harris Salleh (Datuk) – 131, 132.
Hormat Rafaie (Datuk) – 99.
Hamzah Abu Samah (Datuk) – 99, 100.
Hasmah (Datuk, Dr.) – 62.
- Imam Mahadi – 126, 134.
Ismail (Tun, Dr., Allahyarham) – 84, 90, 93, 152, 153.
Imelda Marcos – 160.
Indira Gandhi – 62, 117.
- Jalil – 5.
- Kadir Sheikh Fazil – 149.
- Kassim Ahmad – 95.
- Lee Kuan Yew (Datuk) – 85.
- Mahathir Muhammed (Dr. Datuk Sri) – 15, 16, 22, 33, 36, 37, 39, 40, 41, 42, 43, 46, 47, 50, 53, 54, 55, 56, 58, 59, 60, 61, 62, 63,

65, 66, 67, 68, 70, 72, 73, 74, 78, 80, 83, 84, 85, 86, 88, 89, 96,
98, 99, 100, 103, 104, 106, 126, 127, 129, 131, 132, 133, 134,
135, 136, 137, 138, 139, 140, 146, 148, 150, 151, 152, 153,
155, 156, 157, 158, 160, 161, 162, 163.

Mohd. Esa (Datuk) — 147.

Mohd. Rahmat (Datuk) — 76, 78, 79, 80, 81, 82, 107.

Mokhtar (Wan Datuk) — 66, 146, 147, 148.

Mokhtar Hashim (Datuk) — 107, 108, 113, 145, 147.

Musa Hitam (Datuk) — 9, 16, 22, 25, 28, 29, 34, 35, 37, 38, 39,
40, 41, 42, 43, 55, 56, 56, 67, 68, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 79, 80,
81, 82, 83, 84, 86, 88, 89, 90, 93, 94, 95, 106, 107, 108, 112,
136, 146, 148, 149, 150, 151, 152, 153, 154, 155, 158, 160,
162, 163.

Mustapha (Datuk, Tun) — 68, 72, 131, 132, 137, 158.

Maria (Datin) — 160.

Margaret Thatcher — 117.

Mokhtar Lubis — 19.

Marcos — 88.

Marina Yusof — 112, 114, 117, 121, 122.

Nabi Adam — 12.

Nabi Muhammad S.A.W. — 7, 21, 28, 35, 40, 42, 108, 130, 133,
165.

Najib Tun Razak (Datuk) — 149.

Napsiah Omar — 150.

Osman Saat (Tan Sri) — 67.

P. Ramlee — 62.

Reagen — 62.

Rahmah Osman — 150.

Rafidah Aziz (Datin Paduka) — 80, 115, 122, 123.

Ramli Ngah Talib — 149.

Rahim Tambi Chik (Datuk) — 80.

Rais Yatim (Datuk) — 146, 147, 148.

Syed Jaafar Albar (Tan Sri) — 67, 123.

Syed Hussein Alattas — 28, 137.

Syed Nassir (Tan Sri) — 65.

Sultan Azlan Muhibuddin Shah (Sultan Perak). — 35.

Senu (Datuk) – 47, 74, 128.
Sukardi Abd. Ghani – 36.
Sanusi Junid (Datuk) – 42, 80, 148, 160.
Said Taib – 113.
Sardon (Tun) – 84.
Sulaiman Masri – 88.
Sulaiman Palestin – 155.
Suharto (Jeneral) – 107.
Shahrir (Daruk) – 92, 93, 94, 95, 96.
Sabaruddin Chik (Datuk) – 98, 99, 100, 101, 102, 103.
Sukarno – 50, 51, 88.
Suhaimi (Haji, Datuk) – 16, 67, 71, 75, 107, 123.
Syarifah Dora (Y. B.) – 121, 134, 150.
Saidina Ali bin Abu Talib – 42, 165.
Saidituna Fatimah Al Zaharah – 165.
Saidina Hussein – 165.
Sheikh Abd. Kadir Jailani . – 165.
Sheikh Mohd. Taha Kadariah Al Hussaini – 165.
Sheikh Omar – 165.
Tengku Ahmad Rithauddin – 148.
Tengku Iskandar (D.Y.M.M.) – 17, 25, 26, 27, 28, 29, 32, 34, 36, 42,
43, 80, 163.
Tengku Razaleigh (Y.B.) – 22, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 45, 56,
69, 70, 71, 72, 73, 74, 75, 82, 88, 94, 95, 96, 122, 150, 151,
156, 158, 160, 162.

Zaleha Ismail (Datin Paduka) – 112, 113, 114, 115, 116, 122, 123,
150.

Naskah Pemeliharaan
Perpustakaan Negara Malaysia

30 MAY 1984